

The background features a complex arrangement of overlapping geometric shapes in shades of blue, purple, and grey. A prominent pattern of thin, intersecting lines forms a grid-like structure, reminiscent of a bridge or architectural framework, overlaid on the colored shapes.

3

PRESTASI EKONOMI DAN PROSPEK

Prestasi Ekonomi dan Prospek

Tinjauan

Pertumbuhan yang kukuh dan menyeluruh

Pertumbuhan ekonomi Malaysia mengukuh daripada 6.2% dalam tempoh suku pertama kepada 6.4% dalam tempoh suku kedua 2014, mencatat pertumbuhan paling tinggi sejak suku keempat 2010, sekaligus merekod pertumbuhan sebanyak 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2014. Pertumbuhan ini disokong oleh permintaan domestik yang berdaya tahan dan diperkukuh oleh eksport yang lebih tinggi. Pemulihan yang lebih cepat terutamanya di Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan beberapa negara di kawasan euro serta pertumbuhan sederhana dalam kalangan ekonomi negara membangun yang berkembang pesat menyediakan sokongan kukuh kepada industri berorientasikan eksport dan perkhidmatan berkaitan perdagangan negara. Selain itu, permintaan semikonduktor global turut melonjak dengan ketara berikutan peningkatan keyakinan peniagaan dan perbelanjaan pengguna di AS serta pengurangan inventori tidak terjual. Sehubungan itu, eksport kasar meningkat semula dengan kukuh sebanyak 10.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 daripada penguncupan sebanyak 2.8% dalam tempoh yang sama pada 2013.

Sementara itu, ekonomi Malaysia mendapat manfaat daripada beberapa inisiatif dan perubahan yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun yang lalu untuk meningkatkan daya tahan dan daya saing. Hasilnya, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk terus mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi global yang berperingkat, dengan pertumbuhan yang lebih menyeluruh. Kekuatan negara termasuk asas makroekonomi yang kukuh seperti ekonomi yang pelbagai; kadar pengangguran yang rendah; rizab antarabangsa yang kukuh; peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan

dengan menyumbang sebanyak 68.9% daripada jumlah pelaburan dalam tempoh separuh pertama 2014; dan sistem kewangan yang teguh untuk menyokong aktiviti ekonomi. Ekonomi domestik akan terus berkembang dalam tempoh separuh kedua tahun ini, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, terutamanya disebabkan oleh kesan asas yang tinggi bagi prestasi eksport pada tahun sebelumnya. Pada 2014, ekonomi dijangka berkembang 5.5% hingga 6% (2013: 4.7%), lebih tinggi berbanding unjuran 4.5% hingga 5.5% yang dibuat pada awal 2014.

Dari sudut permintaan, pertumbuhan ekonomi akan dipacu oleh perbelanjaan pengguna yang berdaya tahan, aktiviti pelaburan swasta yang kukuh dan permintaan global yang bertambah baik. Perbelanjaan pengguna dijangka kekal kukuh walaupun pada kadar sederhana, disokong oleh pasaran buruh yang menggalakkan, pertumbuhan upah yang berterusan dan pendapatan eksport yang tinggi. Pelaburan swasta dijangka mengekalkan momentum pertumbuhan yang teguh disokong oleh pelaksanaan projek di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan pelaburan di koridor pembangunan ekonomi wilayah. Sementara itu, perbelanjaan awam dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan selaras dengan komitmen Kerajaan terhadap konsolidasi fiskal. Penggunaan awam dijangka menyederhana berikutan pertumbuhan yang lebih rendah bagi emolumen manakala pelaburan awam akan terus berkembang disokong oleh perbelanjaan modal yang lebih tinggi daripada Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Dari sudut penawaran, semua sektor dijangka mencatat pertumbuhan positif pada 2014, diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Sektor perkhidmatan dijangka berkembang kukuh, dengan perdagangan borong, pengangkutan dan penyimpanan mendapat manfaat daripada

aktiviti berkaitan perdagangan yang lebih tinggi. Sementara itu, aktiviti perdagangan runcit, penginapan dan restoran serta komunikasi dijangka meningkat disebabkan perbelanjaan isi rumah yang berterusan. Sektor pembuatan dijangka berkembang lebih cepat disebabkan oleh peningkatan eksport barangan elektronik dan elektrik (E&E) berikutan permintaan luar yang bertambah baik. Jualan dan eksport komputer peribadi (PC) serta peralatan berkaitan kembali pulih selaras dengan permintaan global yang semakin baik dan pengurangan inventori. Pertumbuhan industri berorientasikan domestik seperti makanan dan minuman serta peralatan pengangkutan dan jentera dijangka kekal menggalakkan sejajar dengan penggunaan domestik yang kukuh dan pelaburan swasta yang cergas. Sektor pembinaan dijangka terus berkembang disokong oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Subsektor kejuruteraan awam akan didorong oleh projek minyak dan gas (O&G) serta pengangkutan. Sementara itu, pertumbuhan dalam subsektor kediaman terutamanya disebabkan oleh pembinaan projek kediaman swasta yang berada dalam lingkungan harta tanah sederhana hingga mewah, terutamanya di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor. Prospek sektor pertanian pada 2014 juga dijangka kekal menggalakkan, disokong oleh peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan makanan terutamanya ayam-itik, buah-buahan dan sayur-sayuran. Sektor perlombongan dijangka berkembang disebabkan oleh peningkatan dalam pengeluaran gas asli dan minyak mentah (termasuk kondensat) berikutan peningkatan kapasiti dan kemudahan pengeluaran yang baharu.

Kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal menggalakkan pada 2014 disokong oleh persekitaran luar yang bertambah baik, peningkatan jualan semikonduktor global serta permintaan domestik dan serantau yang berdaya tahan. Akaun semasa dijangka mencatat lebihan yang lebih tinggi iaitu RM53.9 bilion atau 5.1% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK), didorong oleh lebihan yang lebih tinggi dalam akaun barangan dan perkhidmatan serta defisit akaun pendapatan primer yang lebih kecil walaupun aliran keluar bersih akaun pendapatan sekunder meningkat sedikit. Eksport dijangka

berkembang 6%, didorong oleh permintaan luar negeri yang kukuh bagi produk pembuatan dan harga komoditi yang stabil. Pertumbuhan import akan kekal berdaya tahan pada 4.3% disokong oleh peningkatan berterusan dalam aktiviti pembuatan, pelaburan dan penggunaan. Defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan primer dijangka bertambah baik disebabkan oleh terimaan perjalanan bersih yang lebih tinggi dan pendapatan yang lebih baik daripada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Sementara itu, defisit akaun pendapatan sekunder meningkat sedikit berikutan kiriman wang yang lebih tinggi oleh pekerja asing di Malaysia berikutan pelaksanaan sepenuhnya Dasar Gaji Minimum berkuat kuasa pada Januari 2014. Akaun kewangan akan mengalami aliran dua hala dengan pelaburan langsung asing (FDI) dijangka meningkat berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan manakala syarikat Malaysia akan terus mengukuhkan kedudukan di luar negeri bagi tujuan meningkatkan keuntungan korporat dan syer pasaran yang lebih tinggi dalam sektor tertentu.

Inflasi keseluruhan mencatat purata peningkatan sebanyak 3.3% bagi tempoh lapan bulan pertama 2014 berbanding 1.7% bagi tempoh yang sama 2013. Selain daripada peningkatan harga makanan disebabkan oleh faktor kos domestik, inflasi yang lebih tinggi mencerminkan kesan limpahan pelarasan harga minyak berikutan rasionalisasi subsidi pada September 2013 dan kenaikan tarif elektrik pada Januari 2014. Inflasi pengeluaran yang diukur oleh Indeks Harga Pengeluar, turut meningkat 2.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 berbanding penguncupan sebanyak 3.7% dalam tempoh yang sama pada 2013. Selaras dengan konsolidasi fiskal, subsidi petrol RON95 dan diesel dikurangkan sebanyak 20 sen seliter berkuat kuasa 2 Oktober 2014. Berdasarkan perkembangan ini, inflasi dijangka dalam lingkungan 3.4% pada 2014. Dengan kadar inflasi dijangka kekal melebihi purata jangka panjang, Bank Negara Malaysia (BNM) telah menaikkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 3.25% pada Julai 2014, sebagai langkah awalan untuk mengurangkan risiko ketidakseimbangan ekonomi dan kewangan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik, pendapatan negara yang diukur melalui PNK nominal dijangka berkembang 10.2% kepada RM1,049.5 bilion pada 2014 (2013: 5.2%; RM952.6 bilion), melepasi paras RM1 trilion buat julung kalinya. Sementara itu, pendapatan per kapita akan meningkat 8.9% kepada RM34,682 (2013: 3.7%; RM31,843). Dari segi Pariti Kuasa Beli (PPP), pendapatan per kapita dianggar meningkat 2.2% kepada USD22,958 (2013: 4.8%; USD22,460).

Prestasi Mengikut Sektor

Dalam tempoh separuh pertama 2014, semua sektor mencatat pengembangan, dengan pertumbuhan dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan berikutan permintaan domestik yang berdaya tahan dan sektor luar yang bertambah baik. Sektor perkhidmatan terus berkembang disokong oleh aktiviti yang kukuh dalam subsektor perdagangan borong dan runcit serta komunikasi. Sementara itu, sektor pembuatan berkembang kukuh, mencatat pertumbuhan tertinggi dalam tempoh tiga tahun, didorong

oleh jualan semikonduktor global yang lebih tinggi. Pertumbuhan sektor pembinaan kekal kukuh disokong oleh pengembangan dalam subsektor kediaman dan kejuruteraan awam. Sektor pertanian meningkat berikutan pengeluaran yang lebih tinggi bagi komoditi minyak sawit dan makanan manakala sektor perlombongan meningkat sedikit didorong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi.

Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan menerajui pertumbuhan

Dalam tempoh separuh pertama 2014, **sektor perkhidmatan** terus meningkat sebanyak 6.3% (Januari – Jun 2013: 5.5%) disokong oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan domestik yang kukuh. Pada 2014, sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan 5.9%, merangkumi 55.3% daripada KDNK (2013: 5.9%; 55.2%). Kumpulan **perkhidmatan perantara** dijangka berkembang 5.2% (2013: 5.1%), disokong oleh subsektor komunikasi serta hartanah dan perkhidmatan perniagaan. Sementara itu,

JADUAL 3.1

KDNK Mengikut Sektor 2013 – 2015 (pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2013	2014 ¹	2015 ²	2013	2014 ¹	2015 ²	2013	2014 ¹	2015 ²
Pertanian	2.1	3.8	3.1	7.1	7.0	6.9	0.1	0.3	0.2
Perlombongan	0.7	0.7	2.8	8.1	7.7	7.5	0.1	0.1	0.2
Pembuatan	3.5	6.4	5.5	24.5	24.7	24.8	0.9	1.5	1.4
Pembinaan	10.9	12.7	10.7	3.8	4.0	4.2	0.4	0.5	0.4
Perkhidmatan	5.9	5.9	5.6	55.2	55.3	55.4	3.2	3.3	3.1
Tambah: Duti import	5.8	7.3	-4.2	1.3	1.4	1.2	0.1	0.1	-0.1
KDNK	4.7	5.5 – 6.0	5.0 – 6.0	100.0	100.0	100.0	4.7	5.5 – 6.0	5.0 – 6.0

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.2

**Prestasi Sektor Perkhidmatan
2013 – 2015**
(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)		
	2013	2014 ¹	2015 ²	2013	2014 ¹	2015 ²
Perkhidmatan perantaraan						
Kewangan dan insurans	1.8	1.8	1.4	9.1	8.8	8.5
Hartanah dan perkhidmatan perniagaan	7.5	7.5	7.1	5.7	5.7	5.8
Komunikasi	10.0	10.0	9.6	4.1	4.2	4.4
Pengangkutan dan penyimpanan	4.6	5.0	4.7	3.6	3.6	3.6
Perkhidmatan akhir						
Perdagangan borong dan runcit	6.4	7.7	7.1	14.4	14.7	14.9
Penginapan dan restoran	5.7	6.1	5.9	2.5	2.5	2.5
Utiliti	4.1	3.6	3.9	2.5	2.4	2.4
Perkhidmatan lain	5.1	4.8	4.5	5.0	5.0	4.9
Perkhidmatan kerajaan	8.3	6.1	5.6	8.3	8.3	8.3
Jumlah	5.9	5.9	5.6	55.2	55.3	55.4

¹ Anggaran.
² Unjuran.
 Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.


kumpulan **perkhidmatan akhir** dijangka meningkat 6.5% (2013: 5.8%) didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta perkhidmatan lain.

Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan kukuh 8.9% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 5.4%) disokong oleh perbelanjaan pengguna yang teguh. Segmen runcit meningkat 10.1% (Januari – Jun 2013: 7.1%) disebabkan oleh jualan yang memberangsangkan di rangkaian runcit seperti pasar raya besar dan *superstore* berskala besar. Sejak pelancaran Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) pada Januari 2011 sehingga akhir Julai 2014, 1,761 kedai runcit kecil (akhir Julai 2013: 1,381) telah dimodenkan bagi meningkatkan daya saing. Selain itu, pertumbuhan kukuh segmen runcit juga disokong oleh Jualan Bersepadu 1Malaysia yang

diadakan dari 29 Jun 2014 sehingga 1 September 2014 untuk menarik pelancong asing dan penduduk tempatan membeli-belah di Malaysia. Sementara itu, segmen borong berkembang 8.2% (Januari – Jun 2013: 4.9%) disebabkan oleh peningkatan jualan produk perantaraan bukan pertanian seperti petrol, diesel, minyak pelincir dan barangan isi rumah. Segmen kenderaan motor melonjak 6.4% (Januari – Jun 2013: 1.5%) disokong oleh peningkatan jualan kenderaan bermotor dan alat ganti, terutamanya semasa musim perayaan. Sejumlah 500 bengkel mengambil bahagian dalam projek Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) sejak dilancarkan pada Januari 2011 sehingga akhir Julai 2014 (akhir Julai 2013: 270). Pada 2014, subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka meningkat 7.7% (2013: 6.4%) disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh.

CARTA 3.1

Penunjuk Terpilih Sektor Perkhidmatan



Sumber: Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia, tujuh pelabuhan utama (Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Johor, Bintulu, Kuching dan Kuantan), Malaysia Airports Holdings Berhad, Lapangan Terbang Antarabangsa Senai dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Subsektor penginapan dan restoran berkembang 5.9% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 5.7%) disebabkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan dan restoran. Pertumbuhan subsektor ini turut digambarkan melalui peningkatan jumlah penawaran bilik hotel sebanyak 3.8% kepada 197,030 pada akhir Jun 2014 (akhir Jun 2013: 5.4%; 189,843) dengan Kuala Lumpur terus mencatat sumbangan tertinggi sebanyak 17.4% (akhir Jun 2013: Kuala Lumpur; 17.1%). Pada 2014, subsektor penginapan dan restoran dijangka berkembang 6.1% (2013: 5.7%) disokong oleh ketibaan dan hasil terimaan pelancong yang lebih tinggi sempena Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2014.

Malaysia meraikan TMM yang keempat pada 2014 dengan tema “*Celebrating 1Malaysia Truly Asia*” untuk mempromosi warisan, keistimewaan dan kebudayaan Malaysia. Dalam tempoh lima bulan pertama 2014, jumlah ketibaan pelancong meningkat 10.1% kepada 11.5 juta (Januari – Mei 2013: 10.9%; 10.5 juta), walaupun terdapat sedikit penurunan ketibaan pelancong dari China berikutan insiden MH370 pada Mac 2014. Tiga negara penyumbang tertinggi ketibaan pelancong adalah Singapura (5.8 juta), Indonesia (1.1 juta) dan China (0.7 juta). Sementara itu, Malaysia kekal sebagai destinasi percutian kegemaran dalam kalangan pelancong Muslim dengan ketibaan pelancong meningkat 9.4% kepada 2.2 juta dalam tempoh lima bulan pertama 2014 (Januari – Mei 2013: 9.3%; 2 juta). Dalam hal ini, kedudukan Malaysia di tempat pertama sebagai destinasi percutian *halal-friendly* dan tempat kedua sebagai destinasi membeli-belah *halal-friendly* di dunia telah membantu menarik pelancong Muslim.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, program Malaysia Rumah Keduaku (MM2H) telah menarik seramai 1,958 peserta (Januari – Julai 2013: 1,509) terutamanya dari China (49%), Jepun (12%) dan Bangladesh (9%). Dalam industri Mesyuarat, Insentif, Persidangan dan Pameran (MICE), jumlah peserta dijangka mencapai 196,708 dari 298 acara dan menjana hasil sebanyak

RM1.5 bilion pada 2014 (2013: 131,786; 274; RM1 bilion). Malaysia dijangka menarik seramai 28 juta pelancong pada 2014 dan menjana hasil sebanyak RM76 bilion (2013: 25.7 juta; RM65.4 bilion) berikutan pelbagai acara khas dan perayaan selama setahun serta kempen promosi dan pakej pelancongan yang menarik.

Subsektor kewangan dan insurans berkembang sederhana kepada 1.5% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 3%). Segmen kewangan meningkat 1.4% (Januari – Jun 2013: 1.5%) disebabkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan berasaskan fi. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, jumlah permohonan pinjaman menguncup 1.9% kepada RM463 bilion (Januari – Julai 2013: -1.8%; RM472 bilion), manakala jumlah pinjaman yang diluluskan menurun 2.4% kepada RM223 bilion (Januari – Julai 2013: -2.7%; RM228 bilion), sebahagiannya disebabkan oleh langkah kehematan makro untuk mengawal hutang isi rumah. Walau bagaimanapun, jumlah pinjaman yang dikeluarkan meningkat semula dengan kukuh sebanyak 13% kepada RM601 bilion (Januari – Julai 2013: -3.3%; RM532 bilion) terutamanya untuk modal kerja sektor perniagaan, merangkumi kira-kira 57% daripada jumlah pengeluaran pinjaman berikutan aktiviti ekonomi yang menggalakkan.

Pertumbuhan segmen insurans menyederhana kepada 1.8% dalam tempoh enam bulan pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 7.9%) berikutan prestasi yang lebih perlahan dalam perniagaan insurans hayat. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, premium baharu insurans hayat berkurang secara marginal sebanyak 0.6% kepada RM4.7 bilion (Januari – Julai 2013: -0.9%; RM4.7 bilion) disebabkan oleh penurunan sedikit dalam premium insurans hayat biasa. Sebaliknya, tuntutan insurans hayat meningkat dengan ketara sebanyak 10.2% kepada RM9.8 bilion (Januari – Julai 2013: 6.1%; RM8.9 bilion) disebabkan oleh peningkatan tuntutan perubatan dan faedah yang dibayar bagi polisi yang telah matang. Sementara itu, premium langsung kasar bagi insurans am berkembang 5.3% (Januari – Julai 2013: 7%)

disebabkan oleh peningkatan perniagaan motor dan kebakaran, dengan perniagaan motor terus menyumbang bahagian terbesar (46%) kepada jumlah premium langsung kasar. Pada 2014, pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans dijangka kekal pada 1.8% (2013: 1.8%).

Subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 8% dalam tempoh enam bulan pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 6.7%). Dalam tempoh tersebut, segmen perkhidmatan perniagaan merekod pertumbuhan 8.9% (Januari – Jun 2013: 7.7%) didorong sebahagian besarnya oleh permintaan yang tinggi untuk perkhidmatan profesional terutamanya perkhidmatan kejuruteraan dalam sektor pembinaan serta perkhidmatan komputer. Sementara itu, segmen hartanah berkembang 5.5% (Januari – Jun 2013: 4%) berikutan transaksi hartanah yang meningkat semula sebanyak 3.3% kepada 193,430 (Januari – Jun 2013: -13.8%; 187,164) dengan nilai transaksi merekod pertumbuhan dua digit sebanyak 19% kepada RM82 bilion (Januari – Jun 2013: -0.3%; RM69 bilion). Walaupun harga harta tanah masih berada pada paras yang tinggi, pelbagai langkah yang diperkenalkan untuk membendung kenaikan harga harta tanah dan aktiviti spekulasi telah mula memberi kesan. Perkara ini dicerminkan oleh peningkatan harga harta tanah yang lebih perlahan sebanyak 8.1% manakala transaksi berkurang sebanyak 2.7% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 11%; 5.1%). Pertumbuhan subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka kekal 7.5% pada 2014 (2013: 7.5%).

Dalam tempoh separuh pertama 2014, *subsektor komunikasi* berkembang 10% (Januari – Jun 2013: 9.4%) berikutan peningkatan berterusan dalam langganan telefon selular serta penggunaan perkhidmatan data yang lebih tinggi. Langganan telefon selular berkembang 2.8% kepada 43.8 juta dan mencapai kadar penembusan sebanyak 145.5% pada akhir Jun 2014 (akhir Jun 2013: 9.1%; 42.6 juta; 143.4%) dengan segmen prabayar mendominasi 82% daripada jumlah langganan. Pertumbuhan juga didorong oleh peningkatan pembelian telefon pintar mampu

milik serta pakej menarik yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan. Selain itu, penggunaan perkhidmatan data yang lebih tinggi disokong oleh peningkatan langganan generasi ketiga (3G) sebanyak 18 juta pada 2013 (2012: 14.5 juta).

Segmen jalur lebar terus berkembang 3.1% kepada 6.4 juta langganan dengan kadar penembusan isi rumah mencapai 67.2% pada akhir Jun 2014 (akhir Jun 2013: 6.9%; 6.2 juta; 66.8%). Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti promosi dan program kesedaran serta liputan rangkaian yang lebih baik. Inisiatif Jalur Lebar Nasional (NBI) telah diperkenalkan pada Mac 2010 bagi meningkatkan kadar penembusan jalur lebar isi rumah. Inisiatif ini menyediakan peruntukan kemudahan dan infrastruktur melalui pelaksanaan Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar untuk Masyarakat Umum (BBGP). Kerajaan telah melaksanakan projek HSBB di Lembah Klang, Iskandar Malaysia dan kawasan perindustrian terpilih melalui perkongsian awam-swasta (PPP). Pada masa yang sama, di bawah inisiatif BBGP, projek jalur lebar akan dilaksanakan di seluruh negara melalui pelbagai teknologi seperti *Asymmetric Digital Subscriber Line* (ADSL), *Hybrid Fibre Coax* (HFC), *High-Speed Downlink Packet Access* (HSDPA) dan *Worldwide Interoperability for Microwave Access* (WiMAX). Selain itu, sehingga akhir Jun 2014, projek HSBB mencatatkan langganan sebanyak 747,000 meliputi 626,000 rumah dan 121,000 premis perniagaan (akhir Jun 2013: 607,000; 512,000; 95,000).

Sementara itu, bagi membolehkan masyarakat luar bandar menikmati faedah teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), projek seperti Kampung Tanpa Wayar 1Malaysia (KTW1M) dan Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) akan terus dibiayai melalui dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP). Pada akhir Jun 2014, sejumlah 4,737 KTW1M dan 431 PI1M (akhir Jun 2013: 4,210; 339) telah dilaksanakan di seluruh negara. Pertumbuhan subsektor ini dijangka kekal 10% pada 2014 (2013: 10%) disokong oleh penggunaan perkhidmatan selular dan jalur lebar yang lebih tinggi.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, *subsektor pengangkutan dan penyimpanan* berkembang 4.7% (Januari – Jun 2013: 4%) berikutan peningkatan operasi lebuhraya, pelabuhan dan lapangan terbang. Pertumbuhan ini juga disokong oleh perjalanan penumpang yang mapan dan aktiviti berkaitan perdagangan yang pesat. Selaras dengan aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan dan peningkatan perdagangan global, subsektor ini dijangka meningkat 5% pada 2014 (2013: 4.6%). Segmen pengangkutan air menguncup 2.7% (Januari – Jun 2013: 1.5%) sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan yang lemah dan kadar fret yang rendah. Walau bagaimanapun, aktiviti pelabuhan kekal berdaya tahan dalam tempoh enam bulan pertama 2014, disebabkan oleh peningkatan dalam segmen fret dengan perkhidmatan kargo mencatat pertumbuhan yang positif. Jumlah kendalian kontena di pelabuhan¹ utama meningkat sebanyak 5.1% kepada 10.6 juta *twenty-foot equivalent units* (TEU) (Januari – Jun 2013: 0.4%; 10.1 juta TEU). Pada 2013, Malaysia meningkat ke kedudukan ke-5 (2012: ke-7) dalam *Liner Shipping Connectivity Index* (LSCI) oleh United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD).

Sementara itu, sebagai pelabuhan kontena utama di negara ini, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), kekal tersenarai di antara 20 pelabuhan kontena utama dunia. Menurut UNCTAD, Pelabuhan Klang meningkat satu anak tangga kepada kedudukan ke-12, manakala PTP kekal di kedudukan ke-18 dari segi jumlah kendalian TEU pada 2013. Dalam tempoh separuh pertama 2014, jumlah kendalian kontena di Pelabuhan Klang meningkat kepada 5.2 juta TEU merangkumi 49.4% daripada jumlah kendalian kontena (Januari – Jun 2013: 5 juta TEU; 49.6%), manakala PTP sebanyak 4 juta TEU yang mewakili 38.2% (Januari – Jun 2013: 3.8 juta TEU; 37.7%). Perkembangan terkini dalam persekitaran perkapalan global telah menjejaskan industri maritim. Keutamaan syarikat perkapalan untuk menggunakan kapal lebih besar bagi mendapat manfaat daripada

skala ekonomi telah menyebabkan syarikat perkapalan menggunakan pelabuhan yang boleh mengendalikan muatan yang besar. Selain itu, untuk memuatkan kapal dengan muatan lebih besar, syarikat perkapalan telah menurunkan kadar fret menyebabkan persaingan harga bagi mendapatkan pelanggan. Sementara itu, pelancaran Terminal Kontena 7 (CT7) baharu di Westport pada 10 September 2014 dijangka meningkatkan kendalian kontena kepada 11 juta TEU setahun. Berdasarkan kepada peningkatan kapasiti TEU, Westport kini berupaya untuk mengendalikan kapal berkapasiti 19,000 TEU menjelang hujung tahun ini. Selaras dengan perkembangan ini, jumlah kendalian kontena dianggarkan meningkat 4.8% kepada 21.6 juta TEU pada 2014 (2013: 1.5%; 20.6 juta TEU) disokong oleh peningkatan kapasiti kendalian dan perdagangan luar yang semakin baik.

Segmen pengangkutan darat terus mencatat pertumbuhan positif sebanyak 6.2% (Januari – Jun 2013: 3.7%) disokong oleh pengangkutan fret yang lebih tinggi melalui jalan raya sejajar dengan peningkatan dalam aktiviti berkaitan perdagangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, bilangan kenderaan yang melalui lebuhraya bertol meningkat 3.9% kepada 994.9 juta (Januari – Julai 2013: 4.7%; 957.5 juta) berikutan penggunaan yang lebih tinggi semasa musim perayaan dan cuti sekolah. Pembukaan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah atau Jambatan Kedua Pulau Pinang pada Mac 2014, menunjukkan peningkatan penggunaan kenderaan memandangkan jambatan tersebut digunakan untuk mengelakkan kesesakan jalan raya. Sementara itu, jumlah penumpang perkhidmatan rel² di Lembah Klang meningkat 5.9% kepada 131.4 juta penumpang (Januari – Julai 2013: 12.9%; 124.1 juta) disebabkan oleh peningkatan kekerapan dan kecekapan perkhidmatan. Pemanjangan trek *Express Rail Link* (ERL), 2.14 kilometer (km) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2), yang mula beroperasi pada 2 Mei 2014,

¹ Pelabuhan Klang, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pulau Pinang, Johor, Bintulu, Kuching dan Kuantan.

² Aliran Ampang, Aliran Kelana Jaya, KL Monorel, Express Rail Link dan KTM Komuter.

juga akan meningkatkan bilangan penumpang keretapi. Walaupun terdapat peningkatan dalam bilangan penumpang perkhidmatan bas³ sebanyak 1.9% kepada 86.7 juta (Januari – Julai 2013: 6%; 85.1 juta) tetapi hasil berkurangan sebanyak 10.1% kepada RM148 juta (Januari – Julai 2013: 47.7%; RM165 juta) berikutan perkhidmatan bas RapidKL lebih tertumpu sebagai bas pengantara dengan kadar tambang maksimum RM1 berbanding bas di laluan utama (dengan kadar tambang maksimum RM3).

Jumlah kargo yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) meningkat 10.1% kepada 3.6 juta tan metrik dalam tempoh enam bulan pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 9.4%; 3.3 juta tan metrik) dengan hasil bertambah 9.2% kepada RM74.3 juta (Januari – Jun 2013: 10%; RM68.1 juta) terutamanya disebabkan oleh peningkatan penghantaran kontena dan bahan pembinaan seperti simen dan pasir. Sebaliknya, jumlah penumpang Perkhidmatan KTM Antarabandar menyusut 18% kepada 1.2 juta (Januari – Jun 2013: -4.8%; 1.4 juta) sementara hasil berkurang 17% kepada RM32.5 juta (Januari – Jun 2013: -1.6%; RM39.2 juta) disebabkan oleh pengurangan jumlah koc yang beroperasi disebabkan oleh masalah penyelenggaraan. Pada masa ini, purata bilangan koc yang beroperasi setiap hari adalah sebanyak 75 berbanding 105 koc pada 2013. Lanjutan daripada itu, jumlah hasil Perkhidmatan KTM Antarabandar dijangka berkurangan daripada RM75 juta pada 2013 kepada RM45 juta pada 2014. Sementara itu, bilangan penumpang *Electric Train Service* (ETS) bagi laluan Kuala Lumpur – Ipoh meningkat 11.7% kepada 812,923 (Januari – Jun 2013: 33.6%; 727,087) disokong oleh permintaan yang lebih tinggi. Pada 2014, jumlah hasil ETS dijangka mencecah RM44 juta (2013: RM40.6 juta).

Dalam tempoh separuh pertama 2014, segmen pengangkutan udara berkembang 4.9% (Januari – Jun 2013: 3.8%) disokong oleh peningkatan ketibaan pelancong dan penumpang domestik berikutan promosi berterusan pakej perjalanan

dengan tambang yang kompetitif oleh syarikat penerbangan. Segmen penumpang udara terus mencatat pertumbuhan positif dengan jumlah pengendalian penumpang di lapangan terbang seluruh negara meningkat 10.3% kepada 49 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 14.1%; 44.4 juta). Selain itu, jumlah penumpang syarikat penerbangan domestik⁴ turut meningkat 11.3% kepada 25.6 juta (Januari – Julai 2013: 13.6%; 23 juta). Jumlah kargo udara yang dikendalikan di semua lapangan terbang seluruh negara pula meningkat 5.6% kepada 567,303 tan metrik (Januari – Julai 2013: 4.1%; 537,177 tan metrik) disebabkan oleh pertumbuhan eksport yang lebih tinggi, terutamanya bagi barangan E&E.

Subsektor utiliti dijangka berkembang pada kadar perlahan sebanyak 3.6% pada 2014 (2013: 4.1%) disebabkan oleh penggunaan elektrik yang rendah dalam segmen kediaman berikutan kenaikan tarif elektrik pada Januari 2014. Dalam tempoh separuh pertama 2014, segmen elektrik dan gas meningkat secara marginal sebanyak 2.9% (Januari – Jun 2013: 4.2%). Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, penggunaan elektrik meningkat 5.4% kepada 72,408 juta kilowatt jam (kWj) (Januari – Julai 2013: 6.5%; 68,685 juta kWj) dengan segmen perindustrian, perniagaan dan perlombongan menyumbang 77.7% kepada jumlah penggunaan elektrik manakala segmen kediaman dan lampu awam sebanyak 22.3%. Penjanaan elektrik berkembang 4.2% dengan agihan maksimum sebanyak 11,924 juta kWj pada Mei 2014 (Januari – Julai 2013: 6%; 11,429 juta kWj; Mei). Dalam pada itu, penggunaan gas meningkat 5.8% kepada 71.5 juta *British thermal unit* (Btu) (Januari – Jun 2013: 8.8%; 67.6 juta Btu) dengan jualan gas bertambah 12.8% kepada RM1.2 juta (Januari – Jun 2013: 8.8%; RM1.1 juta). Pada 2014, Gas Malaysia Berhad akan memasang saluran paip gas asli di dua kawasan perindustrian baharu iaitu di Kerteh (Terengganu) dan Yong Peng (Johor) yang dianggarkan sepanjang 101.4 km. Penambahan saluran paip gas asli ke kawasan

³ RapidKL, RapidPenang dan RapidKuantan.

⁴ Malaysia Airlines, Berjaya Air, AirAsia, Firefly, MASwings dan Malindo Air.

Menambah Baik Pengangkutan Awam di Lembah Klang – Status Terkini

Salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dilancarkan pada 2009 adalah menambah baik pengangkutan awam bandar (UPT). Matlamat utama adalah untuk menambah baik keseluruhan ketersediaan dan kecekapan UPT termasuk meningkatkan hubungan, menyediakan sistem bersepadu dan memastikan kemudahan yang lengkap untuk rakyat. Lanjutan daripada beberapa inisiatif untuk menambah baik UPT di Lembah Klang, peratus mod pengangkutan awam telah meningkat daripada 17% pada 2010 kepada 21% pada 2013. Sasaran UPT adalah untuk meningkatkan peratus mod pengangkutan awam kepada 25% menjelang 2015 dan 50% pada 2020.

Perkhidmatan Bas

- **RapidKL** telah ditubuhkan pada 2004 untuk menyediakan perkhidmatan bas yang selesa, andal dan cekap di Lembah Klang. Pada akhir Ogos 2014, jumlah bas ialah sebanyak 1,327 termasuk 70 bas midi pada 2011 dan 400 bas 44 tempat duduk pada 2014 di 164 laluan di Lembah Klang. Sejak memiliki 470 bas baharu, bilangan penumpang RapidKL telah meningkat daripada 107.8 juta pada 2012 kepada 114.7 juta pada 2013. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, bilangan penumpang mencapai 67.1 juta (Januari – Julai 2013: 65.7 juta).
- Pelaksanaan laluan **Bus Expressway Transit (BET)** telah bermula pada Januari 2010 dengan matlamat untuk mengurangkan masa perjalanan bas awam dengan memanfaatkan lebuh raya yang tidak digunakan sepenuhnya di Lembah Klang. Perkhidmatan BET ini telah mengurangkan tempoh masa perjalanan antara 15 hingga 70 minit sementara bilangan penumpang meningkat daripada 327,844 pada 2010 kepada 641,882 pada 2013. Sehingga September 2014, sembilan laluan BET sedang beroperasi, iaitu lima BET pada 2010, tiga BET pada 2011 dan satu BET pada 2012 manakala laluan BET 10 dari Equine Park ke Putrajaya masih dalam perancangan.
- Kajian kebolehlaksanaan **Bas Aliran Deras (BRT)** telah mengenal pasti 12 koridor BRT yang berpotensi di kawasan *Greater KL*/Lembah Klang. Matlamat BRT adalah untuk mewujudkan laluan bas yang khusus (*right-of-way*) di koridor utama dan merupakan satu bentuk perkhidmatan bas yang direka untuk memenuhi permintaan tinggi penumpang dengan menggabungkan aspek transit aliran berkapasiti tinggi. Salah satu koridor tersebut ialah koridor Kuala Lumpur – Klang (KL – Klang), meliputi jarak 34 kilometer (km). Jajaran yang akan melalui tiga jalan utama iaitu Lebuhraya Persekutuan, Jalan Syed Putra dan Jalan Tun Sambanthan, dijangka akan memberi manfaat kepada 1.6 juta penduduk yang tinggal di sepanjang koridor tersebut. BRT KL – Klang dianggar dapat menjimatkan lebih sejam masa perjalanan setiap hari untuk 600,000 penumpang, dan dijangka siap pada pertengahan 2017. Sementara itu, BRT Laluan Sunway sedang dilaksanakan melalui perkongsian awam-swasta (PPP) dengan Prasarana Malaysia Berhad dan Kumpulan Sunway. BRT Laluan Sunway sepanjang 5.4 km yang memulakan pembinaan pada Mac 2013 dijangka akan memulakan operasi pada Jun 2015. Keseluruhan perkembangan projek kini di peringkat 64% siap. Laluan ini akan menyediakan perkhidmatan kepada penduduk di Bandar Sunway dan Subang Jaya melalui tujuh stesen dan satu kemudahan letak dan naik (*Park 'n' Ride*). BRT Laluan Sunway adalah dari Stesen KTM Setia Jaya ke stesen LRT tambahan Kelana Jaya di USJ 6.
- Dari 2010 hingga akhir Ogos 2014, 1,549 **perhentian bas** di 12 majlis perbandaran telah diubah suai dan dinaik taraf iaitu di Ampang Jaya, Hulu Selangor, Kajang, Klang, Kuala Langat, Kuala Lumpur, Kuala Selangor, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya. Pada masa ini, 5,000 perhentian bas di Lembah Klang akan dilengkapi dengan panel maklumat terkini manakala 136 unit Paparan Maklumat Penumpang (PID), iaitu sistem yang memaparkan anggaran masa ketibaan bas akan dipasang di beberapa perhentian bas utama di sekitar Lembah Klang yang dijangka siap pada akhir 2015.

Sistem Rel

- Kerajaan telah membeli 38 set tren baharu enam koc atau *Six-Car-Set* (SCS) bernilai RM1.9 bilion untuk mengatasi masalah kekurangan tren **KTM Komuter** dan juga kesesakan di dalam tren. Kesemua 38 set tren SCS telah beroperasi secara berperingkat mulai 2012 hingga 2013 dengan bilangan penumpang meningkat 23.4% daripada 35.6 juta pada 2011 kepada 43.9 juta pada 2013. Pada masa ini, sebanyak 54 set tren SCS dan *Electric Multiple Unit* (EMU) digunakan untuk menyediakan 259 perkhidmatan sehari. Semasa waktu puncak, KTM Komuter menyediakan perkhidmatan dengan kekerapan 15 minit manakala di luar waktu puncak dengan kekerapan 30 minit.
- Pada akhir 2011, 35 set tren empat gerabak yang baharu bagi **transit aliran ringan (LRT)** Aliran Kelana Jaya telah mula beroperasi sepenuhnya dengan kekerapan selang ketibaan tren meningkat kepada 2.38 minit pada waktu puncak pagi. Jumlah penumpang bagi Aliran Kelana Jaya meningkat 23.3% daripada 58 juta pada 2010 kepada 71.5 juta pada 2012 dan 34.6% kepada 78.1 juta pada 2013. Sementara itu, bilangan penumpang bagi Aliran Ampang juga meningkat 17.4% daripada 51.3 juta pada 2010 kepada 60.2 juta pada 2013 disebabkan oleh peningkatan kekerapan perkhidmatan. Di samping itu, pemanjangan Aliran Ampang dijangka siap pada Mac 2016 dan aliran Kelana Jaya pada Jun 2016. Pemanjangan Aliran Ampang adalah sejauh 18.1 km dengan 13 stesen baharu, bermula dari Sri Petaling dan berakhir di Putra Heights. Pemanjangan Aliran Kelana Jaya bermula dari stesen Kelana Jaya dan melalui 12 stesen baharu sebelum berakhir di Stesen Bersepadu Putra Heights, meliputi jarak 17.4 km.
- 12 set tren empat-gerabak telah diperoleh bagi meningkatkan kapasiti **KL Monorel** sedia ada. Tiga set pertama tiba pada April 2014 manakala selebihnya dijangka tiba secara berperingkat menjelang Februari 2015. Setiap set tren empat-gerabak boleh menampung sehingga 430 penumpang dan dilengkapi dengan ciri keselamatan lebih baik dan fasiliti mesra orang kurang upaya, kamera litar tertutup dan alat pengesan asap. Dua set tren empat-gerabak sedang menjalani ujian percubaan dan persediaan untuk beroperasi sejak September 2014. Dengan ketibaan 12 set tren empat-gerabak, bilangan penumpang dijangka meningkat 31.9% daripada 21 juta pada 2010 kepada 27.7 juta pada 2015.
- Pemanjangan trek **Express Rail Link (ERL)** sejauh 2.14 km dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2) telah mula beroperasi pada 2 Mei 2014. Dalam tempoh lapan bulan pertama 2014, bilangan penumpang ERL telah meningkat 38.3% kepada 5.6 juta (Januari – Ogos 2013: 16.4%; 4.1 juta).
- Jajaran pertama bagi projek **Mass Rapid Transit Lembah Klang (KVMRT)** adalah jajaran Sungai Buloh – Kajang (SBK) sepanjang 51 km. Projek ini telah dilancarkan pada 8 Julai 2011 manakala pembinaan telah bermula pada 2012. Pada akhir Ogos 2014, perkembangan kerja jajaran SBK yang telah siap meliputi 57% kerja trek di Depoh Sungai Buloh, 65% kerja bawah tanah dan 40% kerja jajaran bertingkat. Fasa pertama jajaran SBK dari Sungai Buloh ke Semantan akan mula beroperasi pada 31 Disember 2016 manakala fasa kedua dari Semantan ke Kajang akan beroperasi pada 31 Julai 2017. Apabila siap, jajaran SBK dijangka dapat menampung 1.2 juta penumpang sehari melalui 31 stesen, termasuk tujuh stesen bawah tanah dan 24 stesen bertingkat. Terdapat 58 tren empat-gerabak akan beroperasi untuk jajaran SBK dengan jumlah kapasiti 1,200 penumpang setiap tren dengan kekerapan setiap 3.5 minit semasa waktu puncak.
- Dari 2010 hingga akhir Ogos 2014, 18 **kemudahan letak dan naik** dengan 7,500 tempat letak kereta dan kemudahan lain telah siap. Pada masa ini, kemudahan letak dan naik baharu yang menyediakan tempat letak kereta tambahan sedang dibina di beberapa stesen yang mempunyai kepadatan tinggi seperti LRT Kelana Jaya, ERL Salak Tinggi, KTM Klang dan KTM Serdang. Sementara itu, tiga stesen Komuter iaitu KTM Rawang, KTM Nilai dan KTM UKM Bangi akan dinaik taraf dengan kemudahan letak dan naik yang lebih baik dan dijangka siap secara berperingkat menjelang 2016.

Perkhidmatan Teksi

Objektif utama aliran kerja teksi bagi GTP 2.0 adalah untuk mempertingkatkan kualiti keseluruhan perkhidmatan teksi di Malaysia, terutamanya di kawasan bandar. Sasaran utama adalah untuk meningkatkan standard teksi sekurang-kurangnya 25% daripada Teksi Bajet Kuala Lumpur supaya setanding dengan teksi ASEAN yang terbaik (*Best-in-Class*). Pada 2014, sasaran adalah untuk memastikan 4,100 Teksi Bajet Kuala Lumpur mencapai standard ini. Sehingga Julai 2014, 1,723 Teksi Bajet Kuala Lumpur telah mencapai sasaran. Sementara itu, aliran kerja teksi mencadangkan dua inisiatif seperti berikut:

- **Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (CTSS)** merupakan infrastruktur teknologi yang memantau perkhidmatan teksi. Sistem ini mengintegrasikan dan memperbaiki sistem tempahan dan penghantaran sedia ada serta memudahkan pengagihan teksi. CTSS dijangka dilancarkan pada 2015, menyasarkan untuk membantu memenuhi tempahan penumpang (catatan semasa sebanyak 40%) melalui peningkatan penyelarasan di antara pemandu dalam rangkaian.
- **Model perniagaan baharu bagi teksi** telah diperkenalkan untuk meningkatkan pendapatan bersih (*take-home-income*) pemandu teksi melalui pengurangan kos operasi. Pemandu teksi individu akan ditawarkan lesen di bawah projek Teksi 1Malaysia. Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah melancarkan teksi baharu yang dikenali sebagai Teksi 1Malaysia (TEKS1M). Melalui inisiatif TEKS1M, 1,000 Proton Exora baharu akan mula beroperasi pada 2014. Sehingga September 2014, 803 unit Proton Exora telah didaftarkan di bawah pemandu teksi individu manakala baki 197 unit akan didaftarkan pada suku keempat 2014.

perindustrian baharu dapat menarik pelabur untuk menggunakan gas asli seterusnya meningkatkan penggunaan gas asli. Peralihan penggunaan bahan api berasaskan minyak seperti diesel dan minyak taraf sederhana kepada gas asli oleh pihak industri akan membantu mengurangkan pencemaran udara.

Sementara itu, pertumbuhan segmen air meningkat 3% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 2.9%). Permintaan bekalan air oleh pengguna meningkat 2.6% kepada 15,387 juta liter sehari (jlh) (Januari – Jun 2013: 1.8%; 14,990 jlh). Pada 2013, liputan bekalan air untuk penduduk bandar merangkumi 97% manakala luar bandar 92.5% menjadikan jumlah keseluruhan liputan sebanyak 95.1% (2012: 96.9%; 90.7%; 94.7%). Inisiatif utama Kerajaan untuk menangani masalah kekurangan air adalah dengan meningkatkan kapasiti boleh agih dan rizab margin sedia ada melalui pembinaan loji rawatan air (LRA) baharu atau menaiktaraf LRA

sedia ada. Salah satu inisiatif adalah pembinaan Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (LRAL2) Fasa 1 di Selangor yang bermula pada Mei 2014 dan dijadualkan siap pada Jun 2017 akan meningkatkan bekalan air terawat sebanyak 1,130 jlh ke Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, *subsektor perkhidmatan lain* meningkat 4.6% (Januari – Jun 2013: 5.2%) disokong oleh aktiviti pendidikan dan kesihatan swasta yang lebih tinggi. Pada akhir Julai 2014, terdapat 535 institusi pendidikan tinggi swasta di seluruh negara (akhir Julai 2013: 517) yang terdiri daripada sembilan kampus cawangan universiti luar negara, 92 universiti swasta dan kolej universiti serta 434 kolej swasta. Sementara itu, jumlah pesakit asing di hospital swasta dijangka meningkat kepada 800,000 dan menjana hasil sebanyak RM794 juta pada 2014 (2013: 770,134; RM690 juta). Subsektor perkhidmatan lain dijangka berkembang 4.8%

pada 2014 (2013: 5.1%) didorong sebahagian besarnya oleh kualiti penjagaan kesihatan yang tinggi dan kos yang berpatutan serta peningkatan pesakit asing yang mendapatkan rawatan kesihatan halal di Malaysia. Sementara itu, *subsektor perkhidmatan kerajaan* meningkat 7.1% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 7.5%) disebabkan oleh peningkatan sederhana dalam emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Pada 2014, subsektor ini dijangka berkembang 6.1% (2013: 8.3%).

Sektor Pembuatan

Pertumbuhan sektor pembuatan lebih kukuh


Nilai ditambah **sektor pembuatan** berkembang 7.1% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 2.1%). Keluaran bagi sektor ini meningkat 6.6% (Januari – Julai 2013: 3.5%) disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan pemulihan permintaan luar negeri dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Seterusnya, nilai jualan barangan pembuatan meningkat semula 7.7% kepada RM379.5 bilion (Januari – Julai 2013: -2.3%; RM352.4 bilion). Prestasi kukuh sektor ini disumbangkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi sebanyak 9.4% (Januari – Julai 2013: 5.9%) daripada **industri berorientasikan domestik** terutamanya kelengkapan pengangkutan, makanan dan minuman.

Keluaran **industri berorientasikan eksport** berkembang pada kadar yang lebih rancak sebanyak 5.6% (Januari – Julai 2013: 2.7%) disokong terutamanya oleh produk E&E serta tekstil, pakaian, barangan kulit dan kasut. Sektor pembuatan terus menarik pelaburan domestik dan asing dengan pelaburan yang diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) berjumlah RM47.4 bilion dalam tempoh enam bulan 2014 (Januari – Jun 2013: RM22.7 bilion), terutamanya dari Jepun, China dan Jerman. Sementara itu, kadar kapasiti penggunaan kekal stabil pada paras 80.4% dalam tempoh suku kedua 2014 (S2 2013: 79.6%) manakala upah

CARTA 3.2

Prestasi Sektor Pembuatan

(% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

purata pekerja meningkat kepada RM2,772 sebulan dan produktiviti sebanyak 5.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM2,608; 2.4%). Dalam persekitaran aktiviti ekonomi domestik yang menggalakkan dan pemulihan sektor luar, sektor pembuatan dijangka mencatat prestasi yang lebih baik dengan pertumbuhan 6.4% pada 2014 (2013: 3.5%).

Keluaran *kelengkapan pengangkutan* meningkat dengan ketara sebanyak 22.9% dan eksport berkembang 11.3% (Januari – Julai 2013: 9.8%; 4.8%), didorong oleh pengeluaran yang lebih tinggi dalam segmen pembinaan kapal (59%), pembuatan kenderaan bermotor (12.9%) serta alat ganti dan aksesori (10.1%). Segmen automotif merupakan penyumbang utama dalam subsektor kelengkapan pengangkutan menjadikan Malaysia sebagai pasaran pengeluar kereta ketiga terbesar di rantau Pertubuhan Negara-negara

Asia Tenggara (ASEAN). Terdapat 11 pengeluar kereta dan sembilan pengeluar motosikal serta 35,000 pengeluar alat ganti dan aksesori di bawah segmen ini. Jumlah jualan kenderaan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 meningkat 3% kepada 393,409 unit yang merangkumi 350,357 kenderaan penumpang dan 43,052 kenderaan komersial. Peningkatan ini sejajar dengan kempen jualan yang rancak dan pelancaran model baharu oleh peserta industri. Pengeluaran kenderaan dianggarkan terus meningkat kepada 675,000 unit pada 2014 (2013: 655,793 unit).

Pengeluaran *produk makanan* berkembang 8.6% (Januari – Julai 2013: 8.2%) berikutan peningkatan pengeluaran minyak sawit bertapis (18.2%), beras (17.6%) serta biskut dan *cookies* (8.7%). Kelebihan Malaysia sebagai pengeluar makanan mengukuh dengan jumlah jualan meningkat 2.5% kepada RM20.6 bilion (Januari – Julai 2013: 0.1%; RM20.1 bilion) dan eksport makanan melonjak 15.7% kepada RM9.3 bilion (Januari – Julai 2013: 6%; RM8.1 bilion). Pengeluaran *minuman* meningkat semula dengan mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 19.3% (Januari

JADUAL 3.3

Indeks Pengeluaran Pembuatan¹ Januari – Julai (2010 = 100)

	Indeks		Perubahan (%)		Bahagian kepada Jumlah (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
Industri berorientasikan eksport	111.7	117.9	2.7	5.6	73.9	73.2
Produk elektronik dan elektrik	113.5	128.6	6.9	13.3	24.3	25.8
Kimia dan produk kimia	121.5	121.7	-0.8	0.2	15.4	14.5
Pembuatan produk petroleum bertapis	106.2	108.4	0.9	2.0	19.8	18.9
Kayu dan produk kayu	98.8	103.8	-2.7	5.1	3.5	3.5
Pemprosesan di luar estet	98.9	103.8	4.0	5.0	3.9	3.9
Produk getah	131.4	131.0	8.9	-0.3	2.9	2.7
Produk kertas	112.5	111.0	1.7	-1.3	3.0	2.7
Tekstil, pakaian, produk kulit dan kasut	102.5	114.2	-2.5	11.5	1.2	1.2
Industri berorientasikan domestik	117.1	128.1	5.9	9.4	26.1	26.8
Produk galian bukan logam dan yang berkaitan	112.8	118.9	-2.0	5.4	4.2	4.1
Produk logam yang direka	156.7	161.2	17.2	2.9	4.3	4.2
Logam asas	100.2	102.1	2.9	1.9	3.6	3.4
Kelengkapan pengangkutan	121.7	149.6	9.8	22.9	5.9	6.8
Produk makanan	113.3	123.0	8.2	8.6	5.8	5.9
Minuman	95.2	113.5	-6.5	19.3	0.8	0.9
Produk tembakau	114.1	103.3	-10.6	-9.5	0.5	0.5
Lain-lain	99.8	107.1	-4.7	7.3	0.9	0.9
Jumlah	113.0	120.5	3.5	6.6	100.0	100.0


¹ Bermula Januari 2014, tahun asas bagi Indeks Pengeluaran Pembuatan telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.3

Bilangan Pekerja, Gaji dan Upah Sektor Pembuatan



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

– Julai 2013: -6.5%) serta keuntungan yang lebih tinggi dalam semua segmen minuman. Pertumbuhan positif subsektor makanan dan minuman ini disumbang oleh musim Piala Dunia FIFA 2014, perayaan dan cuti sekolah. Walau bagaimanapun, pengeluaran *tembakau* menguncup 9.5% (Januari – Julai 2013: -10.6%) disebabkan oleh penurunan pengeluaran daun tempatan dan pasaran rokok seludup. Inisiatif seperti pengharaman merokok di kompleks membeli-belah, bangunan kerajaan dan premis lain yang dilengkapi penyaman udara berpusat serta cukai yang lebih tinggi ke atas tembakau turut menjejaskan pengeluaran tembakau.

Industri berkaitan pembinaan mencatat pertumbuhan 3.5% (Januari – Julai 2013: 5.7%) dengan *produk logam yang direka* mengalami pertumbuhan lebih rendah sebanyak

JADUAL 3.4

Output Sektor Pembuatan: Bahan Berkaitan Pembinaan¹ Januari – Julai (2010 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2013	2014	2013	2014
Bahan berkaitan pembinaan	5.7	3.5	12.1	11.7
antaranya:				
Kaca dan produk kaca	-15.6	11.7	0.8	0.8
Pengeluaran galian bukan logam t.t.t.l.	1.7	4.0	3.4	3.3
Produk struktur logam, tangki, takungan dan penjana wap	32.4	3.2	1.6	1.6
Produk lain yang direka daripada logam; aktiviti perkhidmatan kerja logam	9.7	2.6	2.7	2.6
Besi dan keluli asas	5.2	0.1	2.5	2.3
Logam asas berharga dan logam bukan ferus lain	-1.8	6.3	1.1	1.1

¹ Bermula Januari 2014, tahun asas bagi Indeks Pengeluaran Pembuatan telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

2.9% dan *produk logam asas* sebanyak 1.9% (Januari – Julai 2013: 17.2%; 2.9%). Walau bagaimanapun, subsektor ini diimbangi dengan pemulihan pengeluaran *produk galian bukan logam dan yang berkaitan* pada kadar 5.4% (Januari – Julai 2013: -2%). Pesanan baharu bahan berkaitan pembinaan meningkat dengan sebahagian besarnya didorong oleh kerja awam yang berterusan. Keluaran produk kaca kembali pulih sebanyak 11.7% manakala konkrit pratuang berkembang 21.1% (Januari – Julai 2013: -15.6%; 9.1%) disokong oleh projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan termasuk pemanjangan Duta-Ulu Kelang Expressway (DUKE) dan pelebaran Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS).

JADUAL 3.5

Output Sektor Pembuatan: Subsektor E&E¹
Januari – Julai
 (2010 = 100)

	Perubahan (%)		Bahagian kepada Jumlah (%)	
	2013	2014	2013	2014
Komponen dan papan elektronik	18.3	16.6	13.8	15.0
Komputer dan kelengkapan peranti	3.5	2.6	2.8	2.7
Peralatan komunikasi	0.9	28.8	1.3	1.6
Peralatan elektronik pengguna	-22.0	9.3	2.3	2.4
Motor elektrik, penjana, transformer dan perkakasan pengagihan dan pengawalan elektrik	-14.1	1.4	0.6	0.6
Pendawaian dan peranti pendawaian	18.9	4.3	0.8	0.8
Perkakasan domestik	-9.0	38.1	0.3	0.4
Pemasangan produk logam, jentera dan kelengkapan	-1.3	5.4	2.4	2.4
Jentera kegunaan umum	-1.8	-8.8	1.2	1.1
Jentera kegunaan khas	-0.8	20.2	1.2	1.3
Jumlah E&E	6.9	13.3	24.3	25.8

¹ Bermula Januari 2014, tahun asas bagi Indeks Pengeluaran Pembuatan telah disemak semula dari tahun 2005 ke tahun 2010.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Dalam subsektor *E&E*, pengeluaran meningkat lebih kukuh sebanyak 13.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 6.9%) terutamanya disokong oleh komponen elektronik, peralatan komunikasi dan perkakasan domestik. Trend global jualan semikonduktor yang menggalakkan di AS, Asia Pasifik, Jepun dan Eropah dengan *book-to-bill ratio* meningkat melebihi 1 sejak Oktober 2013. Jualan semikonduktor global meningkat 10.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 kepada hampir USD188 bilion dan merupakan rekod tertinggi bagi industri semikonduktor. Pengeluaran papan litar bercetak meningkat 53.9%


dan peranti semikonduktor berkembang 10.5% (Januari – Julai 2013: 26.2%; 18.5%) sejajar dengan permintaan yang semakin meningkat bagi peralatan elektronik pengguna, terutamanya peranti mudah alih dan peningkatan jualan global PC. Sejak awal tahun ini, jualan global PC bertambah baik walaupun pada trend sederhana disebabkan oleh penggantian PC dengan sistem operasi baharu. Penurunan harga PC juga telah mengurangkan perbezaan harga dengan tablet. Sebaliknya, pengeluaran jentera untuk kegunaan am merosot 8.8% (Januari – Julai 2013: -1.8%) disebabkan oleh penurunan dalam pembuatan mesin penyaman udara (-17.9%) serta peralatan mengangkat dan mengendali (-8.2%).

Keluaran *produk kayu* kembali pulih sebanyak 5.1% (Januari – Julai 2013: -2.7%) sebahagian besarnya disokong oleh pengeluaran segmen pengilangan dan pengetaman kayu yang lebih tinggi sebanyak 25.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 22.7%). Prestasi positif ini disokong oleh kerancakan aktiviti pembinaan kediaman dan komersial yang menggunakan bingkai kayu dan *glued-laminated timber* yang lebih menjimatkan kos berbanding konkrit dan keluli. Peningkatan permintaan perabot buatan Malaysia daripada destinasi eksport utama seperti AS, Jepun dan Australia menyumbang kepada pengeluaran yang lebih tinggi terutamanya perabot kayu dan rotan yang kembali pulih sebanyak 2.2% (Januari – Julai 2013: -12.7%).

Output *produk petroleum* meningkat 2% (Januari – Julai 2013: 0.9%) sejajar dengan permintaan luar dan domestik yang tinggi. Prestasi yang lebih baik ini didorong oleh peningkatan pengeluaran produk petroleum bertapis (23.2%) dan petroleum sisa (124.4%). Walau bagaimanapun, pengeluaran *produk getah* menguncup 0.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 8.9%) disebabkan permintaan yang lebih perlahan bagi sarung tangan dan tayar getah. Penurunan keluaran tayar getah untuk kenderaan adalah disebabkan oleh permintaan luar yang lebih lemah daripada industri automotif terutamanya dari China. Pengeluaran produk getah lain

CARTA 3.4

Keluaran Sektor Pembuatan (% perubahan tahunan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

merosot 3.8% (Januari – Julai 2013: 14.8%) berikutan peralihan penggunaan daripada produk berasaskan getah kepada plastik, silikon dan logam aloi dalam pembuatan kelengkapan perubatan.

Keluaran tekstil, pakaian, barangan kulit dan kasut meningkat semula dengan ketara sebanyak 11.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -2.5%). Pembuatan pemintalan, penenunan dan penyiapan tekstil kembali pulih sebanyak 11.6% dan pakaian meningkat 13.5% (Januari – Julai 2013: -17.6%; 1.6%). Turki, China dan Republik Korea (ROK) merupakan tiga destinasi eksport utama Malaysia untuk tekstil. Jualan subsektor ini bernilai RM5.5 bilion dengan peningkatan sebanyak 14.5% (Januari – Julai 2013: RM4.8 bilion; 0.9%). Perkembangan ini disokong oleh penglibatan syarikat dalam bidang teknikal berkaitan tekstil seperti geotekstil bagi

CARTA 3.5

Prestasi Industri Terpilih (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

industri pembinaan yang menekankan unsur keselamatan dalam penghasilan material. Sektor pakaian juga mendapat manfaat daripada kontrak perjanjian pengeluaran dengan pengeluar jenama terkenal antarabangsa.

Sektor Pertanian

Harga komoditi yang lebih rendah

Nilai ditambah **sektor pertanian** berkembang 4.6% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 3.2%), dipacu oleh pengeluaran CPO yang lebih tinggi walaupun pengeluaran getah lebih rendah. Ternakan dan pertanian lain seperti, buah-buahan dan sayur-sayuran juga mencatat pertumbuhan positif berikutan langkah Kerajaan menambah pengeluaran makanan bagi meningkatkan jaminan makanan

JADUAL 3.6

**Nilai Ditambah Sektor Pertanian
2013 – 2014**
(pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)		Bahagian kepada Jumlah (%)	
	2013	2014 ²	2013	2014 ²
Pertanian	2.1	3.8	100.0	100.0
Kelapa sawit	2.6	6.7	36.6	37.6
Getah	-10.1	-10.4	7.0	6.1
Ternakan	9.4	7.5	12.4	12.8
Pertanian lain ¹	8.2	6.2	19.2	19.6
Perhutanan dan pembalakan	-7.7	-4.2	10.1	9.3
Perikanan	1.6	2.7	14.7	14.5

¹ Termasuk padi, buah-buahan, sayur-sayuran, kelapa, tembakau, teh, bunga, lada, koko dan nanas.

² Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

dan mengurangkan bil import makanan. Inisiatif seperti penubuhan *Food and Agro Council for Export* (FACE) dijangka merencanakan eksport dan pengeluaran buah-buahan. Selain itu, pelaksanaan pasar nelayan dan Kedai Rakyat Agrobazaar juga telah menyumbang kepada pengeluaran makanan yang lebih tinggi. Selain itu, pengeluaran sektor ini dijangka berkembang disokong oleh peningkatan permintaan domestik dan luar negeri serta keadaan cuaca yang semakin baik. Pada 2014, sektor ini dijangka berkembang 3.8% (2013: 2.1%) berikutan peningkatan pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak sawit dan komoditi makanan utama seperti ayam-itik, buah-buahan dan sayur-sayuran. Sumbangan sektor pertanian kepada KDNK dijangka kekal pada kadar 7%.

Nilai ditambah **subsektor kelapa sawit** meningkat 8.1% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 7.6%) berikutan pengeluaran CPO yang lebih tinggi. Pengeluaran CPO meningkat

6.6% kepada 10.7 juta tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 5.9%; 10.1 juta tan metrik), dipacu oleh hasil buah tandan segar (FFB) sehektar yang lebih tinggi dan peluasan kawasan matang di Sabah dan Sarawak. Purata hasil FFB meningkat kepada 10.09 tan sehektar (Januari – Julai 2013: 9.99 tan sehektar) berikutan keadaan cuaca yang bertambah baik dalam tempoh suku kedua. Sementara itu, kadar perahan minyak (OER) meningkat kepada 20.6% (Januari – Julai 2013: 20.2%) disokong oleh hasil FFB yang lebih kukuh.

Jumlah kawasan penanaman kelapa sawit meningkat 2.8% kepada 5.3 juta hektar pada akhir Jun 2014 (akhir Jun 2013: 5.2 juta hektar) berikutan pembukaan 30,544 hektar kawasan penanaman terutamanya di Sabah dan Sarawak. Sebanyak 28% atau 1.5 juta hektar daripada kawasan tanaman terletak di Sabah diikuti dengan Sarawak (1.2 juta hektar). Pada 2014, pengeluaran subsektor kelapa sawit dijangka meningkat dengan peluasan kawasan matang, hasil FFB yang lebih tinggi dan OER yang lebih baik. Selain itu, pelaksanaan projek permulaan (EPP) di bawah Bidang Keberhasilan Ekonomi Utama (NKEA) minyak sawit bagi meningkatkan produktiviti aktiviti huluan dan hiliran akan dapat merencanakan lagi subsektor ini. Subsektor ini dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 6.7% pada 2014 (2013: 2.6%).

Harga purata CPO mengukuh kepada RM2,542 setan metrik dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 (Januari – Ogos 2013: RM2,309 setan metrik). Walau bagaimanapun, dengan peningkatan pengeluaran yang semakin ketara dalam tempoh suku kedua serta tahap inventori yang lebih tinggi (akhir Ogos 2014: 2.1 juta tan metrik) harga CPO menyederhana kepada RM2,162 setan metrik pada akhir Ogos 2014. Pertambahan bekalan minyak masak global, terutamanya peningkatan ketara hasil tuaian kacang soya di AS dan fenomena cuaca El Nino yang dijangka mengganggu pengeluaran juga tidak berlaku telah menyebabkan paras harga CPO menyederhana melebihi jangkaan. Oleh itu, harga CPO dijangka

JADUAL 3.7

**Keluasan Tanaman, Hasil dan
Pengeluaran Kelapa Sawit
2013 – 2014**

			Perubahan (%)	
	2013	2014 ²	2013	2014 ²
Keluasan tanaman (‘000 hektar)	5,230	5,395	3.0	3.2
Kawasan matang (‘000 hektar)	4,526	4,691	4.0	3.6
Pengeluaran (‘000 tan metrik)				
Minyak kelapa sawit	19,216	19,520	2.3	1.6
Minyak isirung kelapa sawit	2,270	2,270	4.9	0.0
Hasil (tan/hektar)¹	19.02	19.97	0.6	5.0

¹ Hasil buah tandan segar.² Anggaran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

menyederhana dalam tempoh separuh kedua dengan mencatat purata RM2,400 setan metrik pada 2014 (2013: RM2,364 setan metrik).

Nilai ditambah **subsektor getah** merosot 13.3% (Januari – Jun 2013: -12.7%) disebabkan oleh pengeluaran dan harga yang lebih rendah. Pengeluaran getah menguncup 13.2% kepada 0.3 juta tan metrik (Januari – Jun 2013: 13.9%; 0.4 juta tan metrik) terutamanya disebabkan oleh keadaan cuaca yang panas dan musim luruh yang berpanjangan dalam tempoh suku pertama tahun ini. Dengan mengambil kira harga yang stabil dan keadaan cuaca yang bertambah baik dalam tempoh separuh kedua 2014, pengeluaran getah dijangka mencatat penguncupan yang lebih rendah sebanyak 3.9% kepada 792,286 tan metrik pada 2014 (2013: -10.6%; 824,798 tan metrik).

Harga getah (SMR 20) kekal rendah pada RM5.83 sekilogram dalam tempoh lapan bulan pertama

JADUAL 3.8

**Kawasan, Hasil dan Pengeluaran Getah
2013–2014**

			Perubahan (%)	
	2013	2014 ¹	2013	2014 ¹
Jumlah kawasan (‘000 hektar)	1,057	1,078	1.5	2.0
Kebun kecil	980	986	0.3	0.6
Estet	77	92	20.3	19.5
Hasil (kg sehektar)				
Kebun kecil	1,360	1,400	-6.7	2.9
Estet	1,560	1,570	0.6	0.6
Jumlah pengeluaran (‘000 tan metrik)	825	792	-10.6	-3.9
Kebun kecil	769	737	-11.0	-4.2
Estet	57	55	-2.7	-3.5
% daripada pengeluaran dunia	6.9	6.9		

¹ Anggaran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Malaysia.

2014 (Januari – Ogos 2013: RM7.97 sekilogram) dengan harga terendah iaitu RM4.65 sekilogram pada 25 September 2014. Harga getah yang lebih rendah ini sebahagiannya disebabkan oleh permintaan industri automobil China yang lebih perlahan berikutan langkah menyekat pengeluaran kereta baharu bagi mengurangkan pencemaran udara dan kesesakan lalu lintas. Oleh itu, harga getah dijangka kekal rendah pada purata RM5.00 sekilogram pada 2014 (2013: RM7.81 sekilogram).

Jumlah kawasan tanaman getah dijangka meningkat 2% kepada 1.08 juta hektar pada 2014 (2013: 1.5%; 1.06 juta hektar) berikutan pembukaan kawasan baharu selaras dengan sasaran tahunan Kerajaan untuk membuka 30,000 hektar kawasan baharu dengan 90% tertumpu di Sabah dan Sarawak. Sementara itu, penanaman semula getah disasarkan kepada 40,000 hektar setahun.

Pengeluaran komoditi makanan termasuk pertanian lain, perikanan dan ternakan juga lebih tinggi dalam tempoh separuh pertama 2014 berikutan usaha meningkatkan pengeluaran makanan pertanian dan akuakultur serta jaminan makanan. Nilai ditambah **subsektor ternakan** berkembang 7% (Januari – Jun 2013: 7.5%) disebabkan oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi ayam-itik (10.2%) dan telur (3.1%) untuk memenuhi permintaan luar dan domestik yang lebih tinggi. **Subsektor perikanan** menyederhana kepada 1.3% (Januari – Jun 2013: 4%) disebabkan oleh pengeluaran akuakultur dan pendaratan ikan laut yang lebih rendah. Sementara itu, **subsektor pertanian lain** berkembang 7.4% (Januari – Jun 2013: 8.8%) dipacu oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi sayur-sayuran (7.2%), buah-buahan (7.3%) dan padi (5.5%).

JADUAL 3.9

Pengeluaran Pertanian Lain 2013–2014

	('000 tan metrik)		Perubahan (%)	
	2013	2014 ³	2013	2014 ³
Koko	2.8	3.5	-22.9	24.6
Padi	2,627	2,594	1.0	-1.3
Ternakan				
Daging ¹	295	296	2.5	0.5
Ayam-itik	1,416	1,459	3.0	3.0
Telur (juta)	11,074	11,450	3.4	3.4
Susu (juta liter)	79	84	7.1	5.8
Pertanian pelbagai				
Buah-buahan ²	1,603	1,638	0.5	2.2
Lada	27	28	1.9	3.8
Sayur-sayuran	978	995	0.5	1.7
Kelapa (juta unit)	647	673	3.7	4.0
Bunga (juta keratan)	421	514	0.3	22.0

¹ Termasuk daging lembu, kambing dan khinzir.

² Terdiri daripada belimbing, betik, durian, jambu, mangga, manggis, pisang, rambutan dan nanas.

³ Anggaran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Sektor Perlombongan


Pengeluaran gas asli yang lebih tinggi

Nilai ditambah **sektor perlombongan** meningkat perlahan sebanyak 0.6% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 1.3%) disokong oleh pengeluaran gas asli yang lebih tinggi meskipun output minyak mentah menyederhana. Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, pengeluaran **minyak mentah (termasuk kondensat)** merosot secara marginal sebanyak 0.7% kepada 582,156 tong sehari (tsh) (Januari – Julai 2013: 1%; 586,296 tsh), terutamanya disebabkan oleh pengeluaran daripada medan minyak matang yang lebih rendah dalam tempoh suku pertama. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) berkembang sebanyak 4% dalam tempoh suku kedua didorong oleh usaha peningkatan pengeluaran dan permulaan pengeluaran daripada medan minyak baharu. Pada 2014, pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka pulih sebanyak 2.1% kepada 588,000 tsh (2013: -1.6%; 576,000 tsh) berikutan projek Pembangunan Laut Dalam Gumusut-Kakap yang telah selesai Sementara itu, medan Keabangan, yang terletak di luar pantai Kota Kinabalu, Sabah dijangka mula beroperasi pada suku keempat 2014.

Pengeluaran **gas asli** merosot sebanyak 0.4% kepada 6,275 juta kaki padu standard sehari (jkpss) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 7.9%; 6,303 jkpss) disebabkan oleh pengurangan pengeluaran gas asli secara mendadak pada Julai 2014 (-17.3%). Walau bagaimanapun, bagi 2014, pengeluaran gas dijangka meningkat kepada 6,298 jkpss (2013: 6,271 jkpss) bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi daripada industri tenaga, perkilangan dan petrokimia. Sementara itu, permulaan Terminal Minyak dan Gas Sabah akan terus membantu pengeluaran dan eksport bagi O&G. Bagi tahun ini, nilai ditambah sektor perlombongan dijangka kekal stabil


Harga Minyak Mentah Global Menyederhana pada 2014

- Sejarah menunjukkan peristiwa geopolitik seperti Perang Teluk pada 1990, ketegangan di Timur Tengah, kebimbangan mengenai rancangan nuklear Iran dan ujian peluru berpandu Korea Utara telah mempengaruhi kenaikan harga minyak mentah yang ketara. Aktiviti spekulatif juga telah menyebabkan kenaikan harga minyak sehingga mencecah USD145 setong pada Julai 2008.
- Walau bagaimanapun, konflik di Timur Tengah dan Eropah Timur tidak mengakibatkan peningkatan mendadak harga minyak dunia pada 2014. Harga Brent yang merupakan petunjuk pasaran minyak antarabangsa menyusut kepada purata USD107.7 setong, manakala harga West Texas Intermediate (WTI) meningkat 2.7% kepada USD100.5 setong dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 (2013: USD108.8 setong; USD97.9 setong). Sejak Julai 2014, harga minyak berada pada kadar yang lebih sederhana walaupun Brent merosot 4.7% kepada USD101.9 setong dan WTI menyusut 6.4% kepada USD96.4 setong pada Ogos 2014. Trend terkini menunjukkan bahawa konflik di Timur Tengah, yang merupakan pengeluar minyak sebanyak 33% daripada jumlah pengeluaran minyak dunia, tidak lagi mempengaruhi peningkatan harga minyak. (Carta 1)



- Harga minyak global lebih stabil disebabkan oleh peningkatan ketara pengeluaran gas dan minyak syal, terutamanya di AS yang merupakan pengguna minyak terbesar di dunia. Pengeluar gas dan minyak syal di AS telah berjaya menggunakan teknologi baharu yang berdaya maju, iaitu penggerudian mendatar untuk menembusi kedalaman syal bawah tanah, dan keretakan hidrolik atau *fracking*, iaitu dengan melepaskan gas dan minyak daripada pembentukan batu.
- Menurut laporan "*America's Energy Edge*" oleh Robert D. Blackwill dan Meghan L. O'Sullivan, pengeluaran gas syal AS meningkat lebih 50% setiap tahun di antara 2007 dan 2012. Perkembangan ini telah meningkatkan jumlah pengeluaran gas daripada 5% kepada 39% berikutan kemajuan teknologi yang mengurangkan kos pengeluaran. Dalam tempoh yang sama, *fracking* menghasilkan peningkatan 18 kali ganda dalam pengeluaran *light tight oil* (petroleum berkualiti tinggi yang dijumpai dalam syal). Perkembangan ini merupakan pemulihan daripada kemerosotan berpanjangan pengeluaran minyak mentah di AS dengan mencatat pertumbuhan sebanyak 50% dari 2008 hingga 2013. Peningkatan pengeluaran bagi minyak dan gas syal telah mendapat manfaat daripada kecanggihan

CARTA 2

Pengeluaran Minyak Mentah di Medan AS (2005- Jun 2014)

Sumber: US Energy Information Administration (EIA).

teknologi yang boleh mengurangkan kos pengeluaran. Berdasarkan kadar pengeluaran minyak yang semakin meningkat, AS bersedia untuk menjadi pengeksport bersih tenaga menjelang 2020. Sehingga 2011, pengeluaran minyak mentah AS adalah kurang daripada purata 6 juta tong sehari (tsh) tetapi telah meningkat kepada purata 8.5 juta tsh pada 2014. (Carta 2)

- Walaupun Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) kekal sebagai pengeluar minyak terbesar, iaitu 40% daripada jumlah pengeluaran dunia, keadaan ini boleh berubah pada masa hadapan berikutan pengeluar di seluruh dunia semakin meningkatkan aktiviti mengerudi gas dan minyak syal. Situasi ini akan mengalihkan pengeluaran tenaga dunia daripada pembekal tradisional seperti Timur Tengah dan Rusia kepada sumber baharu seperti Amerika Utara (AS dan Kanada) dan Australia, yang dijangka mendahului Qatar sebagai pembekal terbesar Gas Asli Cecair (LNG) global. Peranan OPEC dalam mengimbangi pasaran minyak menerusi bekalan juga akan berkurangan. Kesemua perkembangan ini akan mewujudkan kedudukan baharu dalam perdagangan minyak dunia pada masa akan datang.
- Walaupun terdapat kemungkinan pertambahan permintaan disebabkan oleh faktor cuaca terutamanya semasa musim sejuk, penggunaan global minyak dan gas dijangka kekal stabil. Menurut laporan International Energy Agency (IEA) pada Ogos 2014, unjuran permintaan pada 2014 telah dikurangkan sebanyak 1 juta tsh kepada 92.7 juta tsh disebabkan oleh pemulihan keadaan global yang sederhana. Tambahan pula, penggunaan tenaga yang semakin cekap, terutamanya di negara anggota Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) telah mengurangkan tekanan ke atas permintaan minyak.
- Berikutan permintaan minyak global yang lebih rendah dengan risiko gangguan bekalan telah diimbangi melalui peningkatan bekalan, terutamanya lonjakan gas dan minyak syal, harga minyak mentah Brent dijangka menyederhana kepada USD105 setong pada 2014 (2013: USD108.8 setong).

JADUAL 3.10

Pengeluaran dan Simpanan Minyak Mentah dan Gas Asli 2013 - 2014

			Perubahan (%)	
	2013	2014 ³	2013	2014 ³
Minyak mentah				
Pengeluaran ¹ (‘000 tong sehari)	576	588	-1.6	2.1
Rizab (bilion tong)	5.85	5.79	-1.7	-1.0
Rizab / pengeluaran (tahun)	27	28		
Gas asli				
Pengeluaran ² (jkkps)	6,271	6,298	4.1	0.4
Rizab (trilion kaki padu)	98.3	100.7	6.7	2.4
Rizab / pengeluaran (tahun)	43	42		

¹ Termasuk kondensat.² Tidak termasuk pembakaran dan suntikan semula.³ Anggaran.Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Petroliaam Nasional Berhad.

pada 0.7% (2013: 0.7%) berikutan peningkatan pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli dalam tempoh separuh kedua tahun ini.

Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) terus meneroka medan baharu di Malaysia. Pada akhir Mac 2014, aktiviti penerokaan melibatkan enam medan di Sarawak dan satu di Semenanjung Malaysia. Projek Pembangunan Kelompok Medan Minyak Kapal, Banang dan Meranti, yang terletak di luar pantai timur Semenanjung Malaysia, dijangka meningkatkan lagi pengeluaran minyak. Selepas medan Kapal memulakan pengeluaran pada 2013, medan Banang juga telah mula beroperasi pada Julai 2014 dan secara purata, pengeluaran minyak dianggarkan sebanyak 6,000 tsh.


Sektor Pembinaan

Aktiviti pembinaan yang cergas

Sektor pembinaan terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 14.3% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 12%). Dalam tempoh tersebut, 19,649 projek pembinaan telah dilaksanakan dengan nilai kontrak bernilai RM50.1 bilion. Subsektor kejuruteraan awam telah menyumbang 33% kepada jumlah kerja-kerja pembinaan, diikuti oleh bukan kediaman (32.3%), kediaman (29.6%) dan pertukangan khas (5%). Sektor swasta telah menyumbang 71.4% daripada jumlah nilai kerja pembinaan. Sementara itu, aktiviti pembinaan yang lebih tinggi ini diterajui oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman, manakala pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam menyederhana berikutan siapnya beberapa projek utama, termasuk KLIA2, Jambatan Pulau Pinang Kedua dan stesen janakuasa arang batu Manjung. Sektor ini dijangka berkembang 12.7% pada 2014 (2013: 10.9%), menyumbang 4% kepada KDNK, disokong oleh projek yang berterusan bagi kediaman, O&G dan pengangkutan.

Subsektor kejuruteraan awam berkembang 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 21.6%). Projek kejuruteraan awam yang berterusan, terutamanya aktiviti berkaitan O&G seperti Projek Gas Asli Cecair Terapung Pertama (FLNG 1), Projek Amonia Urea Sabah (SAMUR), dan pembesaran stesen janakuasa elektrik serta talian penghantaran di Manjung dan Seberang Prai akan menjadi penyumbang terbesar kepada subsektor ini. Projek utama lain yang akan meningkatkan pertumbuhan subsektor ini termasuk projek yang berterusan seperti projek MY Rapid Transit (MRT) Aliran 1 dan penyambungan transit aliran ringan (LRT); projek bekalan air bersih dan elektrik ke kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak; serta pembesaran Pelabuhan Kuantan, pemanjangan DUKE dan pembinaan Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat dan Central Spine Road dari Bentong ke Kuala Krai.


Penunjuk Penawaran Harta Tanah Bukan Kediaman



Dalam tempoh suku kedua 2014, Indeks Sewaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PBO-RI WPKL) menunjukkan bahawa sewa PBO di Kuala Lumpur terus kekal stabil walaupun dengan pengumuman projek permulaan yang besar seperti pembangunan Tun Razak Exchange. PBO-RI WPKL merekod 117 mata (S2 2013: 114.9 mata), meningkat 1.8%

CARTA 3.7

Penunjuk Penawaran Harta Tanah Kediaman



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih tinggi kawasan Dalam Pusat Bandar (WCC). Sementara itu, kadar sewaan purata PBO di WCC mencatat peningkatan sebanyak 5.8% kepada RM4.41 sekaki persegi (psf) (S2 2013: 10%; RM4.10 psf). Sewa purata bangunan gred pelaburan di Kuala Lumpur, terutamanya di Kuala Lumpur City Centre/Segi Tiga Emas berada pada RM6.18 psf (S2 2013: RM6.17 psf), menunjukkan bahawa sewa pejabat di lokasi strategik kekal stabil.

Subsektor kediaman berkembang kukuh sebanyak 22.1% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 15.7%) disokong oleh penawaran akan datang sebanyak 9.5% (Januari – Jun 2013: 15.3%). Sementara itu, kelulusan perumahan baharu meningkat dengan ketara sebanyak 32.6% kepada 96,115 unit (Januari – Jun 2013: 6.8%; 72,461 unit). Walaupun pertumbuhan unit rumah mula dibina menyusut


5.3% kepada 70,346 unit (Januari – Jun 2013: 21.1%; 74,270 unit), aktiviti kediaman dijangka kekal stabil. Kadar jualan untuk rumah berharga antara RM500,001 hingga RM1,000,000 adalah lebih perlahan pada 11.6% (Januari – Jun 2013: 34.2%), dalam tempoh enam bulan selepas dilancarkan berikutan beberapa langkah meredakan sektor perumahan. Sementara itu, kadar jualan tertinggi dicatat bagi rumah berharga antara RM200,001 hingga RM250,000 iaitu sebanyak 49.3%. Bagi menyediakan rumah yang mencukupi bagi golongan berpendapatan rendah, Kerajaan terus menyediakan peruntukan bagi membina rumah mampu milik di bawah pelbagai program Kerajaan, seperti Rumah Mesra Rakyat (RMR), Rumah Mampu Milik (RMM) dan Rumah Idaman Rakyat (RIR). Di samping itu, Kerajaan telah memperkenalkan satu kategori baru di bawah Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia dalam Bajet 2013, dengan harga jualan antara RM45,000 hingga RM65,000 seunit. Di bawah kategori baharu ini, Kerajaan akan memberi subsidi antara RM15,000 dan RM20,000 seunit. Kerajaan telah memperuntukkan RM1 bilion dibawah program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) untuk membina 80,000 unit rumah.

Sementara itu, nilai jumlah urus niaga harta tanah meningkat kepada RM82 bilion (Januari – Jun 2013: RM68.8 bilion), dengan jumlah transaksi berkembang 3.3% kepada 193,405 transaksi dalam tempoh enam bulan pertama 2014. Transaksi harta tanah kediaman merangkumi bahagian terbesar sebanyak 63.5%. Walau bagaimanapun, berikutan beberapa langkah membendung aktiviti spekulasi dalam sektor harta tanah, bilangan urus niaga harta tanah kediaman menyusut 2.7% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Julai – Disember 2013: 5.1%). Dalam tempoh yang sama, transaksi kediaman merosot di Kuala Lumpur (-4.8%) dan Selangor (-2.1%), manakala Johor mencatat pertumbuhan positif sebanyak 17.5% dan Pulau Pinang sebanyak 2.7%. Sementara itu, dalam tempoh separuh pertama 2014, unit kediaman siap dibina tidak terjual merosot 11.5% kepada 12,105 unit (Januari – Jun 2013: -15.1%; 13,673 unit), dengan nilai berjumlah RM4.5 bilion (Januari – Jun 2013: RM5 bilion).

CARTA 3.8

Indeks Harga Rumah Malaysia

(% perubahan tahunan)



Sumber: Pusat Maklumat Harta Tanah Negara.

Harga rumah di Malaysia terus meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, berikutan beberapa langkah membendung kenaikan harga rumah sejak 2010. Peningkatan harga rumah didorong oleh permintaan yang kukuh berikutan persekitaran pasaran buruh yang menggalakkan dan pendapatan isi rumah yang meningkat. Indeks Harga Rumah Malaysia yang mengukur perubahan harga bagi purata rumah di Malaysia meningkat sederhana sebanyak 6.6% dalam tempoh suku kedua 2014, berbanding dengan 11.3% dalam tempoh yang sama pada 2013. Kadar peningkatan suku tahunan ini merupakan yang terendah sejak suku ketiga 2010. Walau bagaimanapun, harga yang lebih tinggi daripada purata dicatatkan di Selangor (10.1%), Pulau Pinang (9.6%) dan Kuala Lumpur (9.1%). Peningkatan harga tertinggi dicatatkan bagi rumah teres meningkat 8.2% diikuti oleh unit bertingkat tinggi (7.9%), rumah berkembar (2.5%) dan rumah separuh berkembar (2.4%).

Prestasi Permintaan Domestik

Aktiviti domestik berdaya tahan

Dari sudut permintaan, pertumbuhan ekonomi dijangka diterajui oleh pelaburan yang kukuh dan permintaan yang berdaya tahan disokong oleh persekitaran luar yang bertambah baik berikutan pemulihan ekonomi di negara maju. Sektor swasta dijangka kekal sebagai pemacu utama permintaan domestik. Dalam persekitaran sentimen pengguna yang positif dan keyakinan pelabur yang meningkat, permintaan domestik dijangka berkembang 6.4% menyumbang 6 mata peratusan kepada pertumbuhan KDNK benar pada 2014 (2013: 7.4%; 6.8 mata peratusan). KDNK diunjur berkembang pada kadar 5.5% hingga 6% pada 2014 (2013: 4.7%) berikutan pertumbuhan ekonomi yang lebih kukuh sebanyak 6.3% dalam tempoh separuh pertama 2014 dan jangkakan pertumbuhan yang stabil dalam tempoh separuh kedua tahun ini.

Perbelanjaan sektor swasta dijangka berkembang 7.9% (2013: 8.6%) dipacu oleh perbelanjaan penggunaan dan pelaburan dengan sumbangan sektor swasta kepada KDNK terus meningkat kepada 70.1% pada 2014 (2013: 68.8%). Selaras dengan usaha konsolidasi fiskal, **perbelanjaan sektor awam** dijangka menyederhana sebanyak 2.3% (2013: 4.4%) berikutan pertumbuhan emolumen yang lebih rendah.

Pelaburan swasta dijangka kekal cergas dengan pertumbuhan sebanyak 12% pada 2014 (2013: 13.1%) terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pertumbuhan ini disokong oleh pelbagai inisiatif Kerajaan untuk merencanakan penyertaan sektor swasta berikutan keyakinan perniagaan yang teguh hasil daripada pendapatan eksport yang lebih tinggi dan pasaran buruh yang stabil. Perbelanjaan modal sektor perkhidmatan akan bertumpu dalam aktiviti berkaitan pengguna seperti subsektor perdagangan borong dan runcit, penginapan dan restoran serta komunikasi. Sementara itu, pelaburan sektor pembuatan didorong oleh industri berorientasikan eksport dan domestik. Pelaburan dalam industri berorientasikan eksport dijangka meningkat terutamanya

subsektor E&E, khususnya dalam segmen kelengkapan perubatan dan telekomunikasi serta kabel gentian optik. Manakala, perbelanjaan modal industri berorientasikan domestik terus kukuh disokong terutamanya dalam subsektor kelengkapan pengangkutan serta makanan dan minuman. Sehubungan itu, sumbangan pelaburan swasta kepada KDNK benar dijangka mencatat 17.7% pada 2014 (2013: 16.7%) merupakan sumbangan tertinggi selepas Krisis Kewangan Asia pada 1997/1998. Pertumbuhan pesat pelaburan swasta dicerminkan oleh beberapa penunjuk pelaburan utama seperti jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor pembinaan dan pembuatan dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014.

Jumlah pelaburan yang diluluskan oleh MIDA dalam sektor pembuatan meningkat kepada RM47.4 bilion dalam tempoh enam bulan pertama 2014 (Januari – Jun 2013: RM22.7 bilion) berikutan pelaburan domestik dan luar negeri yang lebih tinggi. Pelaburan asing yang mencakupi 58.9% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan telah meningkat 96% kepada RM27.9 bilion (Januari – Jun 2013: 62.7%; 11.8%; RM14.3 bilion). Jepun merupakan sumber utama pelaburan asing diikuti oleh China, Jerman dan Singapura dengan kesemuanya merangkumi 79.4% daripada jumlah pelaburan asing. Sementara itu, projek yang diluluskan bagi pelaburan domestik meningkat kukuh kepada RM19.5 bilion (Januari – Jun 2013: RM8.5 bilion). Sebahagian

JADUAL 3.11

KDNK mengikut Permintaan Agregat 2013 – 2015 (pada harga malar 2005)

	Perubahan (%)			Bahagian kepada KDNK (%)			Sumbangan kepada pertumbuhan KDNK (mata peratusan)		
	2013	2014 ³	2015 ⁴	2013	2014 ³	2015 ⁴	2013	2014 ³	2015 ⁴
KDNK	4.7	5.5 – 6.0	5.0 – 6.0	100.0	100.0	100.0	4.7	5.5 – 6.0	5.0 – 6.0
Permintaan domestik¹	7.4	6.4	6.2	93.1	93.7	94.6	6.8	6.0	5.8
Perbelanjaan swasta	8.6	7.9	6.9	68.8	70.1	71.3	5.7	5.4	4.8
Penggunaan	7.2	6.5	5.6	52.0	52.4	52.6	3.6	3.4	2.9
Pelaburan	13.1	12.0	10.7	16.7	17.7	18.6	2.0	2.0	1.9
Perbelanjaan awam	4.4	2.3	4.2	24.3	23.6	23.3	1.1	0.6	1.0
Penggunaan	6.3	2.1	3.8	13.4	12.9	12.8	0.8	0.3	0.5
Pelaburan	2.2	2.6	4.7	10.9	10.6	10.6	0.2	0.3	0.5
Sektor luar	-12.6	2.6	-19.7	7.1	6.9	5.3	-1.1	0.2	-1.4
Eksport ²	0.6	3.5	2.1	89.5	87.6	85.0	0.6	3.1	1.9
Import ²	2.0	3.5	4.0	82.5	80.7	79.7	1.7	2.9	3.2
KDNK (RM bilion, harga semasa)	986.7	1,078.2	1,175.7						
Perubahan (%)	4.8	9.3	9.0						

¹ Tidak termasuk perubahan dalam stok.

² Barangan dan perkhidmatan bukan faktor.

³ Anggaran.


⁴ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.9

Komposisi Permintaan Agregat¹

(pada harga malar 2005)

¹ Tidak termasuk stok.² Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

besar daripada jumlah pelaburan adalah dalam industri petroleum dan petrokimia, kimia, E&E dan logam asas.




Malaysia kekal sebagai destinasi menarik bagi FDI walaupun terdapat persaingan sengit daripada negara membangun yang berkembang pesat. Menurut *World Investment Report 2014* yang dikeluarkan oleh UNCTAD, Malaysia menduduki tempat ke-7 sebagai penerima tertinggi FDI di Asia, mendahului ROK, Viet Nam dan Taiwan. Dalam tempoh separuh pertama 2014, Malaysia merekod aliran masuk FDI bersih bernilai RM17.2 bilion (Januari – Jun 2013: RM17.7 bilion) disokong oleh aliran masuk modal ekuiti dan pendapatan yang dikekalkan untuk aktiviti pelaburan semula oleh MNC asing yang beroperasi di Malaysia. Aliran masuk FDI diterima terutamanya bagi sektor perkhidmatan (47.5%), perlombongan (36.4%)

serta pembuatan (10.5%). Subsektor kewangan dan insurans serta perdagangan borong dan runcit secara keseluruhannya menyumbang 76.3% daripada jumlah pelaburan sektor perkhidmatan. Penyumbang utama aliran masuk FDI bersih adalah dari Belanda (RM4.3 bilion), Singapura (RM2.7 bilion) dan Hong Kong (RM1.7 bilion). Pada 2014, aliran FDI dijangka lebih rancak berikutan pemulihan ekonomi dunia yang lebih kukuh.

Sejajar dengan inisiatif pro-perniagaan yang berterusan oleh Kerajaan, daya saing Malaysia semakin bertambah baik. Berdasarkan laporan *Doing Business 2014* oleh Bank Dunia, kedudukan Malaysia bertambah baik di tangga ke-6 berbanding tangga ke-12 pada 2013. Kedudukan ini menempatkan Malaysia mendahului negara lain seperti UK (ke-10), Taiwan (ke-16), Jerman (ke-21), Jepun (ke-27) dan Switzerland (ke-29). Kelebihan Malaysia termasuk kemudahan mendapat pinjaman (pertama), perlindungan ke atas pelabur (ke-4) dan perdagangan rentas sempadan (ke-5). Kedudukan Malaysia juga bertambah baik kepada tangga ke-15 daripada tangga ke-25 dalam laporan *Foreign Direct Investment Confidence Index 2014* oleh A.T. Kearney. Prestasi ini menunjukkan usaha Malaysia membina daya saingnya dalam pembuatan elektronik, automotif dan mesin bagi meningkatkan rantai nilai dalam segmen berteknologi tinggi dan berintensifkan kemahiran. Tambahan pula, Malaysia melonjak ke tangga ke-12 daripada tangga ke-15 dalam laporan *IMD World Competitiveness Yearbook 2014*. Berdasarkan laporan tersebut, Malaysia menduduki tangga ke-5 dalam kecekapan perniagaan, ke-9 dalam prestasi ekonomi, ke-15 dalam kecekapan Kerajaan dan ke-25 dalam infrastruktur. Sementara itu, Malaysia berada pada kedudukan 20 teratas negara paling berdaya saing antara 144 negara dalam kajian *Global Competitiveness Report 2014 – 2015* buat kali pertama sejak 2006. Malaysia meningkat sembilan kedudukan dalam teras institusi termasuk pembangunan pasaran kewangan, kecekapan pasaran barangan dan perkhidmatan serta rangka kerja institusi yang mesra perniagaan.

CARTA 3.10

Penunjuk Pelaburan Swasta





¹ Anggaran.

² Dalam sektor pembinaan.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

CARTA 3.11

Penunjuk Penggunaan Swasta



¹ Pada akhir Ogos 2014.

² Anggaran.

³ Pada 30 September 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia, Persatuan Pemasang dan Pembekal Motosikal dan Skuter Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

Koridor pembangunan ekonomi wilayah telah diwujudkan semasa Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) untuk mengurangkan ketidakseimbangan wilayah serta menjana peluang pertumbuhan, pelaburan dan pekerjaan yang saksama. Dalam tempoh separuh pertama 2014, lima koridor pembangunan mencatat jumlah pelaburan komited bernilai RM45.8 bilion dengan sebahagian besarnya dilaburkan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) bernilai RM20.9 bilion. Sementara itu, Iskandar Malaysia mencatat pelaburan komited berjumlah RM14.6 bilion diikuti oleh Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) RM6.7 bilion, Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak (SCORE) RM3.5 bilion dan Koridor Pembangunan Sabah (SDC) RM0.1 bilion. Pelaburan komited

adalah menyeluruh dalam semua sektor ekonomi terutamanya dalam industri sasaran termasuk industri berteknologi tinggi, berintensifkan pengetahuan dan berasaskan inovasi, terutamanya dalam industri E&E, agro pertanian, O&G serta pelancongan.

ETP terus menunjukkan prestasi yang menggalakkan dengan menarik pelaburan sebanyak RM219.3 bilion sejak pelancarannya pada 2010. Di bawah 196 inisiatif, pelaburan komited dijangka menyumbang sebanyak RM144 bilion kepada PNK dan mewujudkan 437,816 pekerjaan baharu menjelang 2020. Projek ini termasuk fabrikasi wafer di Kulim, pembangunan medan minyak marginal di luar pesisir Sarawak dan hab O&G bersepadu di Labuan.

JADUAL 3.12

Pelaburan di Koridor Pembangunan Ekonomi Wilayah pada 2014

Koridor	Akhir Jun 2014 RM bilion		Projek Utama dalam Pembinaan
	Komited	Realisasi	
Iskandar Malaysia	146.2	69.5	• Southkey Megamall • Dato' Onn Specialist Hospital • Gleneagles Medini Hospital
SDC	128.1	45.4	• Projek Bersepadu Minyak dan Gas Sabah-Sarawak (SSIOGP) • Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang (SOGIP) – SAMUR Fasa 1 • Sandakan City Centre (SCC) • Sabah Agro-Industrial Precinct (SAIP)
ECER	68.8	8.1	• Peluasan Pelabuhan Kuantan – pemecah ombak dan infrastruktur • Bandar Pelabuhan Kuantan – <i>Port link road</i> • Kuala Terengganu City Centre (KTCC) • Loji Rawatan Air Ganchong
NCER	47.0	47.0	• Pembesaran kilang di Batu Kawan • Pembesaran kilang di Kamunting • Pembesaran kilang di Kulim High-Tech Park (KHTP) • Pembesaran kilang di Kawasan Perindustrian Kamunting Raya
SCORE	32.9	22.0	• Projek <i>polycrystalline silicone</i> • Projek <i>silicone manganese</i> • Projek <i>metallic silicone</i> • Projek <i>ferro alloy</i>
Jumlah	423.0	192.0	

Sumber: Koridor pembangunan ekonomi wilayah yang berkaitan.


Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2014

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Penyiasatan Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah (HIES) 2014 bermula Januari hingga Disember 2014. Penyiasatan ini merangkumi isi rumah yang tinggal di kediaman persendirian melibatkan 83,456 isi rumah di seluruh negara.


Laporan awalan HIES 2014 adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi dalam tempoh enam bulan pertama penyiasatan terhadap 42,000 isi rumah. Berikut adalah antara maklumat daripada dapatan awal tersebut:

- Median pendapatan bulanan isi rumah mencatat peningkatan tahunan sebanyak 8% kepada RM4,258 pada 2014 berbanding RM3,626 pada 2012. Sementara itu, purata pendapatan bulanan turut berkembang 8.4% kepada RM5,919 daripada RM5,000 dalam tempoh yang sama sejajar dengan perkembangan ekonomi negara.
- Pertumbuhan pendapatan dinikmati oleh isi rumah bandar dan luar bandar di setiap negeri.

Median Pendapatan Bulanan Isi Rumah Mengikut Strata, 2012 dan 2014




Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah Mengikut Strata, 2012 dan 2014




- Pertumbuhan pendapatan turut dinikmati oleh semua kumpulan etnik terutamanya bagi golongan berpendapatan 40% terendah.

Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah Mengikut Etnik, 2012 dan 2014




Pendapatan Isi Rumah 40% terendah (B40) Mengikut Etnik, 2012 dan 2014



- Pengagihan pendapatan dalam kalangan isi rumah telah bertambah baik seperti yang digambarkan oleh pekali Gini daripada 0.431 pada 2012 kepada 0.421 pada 2014.
- Pekali Gini bagi bandar telah menurun daripada 0.417 kepada 0.410 dan luar bandar daripada 0.382 kepada 0.370 dari 2012 ke 2014.
- Insiden kemiskinan secara keseluruhan merosot daripada 1.7% pada 2012 kepada 1% pada 2014 dengan semua negeri kecuali Sabah mencatat insiden kemiskinan di bawah 2%. Sabah mencatat penurunan yang ketara daripada 8.1% pada 2012 kepada 6.4% pada 2014.
- Sementara itu, purata perbelanjaan bulanan isi rumah mencatat pertumbuhan tahunan sebanyak 8.8% kepada RM3,496 (2009: RM2,254). Kumpulan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain merupakan penyumbang utama kepada keseluruhan perbelanjaan isi rumah dengan peratusan sumbangan sebanyak 22.8% diikuti oleh makanan dan minuman bukan alkohol (18.1%), pengangkutan (15.4%) serta restoran dan hotel (12.3%).

Pekali Gini Mengikut Strata, 2012 dan 2014



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pelaburan awam dijangka terus berkembang sebanyak 2.6% (2013: 2.2%) disokong perbelanjaan modal yang lebih tinggi oleh PABK. Pelaburan oleh PABK kebanyakannya disalurkan dalam sektor O&G, pengangkutan dan utiliti. Sebahagian besar perbelanjaan PETRONAS akan terus ditumpukan kepada aktiviti hulu dan hilir dalam sektor O&G. Antara projek utama termasuk SAMUR di Sipitang, Pembangunan Loji Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang dan Projek LNG Terapung 1 & 2 di pesisir Malaysia Timur. Selain itu, sebahagian besar perbelanjaan modal Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) adalah dalam projek MRT Aliran 1. Pelaburan modal Tenaga Nasional Berhad (TNB) pula bertumpu dalam pembinaan loji tenaga baharu untuk penjanaan elektrik bagi memenuhi permintaan tenaga yang semakin meningkat serta menaik taraf rangkaian penghantaran dan pengagihan elektrik.

Penggunaan swasta diunjur meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 6.5% pada 2014 berbanding 7.2% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini sebahagiannya disebabkan oleh perkembangan perlahan dalam perbelanjaan isi rumah. Perkara ini adalah berikutan peningkatan kos sara hidup disebabkan oleh inflasi yang tinggi sebanyak 3.3% dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 (Januari – Ogos 2013: 1.7%). Walau bagaimanapun, perbelanjaan penggunaan terus disokong oleh pertumbuhan pendapatan yang stabil dan pendapatan eksport yang kukuh. Tambahan pula, pemberian tunai Kerajaan (BR1M) kepada isi rumah dan individu yang disasarkan serta pemberian bonus pada Januari 2014 dan pemberian tunai semasa sambutan Aidilfitri kepada kakitangan awam membantu mengurangkan kesan inflasi yang tinggi bagi perbelanjaan isi rumah. Penggunaan swasta yang berdaya tahan ini dicerminkan oleh penunjuk utama penggunaan seperti import

barangan penggunaan yang meningkat 7.7%, jualan makanan (4.9%) dan jualan kereta penumpang (4%) dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Sementara itu, **penggunaan awam** diunjur merekod pertumbuhan yang lebih rendah sebanyak 2.1% (2013: 6.3%) mencerminkan perbelanjaan berhemah oleh Kerajaan.


Kedudukan Sumber Negara

Lebih tabungan pelaburan semakin tinggi

Pada 2014, PNK pada harga semasa diunjur terus mengukuh sebanyak 10.2% (2013: 5.2%) sejajar dengan pengembangan dalam aktiviti ekonomi domestik dan pendapatan eksport yang lebih tinggi. Seterusnya, Tabungan Negara Kasar (TNK) dijangka kembali pulih sebanyak 14.5% kepada RM340.5 bilion, mencakupi 32.4% daripada

CARTA 3.12

Tabungan Negara Kasar dan Jurang Tabungan Pelaburan



¹ Anggaran.

Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.13

Jurang Tabungan Pelaburan 2013 – 2015

(pada harga semasa)

	RM juta		
	2013	2014 ²	2015 ³
Sektor awam			
Tabungan	98,055	85,506	89,198
Pembentukan modal dalam negeri	104,552	108,947	116,513
Lebih / Defisit	-6,497	-23,441	-27,315
Sektor swasta			
Tabungan	199,299	254,948	284,476
Pembentukan modal dalam negeri ¹	152,895	177,615	208,113
Lebih / Defisit	46,404	77,333	76,364
Keseluruhan			
Tabungan negara kasar	297,354	340,454	373,674
(% daripada PNK)	31.2	32.4	32.5
Pembentukan modal dalam negeri ¹	257,447	286,562	324,626
(% daripada PNK)	27.0	27.3	28.3
Lebih / Defisit	39,907	53,892	49,049
(% daripada PNK)	4.2	5.1	4.3

¹ Termasuk perubahan dalam stok.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

PNK (2013: -0.4%; RM297.4 bilion; 31.2%). Sektor swasta menyumbang 74.9% daripada TNK (2013: 67%). Jurang tabungan pelaburan dijangka mencatat lebih ketara sebanyak RM53.9 bilion atau 5.1% daripada PNK (2013: RM39.9 bilion; 4.2%) berikutan paras TNK yang terus melebihi jumlah pelaburan.

Sektor Luar Negeri

Pada 2014, sektor luar Malaysia dijangka kekal menggalakkan disokong oleh ekonomi global yang semakin kukuh dan permintaan semikonduktor yang kembali pulih serta pengembangan berterusan dalam aktiviti ekonomi domestik dan serantau. Keadaan ini dijangka memberi kesan positif kepada perdagangan, menyumbang kepada

lebih akaun semasa yang lebih tinggi kepada 5.1% daripada PNK pada tahun ini. Walaupun ketidakpastian berterusan dalam pasaran kewangan dunia, Malaysia dijangka kekal berdaya tahan disokong oleh asas makroekonomi yang kukuh. Paras rizab antarabangsa yang tinggi, pasaran modal yang maju dan kehadiran pelabur institusi domestik yang lebih besar dengan keupayaan kapasiti yang dapat mengurangkan volatiliti aliran modal.

Prestasi Perdagangan

Perdagangan yang kukuh

Jumlah perdagangan Malaysia meningkat, mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 8.4% kepada RM834.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013:

0.7%; RM769.6 bilion) dipacu oleh pemulihan ekonomi maju utama, permintaan serantau yang berdaya tahan dan sebahagiannya disebabkan oleh kesan asas akibat eksport yang perlahan dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Eksport kembali pulih mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 10.7%, manakala import terus berkembang 5.8% menyumbang kepada lebih dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM48.5 bilion. Walau bagaimanapun, dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi maju yang lebih perlahan serta ketegangan geopolitik yang semakin meningkat dan harga komoditi yang menyusut, momentum pertumbuhan ekonomi dalam tempoh separuh kedua tahun ini dijangka sederhana.

Pada 2014, jumlah perdagangan Malaysia dijangka berkembang 5.2% kepada RM1.44 trilion (2013: 4.5%; RM1.37 trilion). Eksport kasar dijangka berkembang 6% kepada RM762.8 bilion, manakala

JADUAL 3.14

Perdagangan Luar Negeri 2013 – 2015

	RM juta			Perubahan (%)		
	2013	2014 ¹	2015 ²	2013	2014 ¹	2015 ²
Jumlah perdagangan	1,368,883	1,440,023	1,500,326	4.5	5.2	4.2
Eksport kasar	719,815	762,788	787,197	2.4	6.0	3.2
antaranya:						
Pembuatan	548,344	582,007	600,986	5.1	6.1	3.3
Pertanian	68,843	71,931	74,784	-14.4	4.5	4.0
Perlombongan	97,501	103,739	107,409	3.3	6.4	3.5
Import kasar	649,068	677,235	713,129	7.0	4.3	5.3
antaranya:						
Barangan modal	98,562	100,231	105,900	2.6	1.7	5.7
Barangan pengantara	379,351	396,725	420,033	4.3	4.6	5.9
Barangan penggunaan	47,569	50,115	51,345	8.7	5.4	2.5
Imbangan dagangan	70,747	85,553	74,068	-26.3	20.9	-13.4

¹ Anggaran.

² Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan dan Kementerian Kewangan Malaysia.

JADUAL 3.15

**Eksport Kasar
Januari – Julai**

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
Pembuatan	302,762	337,174	-0.3	11.4	76.0	76.4
Pertanian	38,587	40,023	-18.3	3.7	9.7	9.1
Perlombongan	54,091	60,850	-3.5	12.5	13.6	13.8
Lain-lain	3,102	3,204	-1.2	3.3	0.8	0.7
Jumlah	398,542	441,251	-2.8	10.7	100.0	100.0

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

import meningkat pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.3% kepada RM677.2 bilion (2013: 2.4%; RM719.8 bilion; 7%; RM649.1 bilion). Oleh itu, lebih dagangan dijangka lebih tinggi pada RM85.6 bilion atau 7.9% daripada KDNK pada 2014 (2013: RM70.7 bilion; 7.2%).

Prestasi Eksport

Pertumbuhan eksport menggalakkan dalam semua sektor

Eksport kasar kembali melonjak dengan ketara sebanyak 10.7% kepada RM441.3 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -2.8%; RM398.5 bilion) dengan eksport pembuatan meningkat pada kadar dua angka sebanyak 11.4% dan perlombongan sebanyak 12.5%. Eksport barangan pembuatan dirangsang oleh permintaan yang semakin meningkat daripada negara maju, manakala eksport perlombongan mendapat manfaat daripada harga yang stabil dan permintaan luar yang meningkat. Walau bagaimanapun, penghantaran produk pertanian meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 3.7%, terutamanya disebabkan oleh eksport getah asli yang lebih rendah (-24.6%) manakala pertumbuhan eksport komoditi lain kekal stabil. Pada 2014, eksport kasar dijangka terus berkembang sejajar dengan permintaan luar yang bertambah baik, walaupun pada kadar yang

lebih sederhana dalam tempoh separuh kedua tahun ini. Oleh itu, eksport barangan pembuatan dijangka berkembang 6.1% dan perlombongan sebanyak 6.4% (2013: 5.1%; 3.3%). Eksport pertanian pula dijangka kembali pulih dengan ketara sebanyak 4.5% (2013: -14.4%) walaupun harga komoditi yang sederhana.

Eksport Barangan Pembuatan

Eksport E&E dan bukan E&E yang memberangsangkan

Eksport barangan pembuatan berkembang kukuh sebanyak 11.4% kepada RM337.2 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -0.3%; RM302.8 bilion). Pertumbuhan kukuh ini disokong oleh permintaan daripada AS dan EU yang semakin mampan dan mencerminkan pendedahan ketara eksport Malaysia dengan prestasi ekonomi negara maju. Kekuatan dalam pertumbuhan eksport adalah menyeluruh dengan peningkatan subsektor E&E dan bukan E&E yang kukuh.

Eksport produk **E&E** kembali kukuh sebanyak 10.6%, selepas mencatat penguncupan sebanyak 2.9% tahun lepas. Penambahbaikan berterusan ekonomi global dengan pemulihan industri ICT telah melonjakkan eksport peranti semikonduktor sebanyak 20.1% (Januari – Julai 2013: 0.8%).

Segmen ini tetap menjadi komponen terbesar, menyumbang 49.4% daripada jumlah eksport E&E dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Penghantaran peranti semikonduktor yang lebih tinggi telah dicatatkan, terutamanya ke pasaran utama seperti China, Singapura, Hong Kong dan AS. Litar bersepadu elektronik, khususnya telah meningkat mendadak sebanyak 24.1% dan diikuti oleh peranti semikonduktor fotosensitif sebanyak 18.5%. Permintaan kukuh terutamanya dalam pasaran membangun yang berkembang pesat terhadap telefon pintar dan tablet yang bernilai sederhana dan rendah, mendorong eksport kelengkapan dan alat ganti telekomunikasi kembali pulih dengan pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 30.9% (Januari – Julai 2013: -9.4%) ke AS, Belanda, Singapura dan Mexico.

Eksport **bukan E&E** meningkat ketara sebanyak 11.9% kepada RM193.2 bilion (Januari – Julai 2013: 1.8%; RM172.6 bilion) disokong oleh hasil eksport lebih kukuh bagi semua subsektor utama kecuali eksport getah dan barang kemas. Penghantaran *produk petroleum* meningkat secara berterusan sebanyak 23.4% (Januari – Julai 2013: 12.4%) sebahagian besarnya disumbangkan oleh eksport produk petroleum bertapis yang lebih tinggi sebanyak 23.2% ke Singapura, Indonesia dan Australia.

Eksport *kimia dan produk kimia* meningkat 6.7% (Januari – Julai 2013: -0.2%) terutamanya disokong oleh hasil eksport yang lebih tinggi daripada bahan kimia organik (6.3%) dan sabun, sediaan pencucian dan penggilapan (14.3%) serta bahan pencelupan, penyamakan dan

JADUAL 3.16

Eksport Barangan Pembuatan¹ Januari – Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
E&E	130,187	143,996	-2.9	10.6	43.0	42.7
Bukan E&E	172,575	193,178	1.8	11.9	57.0	57.3
Produk petroleum	34,918	43,102	12.4	23.4	11.5	12.8
Kimia dan produk kimia	27,493	29,345	-0.2	6.7	9.1	8.7
Jentera, perkakasan dan peralatan	15,506	17,446	1.4	12.5	5.1	5.2
Barangan perkilangan logam	14,600	15,289	21.7	4.7	4.8	4.5
Barangan optikal dan saintifik	11,658	13,831	-12.3	18.6	3.9	4.1
Produk getah	11,041	10,251	-6.5	-7.2	3.6	3.0
Barangan makanan	8,060	9,324	6.0	15.7	2.7	2.8
Produk kayu	8,082	8,462	-5.9	4.7	2.7	2.5
Tekstil, pakaian dan kasut	5,923	7,034	2.3	18.7	2.0	2.1
Barangan perkilangan plastik	5,978	6,814	1.5	14.0	2.0	2.0
Kelengkapan pengangkutan	5,648	6,284	4.8	11.3	1.9	1.9
Produk besi dan keluli	4,562	5,847	-28.4	28.2	1.5	1.7
Barang kemas	4,700	3,962	6.6	-15.7	1.6	1.2
Produk galian bukan logam	3,103	3,243	-9.9	4.5	1.0	1.0
Minuman dan tembakau	2,132	2,312	6.9	8.4	0.7	0.7
Barangan kertas dan palpa	2,043	2,140	1.8	4.7	0.7	0.6
Produk pembuatan lain	7,128	8,492	0.8	19.1	2.4	2.5
Jumlah	302,762	337,174	-0.3	11.4	100.0	100.0


¹ Berdasarkan klasifikasi baharu.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia.

CARTA 3.13

Eksport Semikonduktor Malaysia, Jualan Semikonduktor Sedunia dan *Book-to-bill* Ratio




pewarnaan (12.8%) ke Singapura, India, Indonesia dan AS. Sementara itu, eksport *barangan perkilangan plastik* meningkat mendadak sebanyak 14% (Januari – Julai 2013: 1.5%) terutamanya untuk tujuan pembungkusan, sejajar dengan perkembangan produk E&E, kelengkapan pengangkutan dan makanan diproses. Eksport bagi plat, kepingan, saput, gegelung dan jalur plastik telah meningkat 22.2% berikutan permintaan yang semakin bertambah dari ASEAN, Australia, ROK dan China.

Penghantaran *jentera, perkakasan dan peralatan* terus berkembang pesat sebanyak 12.5% (Januari – Julai 2013: 1.4%) dengan permintaan lebih kukuh dari Singapura, AS, China dan Australia. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya disumbangkan oleh jentera khusus bagi perusahaan tertentu (16.3%)

CARTA 3.14

Prestasi Eksport Pembuatan Terpilih (% perubahan tahunan)



terutamanya dalam bidang kejuruteraan awam dan pengeluaran semikonduktor serta jentera dan kelengkapan perusahaan am (9.2%) seperti kelengkapan pendinginan dan pemanasan serta kelengkapan pengendalian mekanikal dan alat ganti.


Eksport *barangan optikal dan saintifik* kembali pulih sebanyak 18.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, selepas menguncup 12.3% dalam tempoh yang sama pada 2013. Penghantaran yang lebih tinggi adalah disokong oleh permintaan luar yang kukuh dari AS, Singapura dan China terutamanya peralatan mengukur, memeriksa, menganalisis dan kawalan.

Barangan perkilangan logam meningkat 4.7% (Januari – Julai 2013: 21.7%) disokong oleh permintaan eksport yang lebih kukuh bagi logam bukan besi (12.4%), khususnya tembaga dan nikel

Merancang Pertumbuhan Eksport

Pengenalan


Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka dengan perdagangan menyumbang kira-kira 139% kepada KDNK pada 2013. Malaysia berada dalam kedudukan antara 25 negara dagangan terbesar dunia dengan jumlah perdagangan sebanyak RM1.4 trilion pada 2013, meskipun ia merupakan sebuah ekonomi yang kecil dan bergantung kepada perdagangan. Prestasi eksport mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 10.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, sejajar dengan permintaan global yang semakin baik, pemulihan menyeluruh dalam kalangan negara maju, jualan semikonduktor global yang bertambah baik, harga komoditi yang stabil dan perdagangan serantau yang kukuh. Sementara itu, import berkembang 5.8% dalam tempoh yang sama. Prestasi eksport ini merupakan petanda baik kepada ekonomi Malaysia kerana ia menggambarkan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh dan kapasiti eksport masa hadapan. Perkembangan ini akan memberi kesan positif kepada perdagangan, pelaburan dan peluang pekerjaan.



Prestasi Eksport

Sektor eksport kekal berdaya tahan, walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran global. Keadaan ini disebabkan oleh kejayaan Malaysia dalam mempelbagaikan komposisi eksport dan pertambahan rakan dagangan supaya lebih menyeluruh serta selaras dengan perubahan struktur asas ekonomi Malaysia. Sekitar tahun 60-an, penyumbang utama eksport komoditi utama adalah getah, bijih timah, kayu, petroleum dan minyak sawit. Pada 2013, sektor pembuatan menyumbang sebanyak 76.2% kepada jumlah eksport berbanding 58.7% pada 1990. Sektor pembuatan telah mengalami perkembangan penting melalui kepelbagaian produk secara berperingkat. Eksport pembuatan bukan elektronik dan elektrik (E&E) memainkan peranan penting dengan sumbangan sebanyak 56.8% kepada jumlah eksport pada 2013 (1990: 47.3%). Peralihan dalam eksport pembuatan adalah petanda baik bagi ekonomi kerana perubahan ini menggambarkan nilai ditambah yang lebih tinggi dalam aktiviti pembuatan hiliran. Produk E&E masih merupakan penyumbang utama iaitu satu pertiga daripada jumlah eksport meskipun sumbangannya kepada eksport pembuatan yang berkurangan. Eksport komoditi, terutamanya minyak sawit, minyak mentah, gas asli cecair (LNG) dan getah asli terus meningkat disokong oleh permintaan global yang tinggi

CARTA 2

Produk Eksport Utama
(% bahagian)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.


bagi bahan mentah. Pada 2013, eksport komoditi menyumbang 20% kepada jumlah eksport, berbanding 26.7% pada 1990. Di bawah Dasar Komoditi Negara (2011 – 2020), Kerajaan komited untuk memastikan industri berasaskan komoditi berubah supaya lebih berdaya saing, mampan, mesra alam dan dapat menjana sumber kekayaan baharu melalui penyelidikan, pembangunan dan pengkomersilan (R&D&C) yang intensif.

Sejak kebelakangan ini, rakan dagangan Malaysia lebih pelbagai, dengan eksport ke Asia Timur (tidak termasuk Jepun) semakin meningkat daripada 12.1% pada 1990 kepada 24.4% pada 2013. Selepas Singapura, China merupakan destinasi eksport terbesar Malaysia dengan menyumbang sebanyak 13.5% kepada jumlah eksport pada 2013. Walau bagaimanapun, pasaran eksport tradisional seperti Jepun (11.1%), EU (9.1%) dan AS (8.1%) kekal penting sebagai destinasi akhir untuk kebanyakan produk, termasuk E&E sama ada eksport secara langsung atau sebagai input pengantara bagi negara seperti China, Taiwan dan Singapura. Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) tidak termasuk Singapura kekal sebagai pasaran perdagangan yang stabil menyumbang 14.1% kepada jumlah eksport Malaysia. Pada dasarnya, kepelbagaian produk dan pasaran eksport telah menjadikan ekonomi Malaysia lebih berdaya tahan. Oleh itu, Malaysia kurang terkesan terhadap kejutan luaran disebabkan oleh kurang kebergantungan kepada pasaran atau produk tunggal.

Pola pertumbuhan perdagangan yang menarik dapat dilihat melalui analisis data perdagangan dengan lebih terperinci. Sumbangan perdagangan kepada KDNK telah meningkat ketara daripada 84.3% pada 1970 kepada 192.1% pada 2000. Peratusan eksport kepada KDNK turut meningkat daripada 46% pada 1970 kepada 104.7% pada 2000. Walau bagaimanapun, sumbangan perdagangan kepada KDNK telah menurun kepada 138.7% pada 2013, manakala sumbangan eksport kepada KDNK menyederhana kepada 72.9%. Antara faktor yang menyumbang kepada penurunan sumbangan eksport kepada KDNK, termasuk peningkatan permintaan domestik, kurang daya saing dalam sektor tertentu, kenaikan kos buruh, produktiviti yang perlahan serta permintaan global yang sederhana sejak kebelakangan ini.

Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada KDNK sebanyak 55.2% pada 2013. Walau bagaimanapun, perdagangan perkhidmatan kekal mencatat defisit dan hanya dikurangkan dengan pertumbuhan kukuh dalam terimaan perjalanan. Kajian baru-baru ini menunjukkan bahawa sumbangan perdagangan perkhidmatan tidak mencerminkan tahap pembangunan Malaysia yang sebenar. Hal ini terutamanya disebabkan oleh perdagangan perkhidmatan masih tertumpu kepada sektor tradisional seperti pengangkutan, perjalanan dan pembinaan berbanding negara yang mempunyai tahap pembangunan yang sama, telah menceburi perkhidmatan moden termasuk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kesihatan berteknologi tinggi, perakaunan, kejuruteraan dan pendidikan. Walaupun perjanjian perdagangan bebas serantau (RTA) dan dua hala yang ditandatangani oleh Malaysia memberi manfaat kepada sektor pembuatan, namun penekanan harus

CARTA 3

Destinasi Eksport Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

diberikan kepada perdagangan perkhidmatan. Terdapat skop pertumbuhan yang luas dalam eksport perkhidmatan, memandangkan Malaysia telah mencapai kejayaan cemerlang di luar negeri dalam pelbagai bidang seperti minyak dan gas (O&G), petrokimia, kewangan Islam, telekomunikasi, utiliti, pembinaan, perladangan, pembangunan hartanah, pengangkutan, logistik serta penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO).

Cabaran

Pengukuhan permintaan swasta adalah sangat penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Namun begitu, bagi membina ekonomi yang berdaya tahan, pengukuhan sektor eksport adalah perlu sebagai penampan terhadap kejutan dalam atau luar negeri termasuk bencana alam. Kajian terkini menganggarkan pengurangan 10% dalam permintaan eksport memerlukan peningkatan 19% dalam permintaan domestik untuk mengimbangi kelembapan pertumbuhan ekonomi. Seterusnya, sektor luar yang kukuh menyediakan peluang pekerjaan dan mengukuhkan kadar tukaran asing, menggalakkan perubahan struktur melalui peningkatan teknologi serta penambahbaikan kemahiran teknikal dan pentadbiran dan bagi menjana kesan limpahan kepada ekonomi.

Sektor eksport telah berjaya mempelbagaikan produk, mengekalkan pasaran tradisional di samping mengukuhkan kedudukan dalam pasaran baharu dan pasaran negara membangun berkembang pesat. Namun begitu, masih terdapat cabaran dalam mengekalkan atau meningkatkan momentum pertumbuhan eksport termasuk:

- kemampunan pemulihan dalam kalangan ekonomi maju;
- permintaan barangan dan perkhidmatan Malaysia yang berterusan berikutan China mengimbangi pertumbuhannya;
- ketidakupayaan industri tempatan untuk bersaing dalam nilai rantai global, terutamanya dalam teknologi terkini dan bidang pertumbuhan baharu;
- pengurangan sumbangan eksport perkhidmatan kepada KDNK sebanyak 12.9% pada 2013 (2000: 14.9%);

- tidak memanfaatkan sepenuhnya perjanjian perdagangan bebas (FTA) sedia ada untuk meningkatkan eksport dan pelaburan;
- syer pasaran ASEAN (tidak termasuk Singapura) tidak berkembang seiring dengan kerancakan pertumbuhan rantau ini;
- kekurangan tenaga kerja mahir dan jurang kemahiran dalam industri utama menghalang pelaburan berkualiti dan nilai eksport yang tinggi; dan
- terlalu bergantung kepada tenaga buruh asing dan kekurangan motivasi untuk melaksanakan automasi yang lebih meluas dan menaik taraf teknologi.

Inisiatif bagi Mempromosikan Eksport

Sektor luar negara adalah penting kepada pertumbuhan ekonomi dan persekitaran perdagangan global yang dinamik serta berdaya saing, maka pengeksport Malaysia perlu meneroka aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi agar kekal relevan dan berdaya saing. Tambahan pula, pasaran tempatan adalah kecil, justeru penglibatan industri untuk menembusi pasaran luar negara tidak dapat dielakkan bagi menjana pendapatan serta meningkatkan nilai pulangan pelaburan mereka.

Kerajaan terus menyokong komuniti perniagaan untuk merencanakan prestasi eksport melalui beberapa inisiatif termasuk:

- Menyediakan pinjaman/geran kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) seperti Skim Pinjaman Mudah bagi Automasi dan Pemodenan (SLSAM), Dana Strategik Pelaburan Domestik (DISF) dan Dana Perolehan Teknologi (TAF) untuk beralih ke arah aktiviti perindustrian bernilai ditambah tinggi melalui penggunaan teknologi asing, menerima pensijilan antarabangsa, dan menaik taraf jentera dan kelengkapan. PKS juga dibantu di bawah Geran Pembangunan Pasaran (MDG) untuk menjalankan aktiviti promosi eksport tertentu;
- Mewujudkan program pembangunan syarikat peringkat pertengahan (*mid-tier companies* - MTC) pada Januari 2014, bagi memacu MTC berpotensi untuk berkembang dalam pasaran baharu. Kira-kira 10,000 MTC memperoleh pendapatan tahunan antara RM50 juta hingga RM500 juta bagi sektor pembuatan dan antara RM20 juta hingga RM500 juta bagi sektor lain. MTC dianggar menyumbang 30% kepada KDNK dan menggaji hampir 22% tenaga kerja;
- Memperkenalkan "Program *Going Export* (GoEx)" di bawah Pelan Induk PKS (2012 – 2020) untuk memudahkan syarikat bersedia untuk mengeksport atau berpotensi bagi menembusi pasaran atau menjual produk baharu. PKS yang dikenal pasti akan diberi nasihat dan bantuan pemasaran yang khusus untuk menambahbaik prestasi eksport. Program ini bertujuan meningkatkan sumbangan eksport PKS kepada KDNK daripada 19% pada masa kini kepada 25% menjelang 2020;
- Menubuhkan *Food and Agro Council for Export* (FACE) dalam inisiatif Bajet 2014 bertujuan meningkatkan eksport pertanian tempatan dan mengukuhkan peranan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam mempromosi konsep "dari ladang ke pasaran eksport". Peranan FACE adalah untuk menyelia aktiviti promosi dan pemasaran produk tempatan bagi meningkatkan eksport dan pendapatan perladangan serta menggalakkan aktiviti R&D untuk meningkatkan kualiti produk pertanian. Sebagai contoh, pelancaran agrobazaar di Singapura baru-baru ini telah menyediakan platform kekal kepada PKS dan pengeluar makanan untuk mempromosi produk pertanian premium di pasaran antarabangsa;
- Menjadikan ASEAN sebagai platform untuk meluaskan integrasi ekonomi serantau, menggalakkan hubungan dagang yang erat untuk akses rangkaian pengeluaran serantau dan global dan menarik pelaburan berkualiti untuk meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan. Terdapat lebih daripada 97% produk akan didagangkan secara bebas cukai pada 2015, tertakluk kepada

peraturan negara asal dan semua cukai akan dihapuskan pada 2018. Sempena pelancaran Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2015, Malaysia telah menawarkan visa kemasukan berganda bertempoh lima tahun untuk memudahkan pergerakan ahli perniagaan, pelabur dan pengurus dana dari ASEAN, China dan India;

- Fokus kepada mudah cara perdagangan untuk mempercepat dan menambahbaik produktiviti dan prestasi perdagangan melalui penyusunan semula prosedur serta memudahkan proses dokumentasi secara elektronik dan automasi. Di peringkat serantau, ASEAN *Single Window* akan dilaksanakan pada 2015 bagi mempercepatkan pelepasan kastam, mengurangkan masa transaksi, dan menjimatkan kos. Sistem ini memerlukan penyerahan dan penyelarasan pemprosesan data dan maklumat melalui gerbang tunggal dan membuat satu keputusan pelepasan kargo oleh kastam;
- Mengambil bahagian secara aktif dalam FTA untuk memperluas peluang perdagangan dan pelaburan bagi syarikat Malaysia serta membina kapasiti dalam bidang khusus melalui kerjasama teknikal. Sehingga kini, Malaysia telah menandatangani 13 perjanjian perdagangan bebas dua hala dan serantau yang meliputi rakan dagangan utama manakala lima masih dalam peringkat rundingan;
- Membantu syarikat melalui Perbadanan Pembangunan Halal (HDC) untuk meneroka pasaran halal di peringkat global yang dijangka berkembang pesat pada USD2.3 trilion. Pada 2013, eksport bagi produk halal Malaysia berjumlah RM32.8 bilion, dengan pasaran utama ialah China, Singapura, AS, Indonesia dan Jepun. Fiesta Halal (Halfest) 2014 yang diadakan pada awal bulan September menunjukkan kemampuan industri tempatan dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan halal;
- Menangani kekurangan kemahiran dalam industri dengan menggalakkan kerjasama erat antara universiti dan institut latihan teknikal dengan industri. Kerjasama ini memerlukan penilaian semula kandungan kursus secara kerap, memperkenalkan program perintis, latihan praktikal dan penempatan yang berstruktur, serta meningkatkan kemahiran secara berterusan dalam firma dan industri;
- Melaksanakan program jangkauan, latihan dan kesedaran secara menyeluruh mengenai peluang eksport dan pelaburan, menyediakan khidmat nasihat dan teknikal kepada komuniti perniagaan serta pengeksport dan pelabur beraspirasi melalui pelbagai agensi Kerajaan termasuk Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan HDC; dan
- Memperkenalkan kadar sifar bagi eksport barangan dan perkhidmatan di bawah cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan pada April 2015 untuk lebih berdaya saing.

Strategi untuk Merancakkan Pertumbuhan Eksport

Eksport merupakan penyumbang utama pertumbuhan ekonomi. Menyedari persekitaran luar yang mencabar dan daya saing yang sengit daripada ekonomi membangun berkembang pesat yang lain, Malaysia bagaimanapun dapat mengekalkan kelebihan sedia ada sebagai negara perdagangan untuk terus memacu prestasi eksport. Maklum balas daripada mesyuarat *Focus Group* dengan sektor swasta dan ahli akademik menunjukkan beberapa bidang yang boleh diterokai atau strategi sedia ada diperkukuh seperti berikut:

- **Mengukuhkan ekosistem dasar perdagangan dan pelaburan sedia ada yang terbuka dan liberal.** Satu rejim kawal selia yang jelas, menyeluruh dan boleh dipercayai akan meningkatkan keyakinan dalam kalangan komuniti perniagaan dan pelabur berpotensi;

- **Memberi keutamaan dan insentif kepada pelaburan berorientasikan eksport yang dikenal pasti untuk mempercepat nilai ditambah domestik dan menaik taraf teknologi serta mengintegrasikan rangkaian pengeluaran global.** Satu pendekatan terpilih boleh digunakan untuk mensasarkan pelaburan baharu yang menggunakan robotik, kecerdasan buatan (*artificial intelligence - AI*), percetakan 3D dan pembuatan lain bernilai tinggi dan maju. Peluang perniagaan juga meliputi bidang ICT, produk berkaitan hijau; alat perubatan dan perkhidmatan penjagaan kesihatan; E-Mobiliti dan produk berfokus kepada bahan kimia, automotif, aeroangkasa, pertahanan dan keselamatan;
- **Mengkaji semula dan menambah baik insentif fiskal dan bukan fiskal untuk menarik pelaburan berkualiti dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan yang bernilai tinggi.** Faktor seperti kestabilan politik; kepelbagaian bahasa dan budaya; persekitaran perniagaan kondusif; keselamatan awam; infrastruktur fizikal yang baik; sekolah antarabangsa dan penjagaan kesihatan moden adalah penting;
- **Mempercepat pelaksanaan pelan tindakan meningkatkan pengantarabangsaan sektor perkhidmatan.** Langkah ini dapat dilaksanakan melalui pengurangan jurang pembiayaan; membina keupayaan merentasi spektrum penyedia perkhidmatan yang meluas; mewujudkan perkongsian dengan syarikat yang lebih besar untuk meningkatkan daya saing dan produktiviti; serta meningkatkan keberkesanan program sedia ada termasuk latihan dan bantuan. Industri pelancongan merupakan bidang eksport perkhidmatan yang paling berjaya dan boleh dipertingkatkan melalui pengukuhan promosi pasaran sedia ada di samping mengambil usaha khusus yang intensif dan disasarkan untuk menarik kehadiran pelancong baharu. Pelancong lebih menggemari produk pelancongan khusus berbanding produk tarikan umum. Misalnya, Malaysia berada dalam kedudukan teratas sebagai destinasi percutian *Muslim-friendly* kerana dianggap selamat serta mudah mendapatkan makanan dan perkhidmatan yang halal;
- **Meningkatkan eksport perkhidmatan dengan memanfaatkan kedudukan Cyberjaya sebagai hab ICT untuk menjadi sebahagian daripada industri teknologi global.** Cyberjaya mampu menarik pelaburan dalam bidang ICT yang maju dan canggih serta penyertaan tenaga kerja berkualiti tinggi dengan tarikan insentif sedia ada. Bidang yang diberi tumpuan termasuk keselamatan maklumat, kandungan kreatif, internet mudah alih, pengkomputeran awan dan analitik data besar. Potensi eksport juga boleh diterokai dalam bidang teknologi hijau dan bioteknologi;
- **Mempercepatkan program pembangunan vendor (VDP) seliaan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) untuk membolehkan PKS menembusi pasaran antarabangsa melalui syarikat tempatan dan multinasional yang besar dalam bidang seperti O&G, utiliti, automotif dan telekomunikasi.** Hubungan lebih erat dengan syarikat ini membolehkan PKS membina keupayaan dan daya saing untuk menjadi pengeluar dan pembekal komponen dan perkhidmatan berkualiti kepada pasaran tempatan dan global;
- **Membina nama yang kukuh dalam pasaran halal yang menguntungkan.** Perkara ini boleh dilaksanakan melalui kepelbagaian eksport barangan dan perkhidmatan halal; membina kepakaran sebagai pusat rujukan global dan tumpuan utama bagi perkhidmatan sokongan profesional; serta menarik pelabur asing menjadikan Malaysia sebagai platform untuk mengakses pasaran antarabangsa. Manakala penggalakan pemilikan sijil halal dapat meningkatkan kredibiliti dalam perniagaan, memperkukuh peluang perniagaan dalam rantai bekalan melalui pengembangan kapasiti taman dan logistik halal seterusnya mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan;
- **Mengkaji semula dan memodenkan insentif sedia ada bagi pengeluar tempatan yang ingin meningkatkan produktiviti dan daya saing serta menceburi bidang perniagaan khusus (melalui R&D&C; inovasi, latihan lanjutan).** Misalnya, projek memperluas rangkaian landasan di Malaysia telah memberi peluang untuk cemerlang dalam bidang MRO dan E&E bagi perkhidmatan rel di rantau ini;

- Meningkatkan penembusan jalur lebar dan menaik taraf komunikasi serta infrastruktur fizikal dan kemudahan di pelabuhan, lapangan terbang, stesen keretapi dan pintu masuk dan keluar lain bagi memperluas keupayaan dan meningkatkan produktiviti (contohnya kesesakan lalu lintas dan keadaan jalan raya yang teruk);
- Merancang pembangunan di luar Lembah Klang dan koridor pertumbuhan dengan memanfaatkan kelebihan sedia ada bagi menggalakkan aktiviti nilai ditambah hiliran dan merangsang nilai eksport yang lebih tinggi seperti minyak sawit dan koko;
- Meneruskan agenda yang lebih berwawasan memandangkan Malaysia akan mempengerusikan **ASEAN 2015**. Isu yang akan dibincangkan termasuk mengurangkan sekatan bukan tarif (NTB); memudahkan pengiktirafan pembekal perkhidmatan profesional yang lebih luas (sehingga kini tujuh pengiktirafan telah ditandatangani); mempromosi perdagangan perkhidmatan berkualiti dalam kalangan industri perkhidmatan yang berdaya saing; dan meningkatkan kerjasama dalam perlindungan pengguna, hak harta intelek (IPR) dan dasar persaingan. Usaha juga perlu digandakan untuk mengintegrasikan PKS dalam rantai nilai serantau dan global; dan
- Memanfaatkan peluang urbanisasi pesat di China dengan pertumbuhan dan kemewahan masyarakat kelas pertengahan. Model pertumbuhan China yang lebih mampan boleh menjejaskan harga komoditi namun ia dapat diimbangi dengan pemasaran barangan dan perkhidmatan penggunaan yang berkualiti seperti pendidikan; penjagaan kesihatan dan bekalan perubatan; sisa dan rawatan air; spa dan kesihatan; produk halal dan organik; serta bahan binaan dan kelengkapan dalaman.

Kesimpulan

Malaysia perlu mempercepat penyertaannya ke dalam rantai bekalan global untuk kekal kompetitif dan melonjakkan pertumbuhan eksport. Pelaburan yang berkualiti dalam bidang pertumbuhan sasaran adalah penting untuk menjana aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi. Tambahan pula, penerimaan rejim perdagangan dan pelaburan berpandangan jauh, memanfaatkan FTA sedia ada untuk mengintegrasikan dalam rangkaian pengeluaran global, meningkatkan keupayaan secara berterusan, serta mensasarkan perkhidmatan teknikal dan bantuan nasihat akan mengubah struktur dan meningkatkan prestasi eksport.

Rujukan

World Bank (2014), *"Boosting Trade Competitiveness"*, *Malaysia Economic Monitor*, (Jun 2014).
 Laporan Ekonomi Kementerian Kewangan – pelbagai tahun.
 Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia – pelbagai tahun.
 Yeah, Kim Leng (2014), *"Accelerating Exports"*, Pembentangan di Majlis Konsultasi Bajet 2015, Kementerian Kewangan Malaysia, (26 Mei 2014).
 Laporan Kementerian Perdagangan dan Industri 2013.
 MIDA (2014), Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia, (28 Februari 2014).
 Economist Intelligence Unit (2014), *"FTAs in South-east Asia: Towards the next generation."*

ke China, India, Singapura dan Australia. *Produk besi dan keluli* mencatat peningkatan mendadak sebanyak 28.2% (Januari – Julai 2013: -28.4%) dengan penghantaran lebih tinggi bagi tiub, paip dan kelengkapannya daripada besi dan keluli ke Norway, Thailand dan Indonesia. Eksport produk *galian bukan logam* juga kembali pulih sebanyak 4.5% (Januari – Julai 2013: -9.9%), terutamanya disumbangkan oleh bahan berkaitan pembinaan seperti kapur, simen, tanah liat dan bahan binaan pasang siap.

Eksport *produk getah* menguncup 7.2% (Januari – Julai 2013: -6.5%), terutamanya disebabkan oleh eksport sarung tangan getah dan barang perkilangan getah yang lebih perlahan. Hasil eksport sarung tangan getah merosot 1.7% (Januari – Julai 2013: 0.4%) terutamanya disebabkan oleh jualan sarung tangan getah perubatan yang lebih rendah ke Jerman, UK dan Brazil manakala eksport sarung tangan getah surgikal kekal stabil sebanyak 2.4%. Purata harga jualan sarung tangan getah yang lebih rendah serta persaingan sengit terutama dari China telah mempengaruhi hasil eksport. Penguncupan ketara eksport barang perkilangan getah sebanyak 28%, sebahagian besarnya disebabkan oleh pengurangan penghantaran ke China, AS dan Australia. Walau bagaimanapun, eksport barangan getah kekal kukuh sebanyak 16.1% (Januari – Julai 2013: -2.5%).

Barangan makanan telah mencatat hasil eksport yang lebih tinggi sebanyak 15.7% (Januari – Julai 2013: 6%), dengan eksport ke ASEAN meningkat mendadak sebanyak 7.3%. Pertumbuhan ini terutamanya didorong oleh permintaan yang semakin meningkat bagi produk keluaran dan sediaan makanan (18.5%) serta koko dan penyediaan koko (17.7%). Eksport *minuman dan tembakau* juga kekal kukuh sebanyak 8.4% (Januari – Julai 2013: 6.9%), disokong oleh peningkatan eksport produk minuman ke Singapura, Indonesia, Thailand dan Viet Nam manakala produk tembakau ke Taiwan, Thailand dan Viet Nam.

Penghantaran *produk kayu* kembali pulih sebanyak 4.7% (Januari – Julai 2013: -5.9%) terutamanya didorong oleh pertumbuhan eksport yang lebih kukuh bagi perabot kayu sebanyak 13.4% ke AS, Jepun dan Australia. Eksport perabot bilik tidur, khususnya telah meningkat 21.6% dan kerusi berbingkai kayu sebanyak 15.2%, berikutan permintaan yang lebih tinggi. Sebaliknya, venir dan papan lapis merosot secara marginal sebanyak 2.7% disebabkan oleh hasil eksport yang lebih perlahan dari ROK, Taiwan dan Filipina, meskipun permintaan papan lapis adalah menggalakkan pada awal 2014, dirangsang oleh aktiviti perumahan baharu di Jepun.

Eksport *tekstil, pakaian dan kasut* meningkat mendadak sebanyak 18.7% (Januari – Julai 2013: 2.3%) dengan tekstil berkembang 14.1% serta pakaian dan kelengkapan pakaian sebanyak 28%. Turki merupakan pasaran eksport utama, meliputi 10.3% daripada jumlah eksport bagi produk tekstil seperti benang tekstil dan tenunan, diikuti oleh China (8.7%), ROK (7.9%) dan Jepun (7.6%). Manakala, segmen pakaian dan kelengkapan pakaian, khususnya pakaian lelaki telah meningkat 19.8%, dipacu oleh permintaan global yang lebih kukuh, terutama dari AS, Singapura dan Belgium.

Penghantaran *kelengkapan pengangkutan* menokok 11.3% (Januari – Julai 2013: 4.8%) disokong terutamanya oleh eksport yang lebih tinggi bagi pesawat udara dan kelengkapannya (14.8%) serta kapal, bot dan struktur terapung (25%) ke AS, Jepun dan Thailand. Hasil eksport *barang kemas* merosot 15.7% (Januari – Julai 2013: 6.6%), sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan eksport barang kemas daripada emas, perak dan platinum sebanyak 14% serta barang logam berharga sebanyak 40.1% ke Emiriah Arab Bersatu (UAE), Singapura dan Thailand. Penguncupan ketara, terutamanya dalam tempoh suku kedua 2014 sejajar dengan pengurangan permintaan pelaburan emas global.

Eksport Komoditi

Eksport melonjak dengan ketara

Pendapatan eksport komoditi meningkat semula 8.8% kepada RM100.9 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -10.3%; RM92.7 bilion) terutamanya disebabkan oleh pendapatan eksport yang lebih tinggi bagi minyak sawit, minyak mentah dan LNG. Pendapatan eksport barangan pertanian meningkat 3.7% kepada RM40 bilion (Januari – Julai 2013: -18.3%; RM38.6 bilion) didorong oleh penghantaran minyak sawit dan barangan pertanian lain. Sementara itu, pendapatan eksport perlombongan pulih sebanyak 12.5% kepada RM60.9 bilion (Januari – Julai 2013: -3.5%; RM54.1 bilion) terutamanya disebabkan oleh peningkatan kukuh dalam eksport minyak mentah dan LNG.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, pendapatan eksport **minyak sawit** meningkat semula sebanyak 4.9% kepada RM25.8 bilion (Januari – Julai 2013: -21.9%; RM24.6 bilion) disebabkan oleh harga eksport yang lebih tinggi pada purata RM2,703 setan metrik (Januari – Julai 2013: RM2,456 setan metrik). Sementara itu, penghantaran minyak sawit merosot 4.7% kepada 9.5 juta tan metrik (Januari – Julai 2013: 2.8%; 10 juta tan metrik) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah, terutamanya dari China. Sebagai langkah mengurangkan inventori yang tinggi yang disebabkan oleh output yang kukuh, Kerajaan telah memberi pengecualian cukai eksport CPO bagi bulan September dan Oktober 2014. Langkah ini dijangka akan melonjak eksport dan harga CPO dalam tempoh terdekat.

Jumlah eksport **getah** menguncup 4.1% kepada 0.4 juta tan metrik dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 4%; 0.5 juta tan metrik) disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah, terutamanya dari China dan AS. China kekal sebagai pengimport terbesar getah, dengan sumbangan sebanyak 50% daripada jumlah eksport getah. Harga eksport yang

JADUAL 3.17

Eksport Komoditi Utama Januari – Julai


	2013	2014	Perubahan (%)	
			2013	2014
Eksport komoditi (RM juta)	92,678	100,873	-10.3	8.8
Eksport pertanian (RM juta)	38,587	40,023	-18.3	3.7
Minyak sawit¹				
Kuantiti ('000 tan metrik)	10,003	9,536	2.8	-4.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,456	2,703	-24.0	10.1
Nilai (RM juta)	24,567	25,779	-21.9	4.9
Minyak isirung kelapa sawit				
Kuantiti ('000 tan metrik)	671	568	31.2	-15.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,757	4,127	-35.7	43.6
Nilai (RM juta)	1,850	2,344	-15.6	26.7
Kayu balak				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,747	1,848	2.9	5.8
Nilai seunit (RM/meter padu)	581	652	4.7	12.2
Nilai (RM juta)	1,014	1,205	7.8	18.7
Kayu gergaji				
Kuantiti ('000 meter padu)	1,156	1,090	-3.3	-5.7
Nilai seunit (RM/meter padu)	1,250	1,366	6.5	9.3
Nilai (RM juta)	1,444	1,488	2.8	3.1
Getah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	460	441	4.0	-4.1
Nilai seunit (RM/kilogram)	8.76	6.87	-20.9	-21.6
Nilai (RM juta)	4,024	3,031	-17.8	-24.7
Lada				
Kuantiti ('000 tan metrik)	6	8	9.9	27.0
Nilai seunit (RM/tan metrik)	22,008	27,922	-7.4	26.9
Nilai (RM juta)	134	214	2.3	59.7
Koko				
Kuantiti ('000 tan metrik)	21	59	-30.1	174.7
Nilai seunit (RM/tan metrik)	7,871	9,950	-3.2	26.4
Nilai (RM juta)	168	583	-32.3	247.0
Eksport perlombongan (RM juta)	54,091	60,850	-3.5	12.5
Petroleum mentah				
Kuantiti ('000 tan metrik)	6,599	7,179	-5.0	8.8
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,608	2,793	1.7	7.1
Nilai (RM juta)	17,208	20,055	-10.4	16.5
Gas asli cecair				
Kuantiti ('000 tan metrik)	14,499	14,434	10.6	-0.4
Nilai seunit (RM/tan metrik)	2,295	2,563	-5.9	11.7
Nilai (RM juta)	33,269	36,996	4.0	11.2
Tin				
Kuantiti ('000 tan metrik)	18.9	18.8	-23.4	-0.9
Nilai seunit (RM/tan metrik)	68,692	74,094	3.7	7.9
Nilai (RM juta)	1,300	1,390	-20.6	6.9

¹ Termasuk minyak sawit mentah, minyak sawit yang diproses dan stearin.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.15

Eksport Komoditi Utama



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia dan Lembaga Getah Malaysia.

lebih rendah, pada purata RM6.87 sekilogram (Januari – Julai 2013: RM8.76 sekilogram), mengakibatkan penurunan dalam pendapatan getah kepada RM3 bilion (Januari – Julai 2013: RM4 bilion).

Pendapatan eksport **petroleum mentah** meningkat berikutan permintaan serantau yang lebih tinggi. Jumlah eksport pulih sebanyak 8.8% kepada 7.2 juta tan metrik (Januari – Julai 2013: -5%, 6.6 juta tan metrik), manakala harga eksport lebih tinggi pada RM2,793 setan metrik (Januari – Julai 2013: RM2,608 setan metrik). Hasilnya, perolehan eksport meningkat 16.5% kepada RM20.1 bilion (Januari – Julai 2013: -10.4%; RM17.2 bilion). Sementara itu, dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, pendapatan eksport **LNG** meningkat ketara sebanyak 11.2% kepada RM37 bilion (Januari – Julai 2013: 4%; RM33.3 bilion) walaupun terdapat penurunan sebanyak 0.4% dalam jumlah eksport kepada 14.4 juta tan metrik (Januari – Julai 2013: 10.6%; 14.5 juta tan metrik). Peningkatan ini adalah kerana purata harga eksport meningkat 11.7% kepada RM2,563 setan metrik (Januari – Julai 2013: -5.9%; RM2,295 setan metrik).

Prestasi import

Perkembangan import yang berterusan

Import kasar berkembang 5.8% kepada RM392.8 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 4.7%; RM371.1 bilion) terutamanya dipacu oleh permintaan kukuh bagi barangan pengantara dan penggunaan. Walau bagaimanapun, import barangan modal kekal tinggi.

Import **barangan pengantara** yang menyumbang 58.5% kepada jumlah import, meningkat 3.4% kepada RM229.6 bilion (Januari – Julai 2013: 1.9%; RM222.1 bilion) disokong oleh aktiviti pembuatan dan pelaburan yang kukuh. Paling ketara, import alat ganti dan aksesori, terutamanya untuk kegunaan subsektor E&E dan kelengkapan

JADUAL 3.18

Import Barangan mengikut Penggunaan Akhir Januari – Julai

	RM juta		Perubahan (%)		Bahagian (%)	
	2013	2014	2013	2014	2013	2014
Barangan modal	56,604	55,447	4.3	-2.0	15.3	14.1
Barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan)	45,878	45,845	2.4	-0.1	12.4	11.7
Kelengkapan pengangkutan (perusahaan)	10,725	9,603	13.5	-10.5	2.9	2.4
Barangan pengantara	222,129	229,630	1.9	3.4	59.9	58.5
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk industri	10,097	10,335	-19.7	2.4	2.7	2.6
Bahan api dan pelincir, utama, diproses dan lain-lain	27,823	34,423	2.3	23.7	7.5	8.8
Bekalan perindustrian, t.d.t.l. ¹ utama dan diproses	101,012	97,768	8.0	-3.2	27.2	24.9
Alat ganti dan aksesori kelengkapan pengangkutan	10,057	11,743	7.1	16.8	2.7	3.0
Alat ganti dan aksesori barangan modal (kecuali injap dan tiub termionik)	21,052	16,451	-5.7	-21.9	5.7	4.2
Injap dan tiub termionik	52,087	58,910	-1.5	13.1	14.0	15.0
Barangan penggunaan	27,077	29,157	8.9	7.7	7.3	7.4
Makanan dan minuman, utama dan diproses, khusus untuk penggunaan isi rumah	11,552	12,433	6.2	7.6	3.1	3.2
Alat kelengkapan pengangkutan (bukan perusahaan)	735	658	29.3	-10.6	0.2	0.2
Barangan pengguna lain	14,789	16,066	10.3	8.6	4.0	4.1
Barang tahan lama	3,658	4,305	14.4	17.7	1.0	1.1
Barang separa tahan lama	4,591	4,479	15.2	-2.4	1.2	1.1
Barang tidak tahan lama	6,539	7,282	5.2	11.4	1.8	1.9
Lain-lain (termasuk barang dwiguna)	19,068	18,418	-8.5	-3.4	5.1	4.7
Import untuk eksport semula	46,223	60,148	25.9	30.1	12.5	15.3
Jumlah	371,102	392,799	4.7	5.8	100.0	100.0

¹ Tidak disenarai di tempat lain.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

pengangkutan kembali pulih sebanyak 4.7% (Januari – Julai 2013: -1.6%). Sementara itu, import bahan api dan pelincir melonjak 23.7% (Januari – Julai 2013: 2.3%) berikutan permintaan dalam subsektor kelengkapan pengangkutan domestik yang kukuh. Selain itu, import makanan dan minuman kembali pulih dengan mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 2.4% (Januari – Julai 2013: -19.7%) disokong oleh aktiviti penggunaan yang teguh berikutan perayaan utama dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi

dalam tempoh tersebut. Antara input utama yang diimport oleh industri adalah biji koko, susu dan krim (pekat), gula atau bit gula; serta gandum dan meslin. Sebaliknya, import bekalan perindustrian seperti emas, getah asli dan baja mineral atau kimia menguncup 3.2% (Januari – Julai 2013: 8%).

Sementara itu, import **barangan modal**, merangkumi 14.1% daripada jumlah import, menyusut secara marginal kepada RM55.4

bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM56.6 bilion) disebabkan oleh import barangan besar yang lebih rendah seperti pesawat udara, kenderaan dan kapal pelayaran berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, beberapa item dalam subsektor ini mencatat pertumbuhan positif seperti traktor, bot tunda dan kapal penolak. Begitu juga, import barangan modal (kecuali alat kelengkapan pengangkutan) seperti peranti kristal cecair (LCD), telefon bimbit, transformer elektrik, mesin dan peralatan mekanikal kekal kukuh.

Penggunaan swasta kekal kukuh disokong oleh pertumbuhan pendapatan dan keadaan pekerjaan yang stabil serta perbelanjaan pelancong yang lebih tinggi dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Oleh itu, import **barangan penggunaan** berkembang 7.7% kepada RM29.2 bilion (Januari – Julai 2013: 8.9%; RM27.1 bilion) disokong oleh permintaan yang lebih tinggi bagi makanan dan minuman yang diproses (7.6%) terutamanya daging dan makanan tambahan. Pembelian yang lebih tinggi bagi barangan tahan lama (17.7%) dan barangan pengguna tidak tahan lama (11.4%), khususnya, barang kemas, jam tangan, peralatan ortopedik, penyaman udara, ubat-ubatan dan produk penjagaan kecantikan turut menyumbang kepada pertumbuhan import.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, import untuk **eksport semula** mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 30.1% kepada RM60.1 bilion (Januari – Julai 2013: 25.9%; RM46.2 bilion) disokong oleh eksport semula yang lebih tinggi bagi produk petroleum bertapis, E&E, tiub, paip dan profil berongga serta logam seperti tembaga ditapis dan nikel. Import barangan untuk eksport semula merangkumi 15.3% daripada jumlah import (Januari – Julai 2013: 12.5%) dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat seiring dengan inisiatif untuk membangunkan Malaysia sebagai penyimpan minyak dan hab perdagangan serantau. Pada 2014, import kasar dijangka meningkat lebih perlahan sebanyak 4.3% (2013: 7%), disokong oleh permintaan daripada aktiviti ekonomi domestik dan serantau yang terus

berkembang seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia yang lebih baik.

Haluan Perdagangan

Imbangan dagangan meningkat ketara


Jumlah perdagangan Malaysia berkembang 8.4% kepada RM834.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: 0.7%; RM769.6 bilion), disokong oleh permintaan luar yang bertambah baik, harga komoditi yang stabil, pemulihan kitaran semikonduktor serta permintaan domestik dan serantau yang berdaya tahan. Dengan hasil eksport melebihi pertumbuhan import, lebihan dagangan meningkat kepada RM48.5 bilion (Januari – Julai 2013: RM27.4 bilion).

Meskipun rakan dagangan utama Malaysia kekal iaitu China (14%), Singapura (13.6%), Jepun (9.6%) dan AS (8%) telah menyumbang 45.3% kepada jumlah perdagangan. Walau bagaimanapun, usaha telah digiatkan untuk terus mengukuhkan hubungan perdagangan dengan pasaran bukan tradisional seperti UAE, Arab Saudi, Mexico, Bangladesh, Mesir dan Afrika Selatan. Pada masa ini, eksport ke pasaran ini termasuk barangan perhiasan, minyak sawit, produk E&E, serta jentera, perkakasan dan peralatan. Dari segi perdagangan serantau, sumbangan ASEAN (tidak termasuk Singapura) kekal ketara iaitu 13.6% kepada jumlah perdagangan manakala EU sebanyak 9.8%.

Perdagangan dengan **China**, rakan dagangan terbesar, berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 5.9% kepada RM117 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014, (Januari – Julai 2013: 6.4%; RM110.5 bilion) walaupun eksport kembali pulih dengan ketara. Import dari China meningkat sederhana sebanyak 6.3%, walaupun nilainya kekal tinggi pada RM64.4 bilion (Januari – Julai 2013: 15.2%; RM60.6 bilion). Produk utama yang diimport dari China terdiri daripada produk E&E, jentera, perkakasan dan peralatan, produk kimia dan bahan kimia dan keluaran logam.

CARTA 3.16

Haluan Perdagangan Luar Negeri Januari – Julai 2014 (% bahagian)



¹ Tidak termasuk Singapura.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Meskipun terdapat kebimbangan pertumbuhan ekonomi China yang lebih perlahan, eksport ke China kembali pulih dengan pertumbuhan kukuh sebanyak 5.4% kepada RM52.6 bilion (Januari – Julai 2013: -2.7%; RM49.9 bilion) disokong oleh permintaan yang tinggi bagi produk E&E, produk petroleum, keluaran logam dan LNG. Eksport peranti semikonduktor merangkumi 70% daripada eksport E&E ke China. Sementara itu, eksport minyak sawit merosot 5.5%, kimia dan produk kimia (-13.6%), getah asli (-17.6%) dan produk getah (-29%). Defisit dagangan dengan China terus meningkat kepada RM11.8 bilion (Januari – Julai 2013: -RM10.7 bilion) berikutan pertumbuhan import yang berterusan melebihi eksport.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, perdagangan Malaysia dengan **Singapura** terus meningkat sebanyak 7.9% kepada RM113.5 bilion, mencatat lebih dagangan yang lebih tinggi RM12 bilion (Januari – Julai 2013: 2.5%;

RM105.1 bilion; RM10.4 bilion). Eksport ke Singapura berkembang 8.6% kepada RM62.8 bilion (Januari – Julai 2013: 4.7%; RM57.8 bilion) manakala import meningkat kepada RM50.7 bilion. Sebahagian besar eksport ke Singapura terdiri daripada barangan pembuatan terutamanya produk E&E yang mana 66% daripadanya adalah semikonduktor dan produk petroleum. Barangan lain adalah jentera, perkakasan dan peralatan serta kimia dan produk kimia. Sementara itu, barangan utama yang diimport dari Singapura adalah petroleum bertapis dan produk E&E.

Eksport ke **Jepun** kembali pulih sebanyak 4% kepada RM48.1 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: -7.2%; RM46.3 bilion) meskipun perbelanjaan pengguna dan output pembuatan yang perlahan berikutan kenaikan cukai jualan daripada 5% kepada 8% berkuat kuasa pada April 2014. Sebaliknya, import menguncup perlahan sebanyak 0.8% kepada RM32.1 bilion

(Januari – Julai 2013: -12.6%; RM32.4 bilion). Oleh itu, perdagangan dengan Jepun kembali positif sebanyak 2% kepada RM80.3 bilion (Januari – Julai 2013: -9.5%; RM78.7 bilion), dengan lebih dagangan meningkat kepada RM16 bilion (Januari – Julai 2013: RM13.9 bilion). Malaysia terus menikmati imbalan dagangan positif dengan Jepun. Peningkatan eksport terutamanya dipacu oleh permintaan LNG yang lebih tinggi, merangkumi 50.3% daripada jumlah eksport diikuti oleh E&E, terutamanya semikonduktor (40.5%), kimia dan bahan kimia, keluaran kayu dan barangan optik dan saintifik. Import dari Jepun terdiri daripada barangan pembuatan seperti E&E, jentera, perkakasan dan peralatan, kelengkapan pengangkutan dan produk besi dan keluli.

Eksport ke **AS** kembali pulih sebanyak 8.3% kepada RM36.2 bilion berikutan pemulihan meluas ekonomi AS yang dipacu oleh peningkatan perbelanjaan isi rumah dan pelaburan, manakala import meningkat kepada RM30.6 bilion (Januari – Julai 2013: -5%; RM33.4 bilion; RM28.7 bilion). Dengan eksport mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi daripada import, Malaysia mencatat lebih dagangan yang lebih tinggi sebanyak RM5.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 (Januari – Julai 2013: RM4.7 bilion). Sebagaimana Jepun, Malaysia terus menikmati imbalan dagangan positif dengan AS. Eksport barangan pembuatan meningkat selari dengan momentum pemulihan ekonomi dan aktiviti pembuatan yang kukuh di AS. Selain itu, sebagai sebahagian daripada rangkaian pengeluaran E&E global, Malaysia turut mendapat manfaat daripada pertumbuhan jualan semikonduktor sedunia yang kukuh. Dalam tempoh tersebut, peralatan semikonduktor merangkumi 30.6% daripada jumlah eksport E&E ke AS. Eksport barangan utama lain termasuk kimia dan bahan kimia, optik dan barangan saintifik, tekstil, pakaian dan kasut, serta produk kayu.

Perdagangan dengan **ASEAN (tidak termasuk Singapura)**, rakan dagangan serantau yang paling penting, terus berkembang 4.3% kepada RM113.3 bilion (Januari – Julai 2013: 1.9%;

RM108.6 bilion) dengan semua negara anggota mencatat pertumbuhan positif kecuali Viet Nam. Lebih dagangan meningkat kepada RM8 bilion (Januari – Julai 2013: RM5.2 bilion) disokong oleh eksport yang lebih kukuh pada kadar 6.5% mengatasi import. Malaysia merekod lebih dagangan dengan semua negara anggota kecuali Thailand dan Viet Nam. Perdagangan dengan Thailand, rakan dagangan terbesar dalam ASEAN (tidak termasuk Singapura), meningkat 3.4% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014. Seiring dengan aktiviti ekonomi yang lebih perlahan, eksport ke Thailand kekal sederhana, mencatat pertumbuhan kecil sebanyak 0.5% manakala import berkembang 6.5% menyumbang kepada defisit dagangan sebanyak RM134 juta (Januari – Julai 2013: 2.3%; 2.8%; RM1.2 bilion). Produk perdagangan utama dengan Thailand termasuk E&E, kimia dan produk kimia, kelengkapan pengangkutan serta jentera, perkakasan dan peralatan. Sementara itu, dagangan dengan Viet Nam kekal defisit berikutan import yang kekal tinggi pada RM9 bilion, walaupun pertumbuhan perlahan dalam produk import utama seperti E&E, petroleum mentah dan getah asli. Eksport turut mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 9.5% kepada RM7.7 bilion dengan produk eksport utama ke Viet Nam termasuk E&E, minyak sawit serta kimia dan produk kimia.

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, jumlah perdagangan dengan **EU** meningkat 7.2% kepada RM81.6 bilion (Januari – Julai 2013: 2.9%; RM76.1 bilion) disokong oleh pemulihan kukuh dalam eksport manakala import kekal stabil. Walaupun pemulihan yang rapuh di seluruh rantau ini, hasil eksport mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 15.9% kepada RM41.5 bilion manakala import kekal pada RM40.1 bilion. Jerman adalah rakan dagangan utama Malaysia dalam EU, dengan jumlah perdagangan berkembang 6.1%, diikuti oleh Belanda (19.4%) dan Perancis (3.5%). Peningkatan eksport dicerminkan oleh penghantaran yang lebih tinggi bagi produk E&E, minyak sawit, barangan optik dan saintifik serta kimia dan bahan kimia. Eksport E&E merangkumi 47.2% daripada jumlah eksport yang mana 39.9% adalah semikonduktor. Oleh kerana Malaysia

telah mendapat status negara berpendapatan pertengahan atasan berkuat kuasa 1 Januari 2014, pengeksporth tempatan tidak lagi mendapat manfaat daripada Sistem Keutamaan Am (GSP) dengan EU. Oleh itu, Malaysia perlu bersaing dengan negara maju untuk memasuki pasaran EU. Walaupun tarif keistimewaan telah tamat, pengeksporth domestik yang kompetitif dan mesra persekitaran dijangka meraih pulangan daripada perdagangan dengan EU.

Imbangan Pembayaran

Lebih akaun semasa yang kukuh

Imbangan pembayaran (BOP) dijangka kekal menggalakkan pada 2014, dengan akaun semasa mencatat lebihan bagi 17 tahun berturut-turut dipacu oleh pengembangan berterusan aktiviti

ekonomi domestik dan global serta permintaan serantau yang berdaya tahan dan pemulihan kukuh dalam jualan semikonduktor. Oleh itu, lebihan yang semakin tinggi dalam akaun barangan dan perkhidmatan dijangka dapat mengimbangi defisit yang berterusan dalam akaun pendapatan primer dan sekunder. Prestasi yang menggalakkan ini menyumbang kepada lebihan **akaun semasa** yang lebih besar iaitu RM53.9 bilion atau 5.1% daripada PNK pada 2014 (2013: RM39.9 bilion; 4.2%).

Dalam tempoh separuh pertama 2014, lebihan akaun semasa meningkat kepada RM35.8 bilion atau 7.1% daripada PNK (Januari – Jun 2013: RM15 bilion; 3.3%), namun momentum pertumbuhan ekonomi dijangka sederhana dalam tempoh separuh kedua tahun ini. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh harga komoditi yang lebih rendah dan kesan asas yang tinggi dalam tempoh yang sama pada 2013. Sementara

JADUAL 3.19

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (BOP)¹ 2014 – 2015 (RM juta)

	2014 ²			2015 ³		
	Penerimaan	Pembayaran	Bersih	Penerimaan	Pembayaran	Bersih
Imbangan barangan dan perkhidmatan	849,489	748,684	100,805	883,152	786,510	96,642
Barangan	713,474	600,031	113,443	741,540	631,761	109,779
Perkhidmatan	136,015	148,653	-12,638	141,612	154,749	-13,137
Pengangkutan	15,141	47,406	-32,265	16,925	49,434	-32,509
Perjalanan	76,334	40,296	36,039	78,243	42,075	36,168
Perkhidmatan lain	44,539	60,951	-16,412	46,445	63,240	-16,796
Pendapatan primer	58,048	86,686	-28,638	63,724	91,423	-27,700
Pampasan pekerja	4,729	8,804	-4,075	5,077	9,413	-4,336
Pendapatan pelaburan	53,319	77,882	-24,563	58,646	82,010	-23,364
Pendapatan sekunder	9,153	27,428	-18,275	9,659	29,552	-19,893
Imbangan akaun semasa	916,690	862,798	53,892	956,534	907,485	49,049
(% daripada PNK)			5.1			4.3

¹ Berdasarkan BPM6.

² Anggaran.

³ Unjuran.

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

itu, akaun kewangan dijangka terus menerima aliran dua hala disokong oleh aliran masuk FDI dan dana portfolio seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang kukuh. Aliran pelaburan keluar dijangka kukuh berikutan pengembangan syarikat Malaysia yang berterusan dan membiayai operasi di luar negeri dipacu oleh pelabur residen yang ingin mempelbagaikan aset portfolio di luar negeri.

Pada 2014, lebihan **akaun barangan dan perkhidmatan** dijangka berkembang kepada RM100.8 bilion (2013: +RM91.5 bilion) seiring dengan permintaan luar yang lebih tinggi bagi produk pembuatan dan komoditi serta permintaan domestik dan serantau yang kukuh. Lebihan ini akan terus disokong oleh perbelanjaan pelancong yang meningkat, meskipun akaun pengangkutan mencatat aliran keluar bersih sejajar dengan aktiviti perdagangan yang lebih baik. **Akaun perkhidmatan** dijangka mencatat defisit yang lebih rendah sebanyak RM12.6 bilion (2013: -RM16.7 bilion).

Aliran masuk bersih **akaun perjalanan** dijangka mencatat lebihan yang lebih tinggi sebanyak RM36 bilion pada 2014 (2013: +RM29.4 bilion) sempena TMM 2014. Promosi yang agresif dan pakej pelancongan yang menarik dijangka menarik 28 juta pelancong dan menjana pendapatan sebanyak RM76 bilion. Meskipun berlaku beberapa insiden yang tidak diinginkan dalam tempoh separuh pertama tahun ini, terimaan kasar meningkat 10.2% kepada RM36.5 bilion (January – June 2013: 13.7%; RM33.1 bilion). Bagi keseluruhan tahun, terimaan perjalanan merupakan penyumbang terbesar pendapatan akaun perkhidmatan dan diunjur berkembang 12.7% kepada RM76.3 bilion (2013: 8.3%; RM67.7 bilion). Selain TMM 2014, usaha berterusan mempromosi Malaysia sebagai hab kesihatan, pendidikan serta pameran dan konvensyen perniagaan antarabangsa terus memberi kesan positif kepada terimaan perjalanan. Aliran keluar kasar termasuk bayaran untuk perniagaan, percutian, pendidikan, penjagaan kesihatan dan juga ibadah haji, dijangka meningkat 5.2% kepada RM40.3 bilion (2013:

1.5%; RM38.3 bilion). Perkembangan ini menunjukkan lebih ramai rakyat Malaysia mampu ke luar negeri disokong oleh peningkatan pendapatan dan tambang perjalanan udara yang lebih murah.

Sejajar dengan aktiviti perdagangan dan pelaburan yang lebih tinggi, bayaran kasar bagi perkhidmatan pengangkutan dijangka meningkat 5.4% kepada RM47.4 bilion (2013: 7.7%; RM45 bilion) terutamanya disebabkan oleh kebergantungan Malaysia kepada perkhidmatan fret asing. Oleh itu, defisit **akaun pengangkutan** dijangka melebar kepada RM32.3 bilion (2013: -RM30.3 bilion) sebahagian besar disebabkan oleh bayaran pengangkutan kepada syarikat perkapalan asing. Walau bagaimanapun, terimaan kasar juga dijangka meningkat 3.1% kepada RM15.1 bilion (2013: 6.8%; RM14.7 bilion) disokong oleh pendapatan yang lebih baik daripada pelbagai perkhidmatan, termasuk caj pendaratan dan parkir pesawat, bayaran pelabuhan serta perkhidmatan penyimpanan dan pengendalian kargo yang disediakan oleh syarikat pengangkutan domestik. Pertumbuhan kukuh import aktiviti eksport semula bagi produk petroleum bertapis dan logam terutamanya di Selatan Johor dan Pelabuhan Klang akan menyumbang kepada terimaan kasar melalui bayaran perkhidmatan penyimpanan, pergudangan dan kepakaran lain yang berkaitan aktiviti eksport semula. Segmen ini dijangka berkembang pesat seiring dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi hab penyimpanan minyak dan perdagangan serantau. Segmen penumpang udara kekal rancak disokong oleh pengembangan kapasiti kemudahan lapangan terbang, rangkaian hubungan yang lebih baik, peningkatan kekerapan penerbangan dan tambang kompetitif serta pelancaran destinasi baharu dijangka merangsang pertumbuhan pendapatan pengangkutan.

Akaun perkhidmatan lain dijangka terus mencatat defisit sebanyak RM16.4 bilion (2013: -RM15.8 bilion) memandangkan Malaysia terus bergantung kepada kepakaran teknikal, perniagaan dan profesional asing. Bayaran perkhidmatan kepakaran pembinaan, royalti dan fi lesen

bagi menggunakan hak harta intelek (IPR) dan perkhidmatan berkaitan perniagaan seperti kewangan, insurans, sewaan dan telekomunikasi dijangka turut menyumbang kepada aliran keluar kasar.

Dengan jangkaan pendapatan korporat yang lebih baik berikutan aktiviti ekonomi domestik yang kukuh, pendapatan pelaburan terakru kepada MNC yang beroperasi di Malaysia dijangka meningkat pada kadar 6.2% kepada RM77.9 bilion (2013: 3%; RM73.4 bilion) menyumbang kepada peningkatan aliran keluar kasar. Begitu juga dengan pendapatan pelaburan portfolio terakru kepada pelabur asing dijangka meningkat sejajar dengan prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih baik. Sebaliknya, syarikat Malaysia berupaya meraih dividen, keuntungan dan faedah yang lebih tinggi daripada pelaburan di luar negeri, dengan itu aliran keluar bersih *akaun pendapatan pelaburan* dijangka bertambah baik sebanyak RM24.6 bilion pada 2014 (2013: -RM30.3 bilion). Sektor O&G, kewangan dan insurans, telekomunikasi dan pembinaan merupakan antara bidang yang dijangka menyumbang keuntungan dan peluang perniagaan yang lebih baik kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri disokong oleh pertumbuhan serantau yang kukuh. Bagi keseluruhan tahun, terimaan kasar dijangka meningkat 23.8% kepada RM53.3 bilion (2013: 12.5%; RM43.1 bilion).

Komponen lain dalam akaun pendapatan primer iaitu *pampasan pekerja* termasuk upah, gaji dan faedah lain yang diterima oleh residen yang bekerja di luar negeri atau yang dibayar kepada bukan residen yang bekerja di Malaysia. Defisit akaun ini dijangka meningkat lebih perlahan kepada RM4.1 bilion (2013: -RM3.8 bilion) disebabkan negara terus bergantung kepada kepakaran teknikal dan profesional asing dalam pelbagai bidang seperti perlombongan, pembinaan, kewangan, pendidikan dan perniagaan profesional yang lain. Sejak kebelakangan ini, aliran masuk kasar daripada residen yang bekerja di luar negeri menunjukkan trend peningkatan dan dijangka stabil seterusnya akan mengurangkan defisit.

Oleh itu, *akaun pendapatan primer* dijangka mencatat defisit yang lebih kecil iaitu RM28.6 bilion pada tahun ini (2013: -RM34.1 bilion).

Aliran bersih akaun pendapatan sekunder menunjukkan penghantaran balik oleh pekerja asing di Malaysia dan kiriman wang oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri. Pelaksanaan Dasar Gaji Minimum sepenuhnya pada Januari 2014, seiring dengan peningkatan pendapatan boleh guna dijangka menyumbang kepada peningkatan aliran keluar kasar sebanyak 9.3% kepada RM27.4 bilion (2013: -0.2%; RM25.1 bilion). Aliran keluar yang lebih tinggi mencerminkan permintaan bagi pekerja asing dalam sektor tertentu berikutan aktiviti ekonomi yang lebih rancak. Aliran masuk kasar dijangka berkembang pada kadar dua angka sebanyak 20.7% kepada RM9.2 bilion (2013: 13.9%; RM7.6 bilion) disebabkan oleh kiriman wang yang lebih tinggi oleh rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri. Defisit *akaun pendapatan sekunder* dijangka terus meningkat kepada RM18.3 bilion pada tahun ini (2013: -RM17.5 bilion) berikutan aliran keluar yang lebih tinggi mengatasi kiriman wang daripada rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri.

Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang sangat terbuka akan terus mengalami aliran dua hala yang melibatkan urusan niaga kewangan merentas sempadan antara pemastautin dan bukan pemastautin dalam akaun kewangan. Dalam tempoh separuh pertama 2014, *akaun kewangan* mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM49.3 bilion (Januari – Jun 2013: +RM5.6 bilion) disebabkan oleh aliran keluar yang besar dalam pelaburan langsung, pelaburan portfolio dan pelaburan lain seperti pemberian kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia yang berterusan dan penempatan deposit di luar negeri. Dalam tempoh yang sama, Malaysia terus menarik *aliran masuk pelaburan langsung* berjumlah RM18 bilion (Januari – Jun 2014: RM16.1 bilion) disokong oleh pemberian modal ekuiti yang lebih tinggi kepada anak syarikat asing di Malaysia dan pendapatan tertahan untuk pelaburan semula. Sektor yang mendapat

manfaat daripada aliran masuk bersih adalah sektor perkhidmatan, khususnya subsektor kewangan dan insurans serta sektor perlombongan.

Aliran pelaburan keluar dijangka kukuh berikutan syarikat Malaysia terus berkembang dan mempelbagaikan perniagaan mereka di luar negeri terutamanya dalam sektor perlombongan, pembuatan, perkhidmatan, pertanian perladangan dan pembinaan. Walau bagaimanapun, Malaysia dijangka mendapat manfaat dalam bentuk keuntungan, dividen dan faedah yang dihantar balik oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri. Dalam tempoh separuh pertama 2014, *pelaburan di luar negeri* mencatat aliran keluar yang lebih tinggi berjumlah RM37 bilion (Januari – Jun 2013: -RM27.1 bilion) disebabkan oleh peningkatan pemberian pinjaman antara syarikat dan modal ekuiti kepada anak syarikat Malaysia di luar negeri. Pelaburan di luar negeri lebih bertumpu dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan, khususnya dalam subsektor insurans dan kewangan serta maklumat dan komunikasi.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, *pelaburan portfolio* mencatat aliran keluar bersih berjumlah RM6.5 bilion (Januari – Jun 2013: +RM7.2 bilion) dipengaruhi oleh gabungan faktor seperti kebimbangan mengenai komitmen US Federal Reserve dalam dasar kewangan akomodatif; ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah dan prospek pertumbuhan China yang lebih perlahan. Dalam tempoh yang sama, pelabur pemastautin terus memperoleh aset portfolio di luar negeri dengan jangkaan pulangan yang lebih baik bagi sekuriti ekuiti dan hutang. Aliran masuk portfolio bukan pemastautin juga kembali kukuh dalam tempoh suku kedua berikutan prospek pertumbuhan ekonomi yang lebih baik bagi negara maju seperti AS dan UK serta jangkaan kenaikan OPR oleh BNM.


Pelaburan lain mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM22.6 bilion dalam tempoh separuh pertama tahun ini (Januari – Jun 2013: +RM10.6 bilion) berikutan pertumbuhan eksport yang kukuh menunjukkan pengeksport

Malaysia menyediakan kemudahan kredit yang lebih tinggi kepada pengimport asing. Aliran keluar juga disebabkan oleh penempatan deposit di luar negeri oleh sektor perbankan melebihi penempatan deposit dalam negeri oleh institusi kewangan asing. Walau bagaimanapun, aliran masuk bersih dalam sektor perbankan domestik mencerminkan keyakinan pelabur terhadap asas makroekonomi Malaysia yang kukuh. Pada 2014, pelaburan lain dijangka mengekalkan aliran keluar bersih terutamanya disebabkan oleh pemberian kredit perdagangan yang lebih tinggi kepada pengimport asing, penempatan deposit di luar negeri oleh sektor perbankan dan pembayaran balik pinjaman bersih luar negeri oleh sektor awam.

Kedudukan **rizab antarabangsa** Malaysia kekal kukuh pada RM422.3 bilion atau USD131.5 bilion pada 15 September 2014, disokong oleh

CARTA 3.17

Rizab Antarabangsa



¹ Pada 15 September 2014.

Sumber: Bank Negara Malaysia.

lebih akaun semasa yang berterusan meskipun aliran keluar modal bersih. Paras rizab ini mencukupi untuk membiayai 8.9 bulan import tertanggung dan 3.2 kali hutang luar negeri jangka pendek (definisi sebelum ini). Walau bagaimanapun, di bawah definisi semula hutang luar negeri, paras rizab adalah mencukupi untuk membiayai 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Harga

Inflasi yang lebih tinggi

Inflasi keseluruhan yang diukur oleh peratus perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) mencatat purata sebanyak 3.3% dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 berbanding 1.7% tempoh yang sama pada tahun lepas. Peningkatan ini disebabkan oleh kesan pelarasan harga bahan api petrol, tarif elektrik, gula dan rokok sejak September 2013. Kumpulan utama yang menyumbang terhadap

kenaikan keseluruhan IHP ialah **makanan dan minuman bukan alkohol; pengangkutan; serta perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain**, yang menyumbang 2.7 mata peratusan kepada peningkatan IHP.

Inflasi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol meningkat 3.6% dan menyumbang kenaikan 1.2 mata peratusan (Januari – Ogos 2013: 3.4%; 1 mata peratusan). Kenaikan ini terutamanya disebabkan oleh harga kategori **makanan di rumah** yang lebih tinggi, iaitu 3.5%. Subkumpulan makanan mencatat peningkatan harga paling tinggi ialah *daging* (4.2%) serta *ikan dan makanan laut* (5.6%). Peningkatan ini sebahagiannya disebabkan oleh gangguan bekalan yang berpunca daripada keadaan cuaca yang buruk dalam tempoh suku pertama ditambah dengan permintaan yang tinggi semasa musim perayaan dan cuti sekolah.

Harga kumpulan **perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain**, komponen kedua

JADUAL 3.20


Indeks Harga Pengguna (IHP) Januari – Ogos (2010 = 100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHP (%)	
		2013	2014	2013	2014
Makanan dan minuman bukan alkohol	30.3	3.4	3.6	56.7	34.5
Minuman alkohol dan tembakau	2.2	2.8	13.1	3.3	8.6
Pakaian dan kasut	3.4	-0.6	-0.2	4.5	-0.1
Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	1.6	3.4	19.5	22.6
Hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah	4.1	1.6	1.2	5.1	1.4
Kesihatan	1.3	2.0	2.6	1.4	1.0
Pengangkutan	14.9	0.6	5.4	4.1	24.1
Komunikasi	5.7	-0.7	-0.6	-2.2	-1.1
Perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan	4.6	-0.1	1.8	-0.4	2.4
Pendidikan	1.4	2.3	2.4	1.7	1.0
Restoran dan hotel	3.2	2.3	4.7	3.9	4.7
Pelbagai barangan dan perkhidmatan	6.3	0.7	0.4	2.4	0.9
Jumlah	100.0	1.7	3.3	100.0	100.0


Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

CARTA 3.18

IHP di Malaysia (% perubahan tahunan)





Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.



CARTA 3.19

Trend IHP dan IHPR (% perubahan tahunan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

terbesar dalam kumpulan IHP meningkat 3.4% (Januari – Ogos 2013: 1.6%). Peningkatan ini disebabkan oleh harga yang lebih tinggi untuk *elektrik* (6.4%) berikutan kenaikan tarif elektrik berkuat kuasa 1 Januari 2014, serta kenaikan *sewa sebenar yang dibayar oleh penyewa* (3.2%). Sementara itu, harga kumpulan **minuman alkohol dan tembakau** mencatat peningkatan ketara sebanyak 13.1% (Januari – Ogos 2013: 2.8%) berikutan kenaikan 14% duti eksais rokok pada 1 Oktober 2013.

Kadar inflasi yang lebih tinggi juga disumbangkan oleh peningkatan harga ketara kumpulan **pengangkutan** sebanyak 5.4% (Januari – Ogos 2013: 0.6%) disebabkan oleh harga lebih tinggi kumpulan *bahan api dan pelincir untuk peralatan pengangkutan persendirian* (8.4%) serta *pembaikan dan penyelenggaraan untuk pengangkutan persendirian* (5%). Sebaliknya, harga kumpulan **pakaian dan kasut** merosot 0.2% dan **komunikasi** sebanyak 0.6% (Januari – Ogos 2013: -0.6%; -0.7%) berikutan persaingan pasaran yang kukuh.

IHP kawasan **bandar** meningkat 3.4% dan **luar bandar** sebanyak 3.1%, (Januari – Ogos 2013: 1.8%; 1.5%). Kenaikan harga kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol serta pengangkutan merupakan penyumbang utama kepada kenaikan IHP bagi kedua-dua kawasan ini. Sementara itu, dari segi pendapatan, IHP **kumpulan isi rumah berpendapatan kurang daripada RM3,000** meningkat 3.4%, **kurang daripada RM1,500** sebanyak 3.3% dan **kurang daripada RM1,000** sebanyak 3.1% (Januari – Ogos 2013: 1.9%; 2%; 2.1%), terutamanya disebabkan oleh harga lebih tinggi dalam kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol; perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain serta pengangkutan.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) iaitu pengukur bagi perubahan harga komoditi yang dikenakan oleh pengeluar domestik dan yang dibayar oleh pengimport, meningkat 2.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama 2014 berbanding penurunan 3.7% dalam tempoh yang sama tahun lepas. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh kesan asas dan peningkatan harga dalam

JADUAL 3.21

Indeks Harga Pengeluar (IHPR)
Januari – Julai
 (2005 = 100)

	Wajaran	Perubahan (%)		Sumbangan kepada pertumbuhan IHPR (%)	
		2013	2014	2013	2014
Ekonomi domestik	100.0	-3.7	2.9	100.0	100.0
Makanan	5.4	2.6	3.7	-4.1	7.9
Minuman dan tembakau	0.9	1.2	4.0	-0.2	1.1
Bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan	5.4	-18.3	3.2	38.7	7.2
Bahan api galian, pelincir, dll.	17.4	-3.5	5.4	22.4	42.6
Minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran	4.2	-22.8	16.1	37.0	26.4
Bahan kimia	7.0	-0.6	2.8	1.1	6.4
Barang-barang keluaran kilang	10.9	-0.3	0.9	0.7	3.1
Jentera dan kelengkapan pengangkutan	42.9	-0.4	0.3	3.7	4.2
Pelbagai barang keluaran kilang	5.4	0.0	0.7	0.0	1.1
Pelbagai urus niaga dan barangan	0.5	-1.4	-1.4	0.2	-0.2
Pengeluaran tempatan	66.4	-4.7	3.8	90.7	91.8
Import	33.6	-1.1	0.8	9.3	8.2

Nota: Angka tidak semestinya terjumlah disebabkan penggenapan.
 Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Mengurus kos sara hidup yang semakin meningkat

Pengenalan

Malaysia telah mencapai banyak kemajuan yang ketara dalam usaha menuju sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020, dengan sasaran Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita sebanyak USD15,000 atau RM48,000. Hasil daripada pelaksanaan kedua-dua Program Transformasi Kerajaan dan Ekonomi sejak tahun 2010, PNK per kapita telah mencecah paras RM32,144 pada akhir 2013, dan kini berada pada landasan yang betul untuk mencapai paras yang disasarkan.

Lazimnya pertumbuhan ekonomi dan pendapatan yang lebih tinggi boleh membawa kedudukan taraf hidup yang lebih baik. Namun begitu, kebanyakan golongan isi rumah masih bimbang akan kemampuan mereka dalam menangani kos sara hidup berikutan perbelanjaan yang perlu ditanggung untuk membeli barangan dan perkhidmatan yang diperlukan bagi mengekalkan taraf hidup tertentu. Malahan, dari masa ke masa, harga kebanyakan barangan dan perkhidmatan semakin meningkat. Keadaan ini memberi tekanan ke atas kos sara hidup, yang seterusnya, perlu membelanjakan wang yang lebih banyak untuk mengekalkan taraf kehidupan sedia ada. Secara umumnya, kos sara hidup pengguna bergantung kepada harga kebanyakan barangan dan perkhidmatan yang mereka guna dan bahagian bagi setiap barangan atau perkhidmatan dalam bajet isi rumah.

Perbelanjaan Isi Rumah Kian Meningkat

Menurut Laporan Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah (HES)¹ oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang dijalankan pada tahun 2009/2010, purata bulanan perbelanjaan isi rumah telah meningkat 12.1% daripada RM1,953 dicatatkan pada 2004/2005 kepada RM2,190 pada 2009/2010. Jika dilihat pada tren perbelanjaan isi rumah daripada 1993/1994 hingga 2009/2010, pada keseluruhannya, purata bulanan perbelanjaan isi rumah meningkat sebanyak 88.6% daripada RM1,161 kepada RM2,190 dalam tempoh tersebut. Perbelanjaan bagi empat kumpulan utama di dalam bakul pengguna barangan dan perkhidmatan menunjukkan peningkatan ketara adalah, *Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* dengan 102%; *Pengangkutan*, 94.6%; *Restoran dan hotel*, 64.8%; serta *Makanan dan minuman bukan alkohol*, 60.9%.


Walau bagaimanapun, daripada 2004/2005 sehingga 2009/2010, komponen utama daripada purata bulanan perbelanjaan isi rumah merupakan *Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain* sebanyak 22.6% daripada jumlah perbelanjaan, meningkat sebanyak 15.1% kepada RM495 pada 2009/2010 dari RM430 dalam 2004/2005. Peningkatan ini diikuti dengan *Makanan dan minuman bukan alkohol* (20.3%), yang meningkat 13% kepada RM444 dari RM393; dan *Pengangkutan* (14.9%) yang meningkat 4.1% daripada RM314 kepada RM327.

Makanan merupakan komponen utama perbelanjaan isi rumah. Indeks harga makanan dari The Food and Agriculture Organisation of the United Nations (FAO) menunjukkan walaupun indeks telah menurun dari puncak 240.1 mata pada Februari 2011, indeks kekal tinggi sebanyak 216.6 mata secara puratanya bagi tempoh Mac 2011 hingga akhir 2013. Indeks yang tinggi ini memberi kesan ke atas harga makanan tempatan kerana Malaysia masih kekal sebagai pengimport bersih bagi makanan dengan defisit perdagangan yang semakin meningkat daripada RM10.2 bilion pada 2008 kepada RM16.8 bilion pada 2013. Peningkatan ini disokong oleh tren kenaikan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi kategori import makanan dan turut dicerminkan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP) bagi kategori makanan dan minuman.

¹ HES dijalankan setiap lima tahun dan kajian seterusnya sedang dijalankan pada tahun ini. Ianya dijangkakan bagi 2014, HES akan mencatat peningkatan dalam purata bulanan perbelanjaan isi rumah, yang semakin meningkat sejak 15 tahun yang lalu.

CARTA 1

Purata Perbelanjaan Isi Rumah mengikut Kumpulan Utama Barangan dan Perkhidmatan, Malaysia 1993/1994 – 2009/2010




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Kerajaan telah menyediakan subsidi bagi mengurangkan beban rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah dengan mengurangkan kos barangan dan perkhidmatan yang dibeli. Bantuan ini termasuk subsidi beras, produk petroleum, produk makanan serta subsidi kadar faedah yang dikenakan dan subsidi jalan bertol. Walau bagaimanapun, bantuan ini semakin membebankan kedudukan fiskal Kerajaan. Subsidi kekal sebagai komponen kedua terbesar dalam perbelanjaan mengurus Kerajaan selepas emolumen. Subsidi bahan api merupakan bahagian terbesar daripada jumlah subsidi yang diberikan dan jumlah ini meningkat apabila harga minyak global meningkat. Selaras dengan harga minyak global yang kekal tinggi, jumlah subsidi bahan api semakin meningkat. Dalam tempoh lima tahun, jumlah subsidi bahan api yang berjumlah RM6.2 bilion pada 2009 telah meningkat lebih empat kali ganda kepada RM27.4 bilion pada 2013. Peningkatan ini memberi impak ke atas kemampuan fiskal jangka panjang dan pertumbuhan ekonomi negara.


CARTA 2

Purata Bulanan Perbelanjaan Isi Rumah bagi Kumpulan Utama dalam Barangan dan Perkhidmatan, Malaysia 2009/2010



CARTA 3

Indeks Harga Makanan Global, Harga Minyak, IHP Makanan Malaysia dan IHR Import Malaysia Januari 2008 Jun 2014



Kesan Kepada Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Menurut Laporan Kaji Selidik Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2012 oleh DOSM, 38.8% daripada jumlah isi rumah memperoleh pendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Secara umumnya, isi rumah dalam kumpulan berpendapatan rendah ini membelanjakan lebih kurang satu pertiga daripada pendapatan mereka untuk makanan. Oleh itu, kumpulan ini lebih mudah terjejas dengan kenaikan harga makanan. Bagi tempoh tujuh bulan pertama tahun ini, penyumbang utama kepada peningkatan IHP adalah daripada kumpulan *Makanan dan minuman bukan alkohol; Pengangkutan; dan Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain*.

Walaupun terdapat pelbagai usaha Kerajaan untuk memastikan bahawa barangan dan perkhidmatan asas kekal mampu dibeli oleh rakyat, harga makanan dan bahan api adalah tertakluk kepada faktor di luar kawalan Kerajaan seperti perubahan cuaca, permintaan yang semakin meningkat serta gangguan bekalan. Kerajaan juga menyedari bahawa golongan berpendapatan rendah adalah yang paling mudah terdedah akibat kesan peningkatan kos sara hidup kerana kenaikan pendapatan mereka tidak sejajar dengan kadar kenaikan harga barangan dan perkhidmatan. Kerajaan telah menjadikan inisiatif Menangani Kos Sara Hidup di bawah Keberhasilan Utama Negara (NKRA Kos Sara Hidup) pada bulan Julai 2011, yang merupakan sebahagian daripada Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi menguruskan isu ini dengan berkesan. Matlamat NKRA Kos Sara Hidup adalah untuk melaksanakan langkah bagi membantu rakyat membeli barangan dan perkhidmatan asas yang mana harga meningkat secara mengejut dan cepat disebabkan oleh keadaan pasaran luar. Dalam hal ini, inisiatif yang dikenal pasti untuk membantu rakyat adalah termasuk pengagihan bantuan wang tunai kepada golongan sasaran dan pembekalan barangan dan perkhidmatan secara langsung.

Inisiatif Kerajaan

▪ Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)

BR1M bertujuan membantu meringankan beban isi rumah berpendapatan rendah melalui bantuan kewangan tahunan. Berikutan bantuan tunai pertama yang diberikan pada 2012, bantuan seterusnya diperluaskan secara progresif untuk meliputi perseorangan dan isi rumah berpendapatan pertengahan-rendah. Dalam pemberian bantuan wang tunai yang terkini, BR1M 3.0, Kerajaan juga telah memberi sumbangan sebanyak RM50 kepada Kumpulan Takaful Rakyat 1Malaysia (i-BR1M), untuk memberi perlindungan sehingga RM30,000 bagi setiap penerima BR1M sekiranya berlaku kematian atau kehilangan keupayaan kekal.

Jadual 1

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M)

	BR1M	BR1M 2.0	BR1M 3.0
Tarikh	April 2012	Feb 2013	Feb 2014
Kelayakan	≤RM3,000	≤RM2,000 (perseorangan) ≤RM3,000 (isi rumah)	≤RM2,000 (perseorangan) ≤RM3,000 (isi rumah) RM3,001 – RM4,000 (isi rumah)
Pemberian	• RM500 kepada isi rumah	• RM250 kepada perseorangan • RM500 kepada isi rumah	• RM300 kepada perseorangan (berpendapatan ≤RM2,000) • RM650 kepada isi rumah (berpendapatan ≤RM3,000) • RM450 kepada isi rumah (berpendapatan di antara RM3,001 – RM4,000) • RM50 sumbangan kepada Kumpulan Takaful Rakyat 1Malaysia (i-BR1M)

Sumber: Laporan Tahunan GTP 2013

- Program Bantuan Kembali Ke Sekolah

Program ini membantu pelajar membuat persediaan untuk tahun baharu persekolahan dengan bantuan tunai sebanyak RM100. Setiap pelajar Malaysia daripada darjah satu hingga tingkatan lima di sekolah awam dan swasta, yang berjumlah kira-kira 5.2 juta pelajar, menerima bantuan ini setiap tahun.

- Program Baucar Buku 1Malaysia (BB1M)

BB1M, yang sama dengan Program Bantuan Kembali ke Sekolah, membantu membiayai kos pendidikan untuk pelajar pengajian tinggi, dengan pemberian subsidi kos buku sekolah. Sebilangan 1.2 juta pelajar tingkatan enam, matrikulasi, kolej dan universiti daripada institusi awam dan swasta, menerima baucar buku bernilai RM200 pada 2012 dan RM250 pada 2013.

- Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M)

KR1M merupakan kedai serbaneka inisiatif Kerajaan yang menawarkan barangan keperluan asas seperti beras, minyak masak, susu tepung dan lampin pada harga lebih murah berbanding kedai runcit biasa. Secara umumnya, harga barangan 1Malaysia adalah sehingga 50% lebih murah daripada barangan setara di kedai konvensional. Sejak dilancarkan pada tahun 2011, kini terdapat 139 kedai KR1M.

- Menu Rakyat 1Malaysia (MR1M)

Program ini menawarkan sarapan pagi dan makan tengah hari pada harga yang berpatutan, iaitu RM2 dan RM4 di Semenanjung Malaysia serta RM2.50 dan RM5 di Sabah dan Sarawak. Sehingga kini, lebih 4,000 kedai makanan telah mengambil bahagian dalam program ini.

- Klinik 1Malaysia

Objektif klinik ini adalah untuk memberi rawatan asas secara cepat dengan harga yang berpatutan sebanyak RM1 bagi setiap lawatan, terutamanya di kawasan bandar yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi. Pesakit yang mendapatkan rawatan untuk penyakit ringan di klinik ini dapat mengurangkan kesesakan di hospital Kerajaan. Pada 2013, 70 klinik telah ditubuhkan, menjadikan jumlah bilangan klinik sebanyak 238, sejak program itu dilancarkan pada 2010.

- Meningkatkan Jaminan Bekalan Makanan

Kajian juga telah dijalankan untuk menganalisis permintaan dan bekalan bagi setiap kategori makanan serta menilai daya saing negara dalam mengeluarkan makanan berbanding negara lain. Peningkatan bekalan ini bertujuan untuk mengurangkan harga bahan mentah, terutamanya bagi barangan makanan yang diimport. Satu lagi faktor yang mempengaruhi harga runcit ialah bilangan orang tengah dalam rantai bekalan makanan. Sehubungan itu, Kerajaan telah menubuhkan beberapa kawasan runcit seperti Pasar Tani, Agrobazaar dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) untuk mengurangkan kos pengendalian dalam rantai bekalan makanan.

Inisiatif Lain

- Rebat bil elektrik

Pengguna domestik telah diberi rebat bulanan sebanyak RM20 bagi bil elektrik berjumlah RM20 dan ke bawah. Rebate tersebut yang diberikan sejak 1 Oktober 2008, adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk mengurangkan beban kewangan isi rumah berpendapatan rendah.

- Perumahan mampu milik

Salah satu keutamaan Kerajaan adalah untuk memastikan bahawa rakyat mempunyai akses kepada perumahan yang berkualiti dan mampu milik. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, harga rumah telah melambung tinggi, mencatat peningkatan 9.9% pada 2011, 11.8% pada 2012 dan 11.6% pada 2013, telah memberi kesan kepada kemampuan rakyat untuk membeli rumah.

Pada 2012, Kerajaan telah memperkenalkan program Rumah Mesra Rakyat untuk membantu golongan berpendapatan rendah yang memiliki tanah tetapi tidak mampu untuk membina rumah atau tinggal di rumah usang, supaya mendapat akses kepada perumahan yang sesuai. Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) telah ditugaskan untuk membina rumah berharga antara RM45,000 hingga RM60,000 seunit dan pembeli akan diberikan subsidi antara RM15,000 hingga RM 20,000 ke atas kos rumah dan juga subsidi sebanyak 2% ke atas kadar faedah bagi pinjaman daripada bank untuk membiayai pembelian rumah.

Selain itu, melalui Jabatan Perumahan Negara, Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dilancarkan pada 2002, terus menyediakan perumahan untuk golongan miskin dan berpendapatan rendah serta bagi menempatkan semula penduduk setinggan. Terdapat dua kategori rumah yang dibina, iaitu PPR Dimiliki (PPRM) dan PPR Disewa (PPRS). Rumah PPRM adalah dijual antara RM30,000 hingga RM35,000 seunit di Semenanjung Malaysia, dan RM40,500 seunit di Sabah dan Sarawak; manakala rumah PPRS disewakan pada RM124 sebulan.

Di bawah Bajet 2014, Kerajaan telah memperkenalkan Skim Pemilikan Persendirian Perumahan Mampu Milik (MyHome) dengan bantuan sektor swasta. Skim ini menyediakan subsidi sebanyak RM30,000 kepada pemaju swasta bagi setiap unit yang dibina. Di Semenanjung Malaysia, rumah bernilai RM80,000 seunit dijual pada harga RM50,000, manakala di Sabah dan Sarawak, rumah berharga RM90,000 dijual pada harga RM60,000 seunit.

- Dasar Gaji Minimum

Kerajaan juga telah melaksanakan Dasar Gaji Minimum pada 1 Januari 2013, sebahagiannya untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga mereka dipenuhi. Dasar ini menetapkan gaji minimum RM900 sebulan di Semenanjung Malaysia dan RM800 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan.

- Akta Kawalan Harga dan Anti-Pencatutan 2010 & Akta Persaingan 2010

Pelaksanaan kedua-dua Akta sedang diperkukuhkan untuk memastikan perniagaan tidak mengambil peluang untuk memanipulasi dan menaikkan harga untuk membuat keuntungan tinggi yang melampau, terutamanya apabila Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan pada bulan April 2015; dan supaya perniagaan tidak terlibat dalam amalan anti-persaingan dan berpakat untuk menaikkan harga.

Kesimpulan

Kerajaan sentiasa prihatin bahawa usaha mengurus kenaikan kos sara hidup dengan berkesan terus menjadi salah satu agenda utama memandangkan isu ini terus memberi impak kepada sebahagian besar rakyat. Kerajaan melalui Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri terus menangani isu ini secara menyeluruh dan bersepadu. Usaha ini termasuk menyelaras pelaksanaan dasar dan program oleh pelbagai kementerian dan agensi yang terlibat dalam mengurangkan beban rakyat.

Pada masa yang sama, rakyat perlu menjadi pengguna bijak dan membuat perubahan gaya hidup serta tabiat berbelanja supaya tidak terbeban dengan masalah hutang. Sehubungan itu, pengasingan perbelanjaan harian walau pun sedikit boleh memberi manfaat. Langkah ini termasuk penjimatan tenaga bagi pengurangan bil elektrik, penggunaan pengangkutan awam dan perancangan bajet setiap bulan untuk mengelakkan daripada membeli mengikut gerak hati yang boleh menyebabkan beban kewangan yang lebih besar pada masa hadapan.

komponen **pengeluaran tempatan** dan **import**. Kenaikan IHPR terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga dalam kumpulan *bahan api galian, pelincir dan lain-lain* (5.4%) serta *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran* (16.1%) menyumbang 2 mata peratusan kepada peningkatan IHPR.

IHPR **pengeluaran tempatan** mencakupi 66.4% daripada wajaran agregat IHPR, mencatat peningkatan sebanyak 3.8% (Januari – Julai 2013: -4.7%). Pertumbuhan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga dalam kumpulan *bahan api galian, pelincir dan lain-lain* (5.9%), menyumbang 1.7 mata peratusan, diikuti oleh kumpulan *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran* (16.7%) dengan 1.1 mata peratusan. Harga lebih tinggi juga dicatatkan pada semua **peringkat pemprosesan**, dengan *bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya* meningkat 7.5%, *bahan perantaraan, bekalan dan komponen* (3.8%) dan *barangan siap* (1.2%).

IHPR **import** mewakili baki 33.6% daripada jumlah IHPR, meningkat sederhana sebanyak 0.8% (Januari – Julai 2013: -1.1%). Perkembangan ini terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga dalam kumpulan *makanan* pada 3.9%, diikuti oleh *minyak galian, pelincir dan lain-lain* sebanyak 2.1%. Kedua-duanya menyumbang 0.2 mata peratusan setiap kumpulan terhadap kenaikan indeks.

Pasaran Buruh

Keadaan pasaran buruh yang positif

Keadaan pasaran buruh kekal stabil dalam tempoh separuh pertama 2014 didorong oleh prestasi kukuh sektor ekonomi utama. Dalam tempoh tersebut, jumlah *tenaga buruh* meningkat 3.5% kepada 13.9 juta orang (Januari – Jun 2013: 2.6%; 13.4 juta orang) disokong oleh kemasukan baharu tenaga buruh ke dalam pasaran buruh, sebahagian besarnya dalam kumpulan umur 30 – 34 tahun. Selari dengan prestasi ekonomi

yang kukuh, jumlah *guna tenaga* meningkat 3.6% kepada 13.5 juta (Januari – Jun 2013: 2.5%; 13 juta). Penyumbang terbesar guna tenaga ialah sektor perkhidmatan (59.4%), selaras dengan peranannya sebagai pemacu pertumbuhan dengan sumbangan 54.9% kepada KDNK. Sementara itu, sektor pembuatan menyumbang 16.4% kepada jumlah guna tenaga diikuti sektor pertanian (12.4%). Secara keseluruhan, ekonomi terus beroperasi dalam keadaan guna tenaga penuh dengan *kadar pengangguran* bertambah baik kepada 3% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 3.1%). Dalam keadaan ekonomi domestik berdaya tahan dan sektor luar bertambah baik, pasaran buruh dijangka kekal stabil pada 2014 dengan kadar pengangguran pada 3.1% (2013: 3.1%).

JADUAL 3.22

Penunjuk Pasaran Buruh Januari – Jun

	('000)		Perubahan (%)	
	2013	2014	2013	2014
Tenaga buruh	13,430.2	13,894.0	2.6	3.5
Guna tenaga	13,016.7	13,483.4	2.5	3.6
Pengangguran	413.5	410.7	3.1	3.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

Bilangan *penduduk umur bekerja* (15 – 64) dijangka meningkat 1.5% kepada 20.7 juta orang pada 2014 (2013: 1.6%; 20.3 juta orang), mewakili 68.7% daripada jumlah penduduk. *Nisbah tanggungan*⁵ dijangka bertambah baik kepada 45.7 pada 2014 (2013: 46) mencerminkan pengurangan bebanan penduduk umur bekerja untuk menjaga populasi muda dan tua. Pasaran buruh kekal menggalakkan dengan peningkatan *kadar penyertaan tenaga buruh* kepada 67.4% dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 66.2%). Kadar penyertaan lelaki menunjukkan penurunan sedikit kepada 80.4%, manakala kadar penyertaan wanita meningkat kepada 53.5% (Januari – Jun 2013: 80.6%; 50.7%),

⁵ Nisbah tanggungan ialah nisbah penduduk umur tidak bekerja kepada penduduk umur bekerja.

menunjukkan kejayaan langkah yang diambil Kerajaan sejak beberapa tahun untuk menarik lebih ramai penyertaan wanita ke dalam pasaran kerja.


Jumlah *kekosongan* pekerjaan yang dilaporkan oleh JobsMalaysia adalah sebanyak 757,031 dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 (Januari – Ogos 2013: 905,882). Sektor pembuatan merupakan penyumbang terbesar dengan 259,831 pekerjaan, diikuti sektor perkhidmatan (186,538), pertanian (162,994) dan pembinaan (145,686). Dari segi kumpulan pekerjaan, *pekerjaan asas*⁶ mencatat kekosongan tertinggi sebanyak 534,887, diikuti oleh operator loji dan mesin dan pemasang sebanyak 85,207 (Januari – Ogos 2013: 656,676; 79,086). Selain itu, sebanyak 21,672 kekosongan telah direkodkan untuk profesional, 13,079 untuk juruteknik dan profesional bersekutu serta 3,007 bagi pengurus (Januari – Ogos 2013: 24,115; 17,539; 5,807).

Bilangan *pekerja yang diberhentikan* berkurang 17.6% kepada 6,811 orang dalam tempoh lapan bulan pertama 2014 (Januari – Ogos 2013: 29.6%; 8,261). Pekerja yang diberhentikan terutamanya operator loji dan mesin dan pemasang (2,010); juruteknik dan profesional bersekutu (1,140); profesional (884) dan pengurus (835). Sektor pembuatan mencatat jumlah pemberhentian pekerja tertinggi iaitu 65% daripada jumlah pemberhentian pekerja keseluruhan, diikuti oleh sektor perkhidmatan (30.6%).

Dalam lapan bulan pertama 2014, bilangan *pencari kerja aktif* berkurang 1.4% kepada 401,827 dengan 104,779 merupakan pendaftar baharu (Januari – Ogos 2013: 20.4%; 407,626; 57,507). Daripada keseluruhan jumlah pencari kerja aktif, 62.3% adalah dalam kumpulan umur 20 – 24 diikuti oleh kumpulan umur 25 – 29 (15.9%) dan kumpulan umur 15 – 19 (11.4%). Kebanyakan pencari kerja aktif merupakan pemegang ijazah (34.2%) diikuti oleh pelajar lepasan SPM (26.9%) dan pemegang diploma (23.5%). Dari segi penempatan, sektor pembuatan mengambil 13,910 pencari

CARTA 3.20

Penunjuk Pasaran Kerja



¹ Januari – Ogos.

Sumber: Kementerian Sumber Manusia Malaysia.

kerja diikuti oleh perkhidmatan (8,824), pertanian (3,018), pembinaan (1,445) dan perlombongan (261) dalam tempoh lapan bulan pertama 2014.

Malaysia mencatat *pertumbuhan produktiviti*⁷ buruh sebanyak 2.3% kepada RM60,437 pada 2013 (2012: 2%; RM59,064) yang disumbangkan oleh prestasi kukuh sektor ekonomi utama, kemajuan teknologi dan peningkatan kualiti buruh. Produktiviti sektor pembuatan berkembang 5.4% kepada RM88,389 (2012: 4.5%; RM83,822) didorong oleh produktiviti lebih tinggi dalam subsektor peralatan pengangkutan, tekstil dan produk galian bukan logam. Tambahan pula, produktiviti sektor perkhidmatan terus meningkat 4.8% kepada RM63,753 (2012:

⁶ Pekerjaan asas menjalankan tugas yang mudah dan rutin yang biasanya memerlukan penggunaan perkakas tangan dan dalam beberapa kes memerlukan daya fizikal yang banyak. Kebanyakan pekerjaan dalam kumpulan utama ini memerlukan kemahiran pada tahap kemahiran yang pertama seperti pencuci, pembantu dan buruh.

⁷ Maklumat berdasarkan 'Productivity Report 2013/2014' oleh Malaysia Productivity Corporation (MPC).

JADUAL 3.23

Guna Tenaga mengikut Industri Januari – Jun

	('000)		Bahagian (%)	
	2013	2014	2013	2014
Pertanian, perhutanan dan perikanan	1,694.0	1,676.5	13.0	12.4
Perlombongan dan pengkuarian	81.6	77.7	0.6	0.6
Pembuatan	2,183.6	2,207.8	16.8	16.4
Bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara	51.4	63.8	0.4	0.5
Bekalan air; pembentungan, pengurusan sisa dan aktiviti pemulihan	82.6	81.1	0.6	0.6
Pembinaan	1,227.2	1,228.5	9.4	9.1
Perkhidmatan	7,517.7	8,002.8	57.8	59.4
Perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal	2,187.2	2,296.7	16.8	17.0
Pengangkutan dan penyimpanan	595.4	606.8	4.6	4.5
Penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman	1,012.3	1,109.3	7.8	8.2
Maklumat dan komunikasi	176.4	208.1	1.4	1.5
Aktiviti kewangan dan insurans/takaful	311.0	307.5	2.4	2.3
Aktiviti hartanah	67.3	74.7	0.5	0.6
Aktiviti profesional, saintifik dan teknikal	311.6	315.2	2.4	2.3
Aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan	531.1	633.8	4.1	4.7
Pentadbiran awam dan pertahanan; aktiviti keselamatan sosial wajib	778.9	756.4	6.0	5.6
Pendidikan	810.4	884.5	6.2	6.6
Aktiviti kesihatan kemanusiaan dan kerja sosial	463.3	518.5	3.6	3.8
Kesenian, hiburan dan rekreasi	84.9	92.7	0.7	0.7
Aktiviti perkhidmatan lain	187.9	198.6	1.4	1.5
Aktiviti isi rumah sebagai majikan	175.4	142.5	1.3	1.1
Aktiviti badan dan pertubuhan luar wilayah	3.1	2.9	0.0	0.0
Jumlah	13,016.7	13,483.4	100.0	100.0

Nota: Industri dikelaskan mengikut 'Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008'.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia.

1.8%; RM60,848), disebabkan penggunaan ICT yang lebih tinggi dalam meningkatkan output. Produktiviti buruh dijangka berkembang 2.7% pada 2014.

Laporan Penyiasatan Gaji dan Upah 2013 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan bahawa purata *upah* bulanan meningkat 7.1% kepada RM2,052 pada 2013 (2012: 5.6%; RM1,916). Gaji dan upah dalam sektor perlombongan dan

pengkuarian mencatat purata bulanan yang paling tinggi sebanyak RM3,663, diikuti oleh sektor bekalan elektrik, gas, wap dan pendingin udara (RM3,203) dan sektor perkhidmatan (RM2,254). Sebaliknya, sektor pertanian mencatat purata upah bulanan terendah iaitu RM1,054.

Dari segi kualiti tenaga kerja, tahap pendidikan dan kemahiran pekerja Malaysia telah meningkat dari masa ke masa. Bilangan guna tenaga

berpendidikan tertiar meningkat kepada 3.6 juta dalam tempoh separuh pertama 2014 (Januari – Jun 2013: 3.3 juta). Seperti negara membangun yang lain, Malaysia turut mengalami penghijrahan keluar bakat tersebut. Bagi menangani isu ini, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah mengambil beberapa inisiatif untuk memastikan adanya bakat mahir sejajar dengan keperluan transformasi ekonomi negara. Inisiatif ini termasuk *Returning Expert Programme* (REP) bertujuan untuk memudahcara kepulangan golongan profesional negara bagi menyumbang kepada ekonomi. Sehingga Julai 2014, sekitar 2,950 golongan profesional negara telah diluluskan di bawah inisiatif ini. TalentCorp juga menjalankan *Structured Internship Programme* (SIP) dan *Graduate Employability Management Scheme* (GEMS). SIP menawarkan potongan cukai dua kali kepada syarikat yang menanggung perbelanjaan pengambilan pelatih di bawah program ini, manakala GEMS pula bertujuan untuk melahirkan graduan berpengetahuan teknikal khusus untuk industri dan *soft skills* bagi keperluan di tempat kerja.

Dalam tempoh separuh pertama 2014, *pekerja asing*⁸ berdaftar di negara ini berjumlah 2 juta (Januari – Jun 2013: 2.1 juta). Penggajian pekerja asing sebahagian besarnya tertumpu dalam sektor pembuatan (722,750), pertanian (461,400) dan pembinaan (415,599). Berdasarkan negara asal, 40.4% daripada pekerja asing adalah dari Indonesia, diikuti Nepal (20.9%), Bangladesh (14.9%) dan Myanmar (7.2%). Dalam tempoh yang sama, jumlah wang yang dikirim oleh pekerja asing di Malaysia ke negara asal meningkat kepada RM13.3 bilion (Januari – Jun 2013: RM12.3 bilion), sebahagiannya disebabkan oleh pelaksanaan Dasar Gaji Minimum sepenuhnya.

Jumlah *ekspatriat* yang bekerja di Malaysia telah meningkat kepada 105,238 dalam tempoh separuh pertama 2014 daripada 81,911 pada 2013. Ekspatriat dari India kekal mencatat bilangan tertinggi sebanyak 19,038 orang

mewakili 18.1% daripada jumlah keseluruhan ekspatriat di Malaysia, diikuti oleh China (11.8%), Indonesia (7.8%) dan Filipina (7.7%). Kebanyakan ekspatriat bekerja dalam sektor perkhidmatan (45,516), ICT (18,605) dan pembuatan (11,045). Menyedari ekspatriat berkemahiran tinggi boleh menyumbang secara positif ke arah pembangunan ekonomi, usaha berterusan telah diambil untuk memudahkan kemasukan ekspatriat, termasuk penubuhan Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (ESD) di Jabatan Imigresen pada Jun 2014. ESD bertindak sebagai pusat sehati untuk meluluskan permit kerja dalam tempoh lima hari bekerja berbanding sebulan sebelum ini. Inisiatif ini merupakan usaha sama antara Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan TalentCorp.

Prospek 2015

Ekonomi Malaysia

Pertumbuhan ekonomi kekal pada trajektori yang stabil

Momentum pertumbuhan ekonomi pada tahun ini dijangka berterusan pada 2015 didorong oleh peningkatan permintaan luar dan aktiviti ekonomi domestik yang berdaya tahan. Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor swasta selaras dengan usaha Kerajaan mengukuhkan peranan sektor swasta dalam ekonomi. Dari sudut penawaran, semua sektor ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan positif pada 2015, dengan sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi. Permintaan domestik terus berkembang walaupun pada kadar sederhana dijangka menyumbang kepada peningkatan aktiviti berkaitan domestik. Sementara itu, industri berorientasikan eksport, terutamanya dalam subsektor E&E akan mendapat manfaat daripada peningkatan sektor luar selaras dengan pemulihan pertumbuhan global. Sektor pertanian dijangka berkembang hasil daripada peningkatan

⁸ Pekerja asing yang berdaftar di bawah Pas Lawatan Kerja Sementara yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia.

pengeluaran minyak sawit manakala sektor pembinaan dijangka mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi didorong oleh aktiviti yang kukuh dalam subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Sehubungan itu, ekonomi negara dijangka berkembang 5% hingga 6% pada 2015.

Walaupun pertumbuhan ekonomi global dijangka terus pulih pada kadar sederhana pada 2015, masih terdapat beberapa risiko yang mencabar. Risiko ini termasuk peningkatan ketegangan geopolitik di Eropah Timur dan Timur Tengah yang akan menyebabkan kenaikan harga minyak dan memperlambatkan pertumbuhan ekonomi global serta pertumbuhan yang lebih perlahan dalam ekonomi membangun yang berkembang pesat. Selain itu, risiko ketidakpastian disebabkan oleh normalisasi kadar faedah global serta penyelarasan polisi di negara maju juga boleh menyebabkan pengaliran keluar modal yang besar daripada ekonomi negara membangun yang berkembang pesat. Beberapa negara dalam kawasan euro terus dihipit oleh isu fiskal dan struktur yang boleh memberi kesan kepada fasa pemulihan Eropah.

Pada 2015, inflasi dijangka meningkat antara 4% hingga 5% terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan kesan limpahan pengurangan subsidi minyak berkuat kuasa Oktober 2014. Kos domestik kekal menjadi faktor utama yang mendorong inflasi pada 2015, memandangkan tekanan kos luar yang rendah. Pelaksanaan GST akan memberi impak sementara kepada kos barangan dan perkhidmatan. Walau bagaimanapun, pengembangan kapasiti yang kukuh sejak beberapa tahun lalu akan membantu mengurangkan tekanan kos, manakala sentimen pengguna yang lebih berhati-hati akan menyumbang kepada penyederhanaan permintaan dan mengelakkan peningkatan inflasi yang lebih ketara.

Permintaan domestik dijangka berkembang pada kadar sederhana disokong oleh pelaburan yang lebih tinggi dan perbelanjaan penggunaan yang

mampan. Pelaburan swasta dijangka kekal kukuh disokong oleh peningkatan aktiviti domestik dan sektor luar yang menggalakkan. Penggunaan swasta akan terus menyokong pertumbuhan meskipun berkembang lebih rendah daripada purata jangka panjang. Perbelanjaan isi rumah dijangka berkembang perlahan disebabkan inflasi yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan GST. Walau bagaimanapun, kesan inflasi yang lebih tinggi kepada penggunaan dijangka bersifat sementara dan akan berkurangan selepas beberapa bulan pelaksanaan GST. Tambahan pula, pendapatan eksport yang lebih tinggi dijangka meningkatkan pemerolehan perniagaan dan pendapatan isi rumah dan seterusnya mengurangkan kesan peningkatan inflasi kepada permintaan domestik. Sehubungan itu, PNK per kapita nominal dijangka berkembang 8.1% kepada RM37,486 (2014: 8.9%; RM34,682). Pendapatan per kapita dari segi PPP dijangka meningkat 2.4% kepada USD23,512 (2014: 2.2%: USD22,958).

Prospek Mengikut Sektor

Pertumbuhan positif semua sektor

Dari **sudut penawaran**, semua sektor ekonomi dijangka kekal kukuh. Sektor perkhidmatan akan menerajui pertumbuhan, dengan semua subsektor mencatat pengembangan. Pertumbuhan akan didorong oleh aktiviti berkaitan pengeluaran seperti perdagangan borong, pengangkutan dan penyimpanan dan diperkukuh oleh sektor luar yang bertambah baik. Sementara itu, perdagangan runcit serta penginapan dan restoran akan disokong oleh penggunaan isi rumah yang berdaya tahan, walaupun lebih sederhana. Sektor pembuatan dijangka akan disokong oleh pengukuhan industri domestik dan industri berorientasikan eksport sejajar dengan aktiviti pelaburan yang semakin meningkat dan permintaan luar yang menggalakkan berikutan pemulihan berterusan dalam ekonomi maju dan prospek pertumbuhan yang lebih baik di rantau ini. Sektor pembinaan dijangka mencatat

pertumbuhan kukuh, dengan peningkatan aktiviti bagi projek kejuruteraan awam di sektor O&G dan pembinaan bangunan kediaman dan bukan kediaman. Sektor pertanian dijangka berkembang disokong oleh pengeluaran komoditi yang lebih tinggi dan peningkatan pengeluaran komoditi makanan. Sektor perlombongan juga dijangka meningkat berikutan peningkatan pengeluaran gas asli dan minyak mentah (termasuk kondensat) yang lebih tinggi.

Sektor perkhidmatan dijangka berkembang 5.6% pada 2015 (2014: 5.9%), mencakupi 55.4% daripada KDNK (2014: 55.3%) disokong oleh pertumbuhan dalam semua subsektor. Pada 2015, subsektor perdagangan borong dan runcit dijangka berkembang 7.1% (2014: 7.7%) manakala subsektor penginapan dan restoran meningkat 5.9% (2014: 6.1%) didorong oleh penggunaan domestik yang kukuh dan ketibaan pelancong yang lebih tinggi berikutan *Malaysia Year of Festivals 2015*. Subsektor komunikasi dijangka berkembang 9.6% (2014: 10%) disokong oleh permintaan kukuh bagi perkhidmatan selular dan jalur lebar berikutan promosi yang menarik oleh pemain industri telekomunikasi dan juga pelancaran telefon pintar baharu dan tablet media. Sementara itu, subsektor hartanah dan perkhidmatan perniagaan dijangka berkembang 7.1% (2014: 7.5%) manakala subsektor pengangkutan dan penyimpanan sebanyak 4.7% (2014: 5%).

Nilai ditambah **sektor pembuatan** dijangka berkembang 5.5% (2014: 6.4%). Industri berorientasikan eksport akan mendapat manfaat daripada perdagangan global yang lebih baik, manakala industri berorientasikan domestik terus berkembang sejajar dengan keyakinan perniagaan dan sentimen pengguna yang menggalakkan. Subsektor E&E dijangka terus berkembang didorong oleh permintaan lebih tinggi daripada komponen elektronik, komunikasi dan peralatan perisian selaras dengan pemulihan ekonomi di seluruh rantau ini. Industri berasaskan sumber dijangka berkembang disebabkan oleh penambahbaikan permintaan bagi produk petroleum, getah dan

kimia. Dengan prospek pekerjaan yang lebih menggalakkan dan pendapatan boleh guna yang lebih tinggi, subsektor kelengkapan pengangkutan, khususnya segmen kereta penumpang dijangka terus berkembang. Industri berkaitan pembinaan dijangka berkembang, disokong oleh projek infrastruktur yang berterusan seperti MRT dan pemanjangan LRT.

Sektor pertanian dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.1% pada 2015 (2014: 3.8%). Pengeluaran CPO dijangka terus meningkat dipacu oleh hasil FFB yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan kawasan matang, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Output getah bertambah baik kepada 800,000 tan metrik (2013: 792,000 tan metrik) disokong oleh peningkatan permintaan luar. Komoditi makanan, terutamanya ternakan, pertanian lain dan perikanan akan terus mencatat pertumbuhan menggalakkan berikutan pelbagai inisiatif Kerajaan yang sedang dilaksanakan bagi memastikan pengeluaran makanan domestik yang mencukupi.

Sektor perlombongan dijangka berkembang 2.8% pada 2015 (2014: 0.7%), mencerminkan pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas asli yang lebih tinggi. Peningkatan pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) akan disokong oleh pemulihan minyak dan medan tambahan. Pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dijangka meningkat pada 2015 dengan bermulanya operasi di beberapa medan minyak baharu pada 2014 termasuk Medan Banang di pesisir Semenanjung Malaysia dan Medan Kebabangan di pesisir Sabah. PETRONAS juga merancang untuk meningkatkan pengeluaran di Gumusut-Kakap daripada 20,000 tsh kepada 80,000 tsh pada 2015. Sementara itu, pengeluaran gas asli juga terus berkembang didorong oleh peningkatan permintaan, terutamanya daripada industri petrokimia dan industri lain. Harga minyak global yang turut bergantung kepada keadaan luar yang tidak menentu, dijangka kekal stabil walaupun pada kadar sederhana disebabkan oleh permintaan yang kukuh dan bekalan yang lebih

tinggi, terutamanya dari syal O&G oleh negara pengeluar bukan OPEC. Bagi 2015, Dated Brent dijangka diniagakan pada purata USD100 setong dan Tapis dijangka diniagakan pada purata USD105 setong.

Sektor pembinaan dijangka meningkat 10.7% pada 2015 (2014: 12.7%) disokong oleh permulaan beberapa projek berkaitan O&G seperti RAPID serta projek berkaitan infrastruktur pengangkutan yang berterusan. Sementara itu, subsektor kediaman dijangka kekal kukuh memandangkan terdapat permintaan untuk perumahan, terutamanya daripada golongan berpendapatan sederhana. Permintaan untuk perumahan mampu milik akan kekal menggalakkan berikutan beberapa inisiatif kerajaan seperti PR1MA, RIR dan RMR. Subsektor bukan kediaman juga dijangka kekal stabil disokong oleh permintaan yang menggalakkan bagi bangunan industri dan komersial. Projek komersial utama seperti Menara Warisan setinggi 118 tingkat dan Bukit Bintang *City Centre* dijangka menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini.

Permintaan Domestik

Permintaan domestik memacu pertumbuhan

Faktor utama menyokong permintaan domestik yang berdaya tahan pada 2014 akan terus menyokong pertumbuhan pada 2015 dengan sektor swasta kekal menjadi pemacu permintaan domestik. Peningkatan penggunaan dan pelaburan swasta dijangka menyederhana pada 2015 berikutan pertumbuhan kukuh pada 2014. Inflasi yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan GST dijangka memberi kesan sementara kepada permintaan domestik. Walau bagaimanapun, pendapatan eksport yang tinggi dan peningkatan upah akan memberikan kesan positif kepada pelaburan dan penggunaan swasta. Sementara itu, sektor awam terus menyokong pertumbuhan didorong perbelanjaan modal yang mampan oleh Kerajaan Persekutuan

dan PABK. Sehubungan itu, agregat permintaan domestik dijangka berkembang 6.2% (2014: 6.4%).

Penggunaan swasta dijangka berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 5.6% pada 2015 (2014: 6.5%) lebih rendah daripada purata jangka panjang, disebabkan sentimen pengguna yang berhati-hati dalam perbelanjaan berikutan pengurangan subsidi minyak pada Oktober 2014 dan pelaksanaan GST bermula pada 1 April 2015. Kesan terhadap perbelanjaan pengguna dapat diimbangi oleh bantuan tunai tambahan sebanyak RM300 kepada penerima BR1M dan program bantuan tunai lain untuk golongan sasaran bagi membantu mereka menghadapi kenaikan kos sara hidup. Penyusunan semula dan pengurangan cukai pendapatan individu pula akan mengurangkan bebanan kewangan isi rumah. Selain itu, peningkatan pendapatan boleh guna yang disokong oleh prospek pekerjaan yang lebih baik dan pertumbuhan upah yang berterusan dijangka menyokong perbelanjaan penggunaan swasta. Tambahan pula, perbelanjaan awal terutamanya bagi barangan pengguna yang berharga tinggi sebelum pelaksanaan GST akan mengimbangi penyederhanaan penggunaan swasta pada 2015.

Pelaburan swasta dijangka mencatat pertumbuhan dua digit sebanyak 10.7% pada 2015 (2014: 12%), sejajar dengan peningkatan peranan sektor swasta sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi. Sebahagian besar perbelanjaan modal dijangka dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor pendidikan swasta, pengangkutan dan kesihatan serta sektor pembuatan. Selain itu, pembinaan projek infrastruktur mega seperti MRT Aliran 1 yang dijangka siap pada Julai 2017 dan projek pembinaan lain yang bertempoh panjang seperti RAPID akan membantu menjana kesan limpahan positif kepada pelaburan swasta.

Penggunaan awam dijangka mencatat pertumbuhan sebanyak 3.8% (2014: 2.1%),

mencerminkan perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan serta emolumen. Sementara itu, **pelaburan awam** dijangka mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.7% (2014: 2.6%) berikutan penyegeraan pelaksanaan projek di penghujung Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), terutamanya dalam subsektor pengangkutan serta perdagangan dan perindustrian. Perbelanjaan modal oleh PABK dijangka lebih kukuh didorong oleh penambahbaikan dan pengubahsuaian kemudahan sedia ada, pengembangan kapasiti serta penambahbaikan produk dan perkhidmatan. Perbelanjaan modal PABK dijangka bertumpu terutamanya dalam sektor O&G, pengangkutan, telekomunikasi dan tenaga.

Kedudukan Sumber Negara

Imbangan sumber yang berterusan menyokong pertumbuhan

PNK pada harga semasa dijangka terus berkembang 9.4% pada 2015 (2014: 10.2%) sejajar dengan pertumbuhan berterusan dalam ekonomi domestik. Dengan unjuran jumlah perbelanjaan penggunaan pada harga semasa meningkat 9.2% (2014: 8.3%), TNK akan berkembang 9.8% (2014: 14.5%). Oleh itu, sumbangan TNK kepada PNK dijangka meningkat kepada 32.5% (2014: 32.4%). Setelah mengambil kira jumlah perbelanjaan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak 28.3% daripada PNK (2014: 27.3%), jurang tabungan pelaburan dijangka mencatat lebihan yang lebih rendah sebanyak RM49 bilion atau 4.3% daripada PNK (2014: RM53.9 bilion; 5.1%).

Sektor luar Negeri

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Pada 2015, kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal kukuh seiring dengan prospek pertumbuhan global dan perdagangan yang bertambah baik. Pemulihan ekonomi maju utama yang lebih kukuh, permintaan serantau

yang berdaya tahan, serta harga komoditi yang stabil dan perkembangan berterusan aktiviti ekonomi domestik akan menyokong prestasi perdagangan. Dengan pertumbuhan import melebihi eksport, lebihan dagangan dijangka lebih rendah pada RM74.1 bilion (2014: RM85.6 bilion). **Eksport kasar** dijangka meningkat 3.2% (2014: 6%) dirangsang oleh permintaan produk pembuatan lebih tinggi, terutamanya E&E, dan permintaan komoditi yang berterusan. Walau bagaimanapun, **import kasar** dijangka berkembang pada kadar yang lebih cepat sebanyak 5.3% (2014: 4.3%) didorong oleh permintaan input pengantara yang lebih tinggi dan perbelanjaan modal yang menyeluruh, khususnya dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan serta pelaksanaan projek infrastruktur yang berterusan. Tambahan pula, aktiviti pelaburan PABK di semua sektor utama yang lebih tinggi dijangka menyumbang kepada pertumbuhan import. Permintaan barangan penggunaan akan disokong oleh keadaan pasaran pekerjaan yang menggalakkan dan pertumbuhan pendapatan yang lebih stabil. Barangan pembuatan dijangka menyumbang 76.4% kepada jumlah eksport, manakala import barangan modal dan pengantara menyumbang sebanyak 73.8% (2014: 76.3%; 73.4%).

Sempena Malaysia Year of Festivals 2015, aktiviti promosi dan pemasaran yang agresif giat dijalankan. Keadaan ini dijangka mendorong perbelanjaan pelancong lebih kukuh. Pelanjutan TMM sehingga 2015 dengan usaha berterusan membangunkan produk pelancongan baharu dan *niche* serta menaik taraf kemudahan pelancongan sedia ada dijangka menyumbang kepada terimaan kasar yang lebih tinggi dalam akaun perjalanan sebanyak RM78.2 bilion (2014: RM76.3 bilion). Walau bagaimanapun, pelaburan dan aktiviti berkaitan perdagangan kukuh, bayaran kasar pengangkutan dan perkhidmatan lain termasuk perkhidmatan profesional, teknikal dan perniagaan diunjur kekal tinggi. Oleh itu, **akaun perkhidmatan** dijangka terus mencatat defisit RM13.1 bilion (2014: -RM12.6 bilion). Bagi keseluruhan tahun, lebihan **akaun barangan dan perkhidmatan** dijangka mengecil kepada RM96.6 bilion (2014:

+RM100.8 bilion) berikutan pertumbuhan import yang lebih tinggi serta akaun perkhidmatan mencatat defisit yang berterusan.

Sementara itu, ***akaun pendapatan primer*** dijangka mencatat defisit lebih rendah sebanyak RM27.7 bilion (2014: -RM28.6 bilion) disokong oleh prospek keuntungan korporat yang lebih baik sejajar dengan persekitaran perniagaan yang menggalakkan. Syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri dijangka menghantar balik keuntungan, dividen dan faedah yang lebih tinggi. Aliran masuk kasar yang lebih tinggi yang dijangka dapat mengimbangi aliran keluar MNC yang beroperasi di Malaysia menyumbang kepada aliran keluar bersih yang

lebih rendah dalam ***akaun pendapatan pelaburan*** iaitu RM23.4 bilion (2014: -RM24.6 bilion). Sebaliknya, perkembangan aktiviti ekonomi domestik yang berterusan menggambarkan keperluan tenaga pekerja asing yang lebih tinggi. Dalam hal ini, ***akaun pendapatan sekunder*** dijangka mencatat aliran keluar bersih yang lebih tinggi sebanyak RM19.9 bilion (2013: -RM18.3 bilion) berikutan kiriman wang pekerja asing yang lebih tinggi. Dengan akaun perkhidmatan dan pendapatan yang terus mencatat defisit serta pertumbuhan import pada kadar yang lebih pantas berbanding eksport, ***akaun semasa*** dijangka mencatat lebihan yang lebih rendah sebanyak RM49 bilion atau 4.3% daripada PNK pada 2015 (2014: RM53.9 bilion; 5.1%).

